

Jilid I
Bil. 91



Hari Khamis
19hb November, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 15037]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang (Undang-undang Perbekalan 1988

Jawatankuasa—

Jadual—

Maksud B.21 hingga B.24 [Ruangan 15095]

Maksud B.25 [Ruangan 15150]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1988

Jawatankuasa—

Maksud P.21 hingga P.24 [Ruangan 15095]

Maksud P.25 [Ruangan 15150]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DAIQ' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DAIUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

.. Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

.. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

.. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEB KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinubalu).

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).

Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).

Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).

Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).

Timbalan Menteri Kesihatan, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSIAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).

Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).

Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., JP. (Alor Setar).

Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI. D.P.M.P.. A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Pertanian. DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN. D.I.M.P. (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- .. Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Luar Negen, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULAIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OIHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. TUAN ABDOL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).
- .. DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M... D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).
- .. DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu),
- .. TUAN HAJI ABDUL MANAK BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).
- .. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- .. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P.. D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- .. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- .. DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- .. TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchong).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN Gooi HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N.. P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID. S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- .. TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGCONG JINGGUT (Ulu Rujung).
- .. DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjong Karang).
- .. TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG. P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN MICHAEL ASANG, B.s.K. (Jambongan).
- .. TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., PS. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWHK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOFF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD, HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. Tun Datu Haji Mustapha bin Daiu Harun (Limbawang).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar),
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).

Yang Berhormat TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DAIUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C. K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- .. TUAN PrriING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S.. J.S.M.. S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- .. DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- .. Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K.. P.S.M.. S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAI PIAH, D.P.M.P.. P.M.P.. A.M.N.. P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K.. J.P. (Scmporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINII DATO' SYED MOHAMMED. S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TBIK HUAT (Bagan).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sihu).
- .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- .. DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID. S.M.K.. P.P.N. (Pasir Puteh).
- .. DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

Yang Berhormat PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

- .. DATO' ZAINAL ABIDIN .BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., PJ.K., J.P. (Sik).
- .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., PJ.K. (Besut).
- .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 19hb November, 1987

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang***DOA***(Timbalan Yang di-Pertua mem-
perkeruskikan Mesyuarat)*

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**MINIHIDRO DI KAMPUNG
MELANGKAP, KOTA BELUD**

1. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah agaknya Minihidro di Kg Melangkap, Kota Belud di Sabah akan dibina. Bolehkah projek itu dipercepatkan memandangkan ianya sudah begitu lama tergendala dan kini rakyat berkenaan menunggu-nunggu untuk menikmatinya.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, pembinaan projek Minihidro Melangkap telah dimulakan pada bulan September, 1983 dan dijangka siap pada bulan April, 1986 tetapi projek ini tergendala dan menghadapi berbagai-bagai masalah:

- (i) Kontraktor yang dipilih untuk melaksanakan projek tersebut telah bekerja hingga awal tahun 1986 tetapi telah gagal menyempurnakannya kerana telah diletak di bawah taraf tanggungan.

- (ii) Masalah-masalah lain timbul berkaitan dengan kerja-kerja awam:

- (u) ampangan di muara sungai untuk mengalirkan air masuk ke dalam paip telah dimusnahkan oleh banjir; dan
- (b) berlakunya kerosakan dan keretakan paip yang mengalirkan air sungai ke Stesen Janakuasa.

- (iii) Projek ini juga telah terjejas oleh kerana runtuh tanah yang turut merosakkan paip.

Lembaga Letrik Sabah telah memilih kontraktor yang kedua iaitu Syarikat Berjaya Sdn Bhd pada bulan Julai, 1986 untuk menyempurna serta meneruskan pembinaan projek ini. Projek ini dijangka siap pada akhir tahun 1987 ini dan bekalan elektrik akan disampaikan kepada lebih kurang 400 keluarga pada akhir tahun 1987.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir)

PROJEK SATE RIA

3. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah usaha yang dijalankan oleh MARA di dalam mempopularkan lagi dan memberi Franchise Sate Ria di luar

negeri sama ada kepada pengusaha tempatan atau luar. Setakat ini berapa banyakkah pengusaha sate ria yang terdapat di luar negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah):

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, projek Sate Ria telah dimulakan pada tahun 1982 melalui penubuhan Syarikat Sate Franchise Sdn Berhad. Perkembangan secara franchise di dalam negeri telah dimulakan sejak tahun 1983.

Untuk mempopularkan Sate Ria di luar negeri, langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (1) Mempergiatkan penyertaan dalam Expo-expo seperti "Food Fair" di luar negeri. Antara Expo-expo yang telah disertai adalah Expo di Vancouver, Canada dan di Bahrain. Cadangan Expo-expo lain yang akan disertai ialah di Anuga Food Fair di Cologne dan Expo '88 di Brisbane, Australia. Penglibatan dalam Expo-expo ini terutamanya di Expo Vancouver telah memberikan kejayaan yang besar dan telah membolehkan Sate Franchise mengukur reaksi permintaan pelanggan antarabangsa terhadap produknya. Juga memperkenalkan produk Sate Ria kepada seluruh dunia kerana Expo berkenaan didatangi oleh pelancong dari seluruh dunia.

Berita yang menyeluruh mengenai produk Sate Ria telah ditaporkan oleh akhbar-akhbar luar negeri melalui penglibatan di Expo berkenaan.

- (2) Memperkenalkan franchise secara berkesan, murah dan mudah melalui Franchise Assosiatlon di Washington.

Dalam pada itu agen-agen seperti "Trade Association" ataupun "Franchise Consultant" dan lain-lain badan perniagaan antarabangsa telah jua dihubungi. Sate Franchise juga telah menghubungi semua Malaysian Trade Missions untuk memperkenalkan franchise Sate Ria di luar negeri.

- (3) Merancang untuk menubuhkan cawangan-cawangan di tempat yang strategik dari segi tumpuan manusia dan mempunyai asas majmuk seperti London, Hawaii, Los Angeles, Tokyo, Sydney, Rome dan Jeddah bagi mempercepatkan perkembangannya di merata dunia.

Langkah-langkah Memberikan Franchise:

- (1) Sate Ria telah pun menyediakan "franchise package" yang boleh dijual bagi memperkembangkan franchise ini di luar negeri.
- (2) Sate Ria telah mendaftarkan "Trade Mark" di semua negara di mana pelaksanaan franchise ini dkadangkan.
- (3) Walaupun di satu-satu tempat mungkin terdapat banyak permintaan untuk menubuhkan franchise ini tetapi demi untuk persaingan franchise yang sihat, bilangan franchise akan dihadkan.

Perlaksanaan:

- (1) Sehingga ini satu "outlet" di luar negeri telah pun beroperasi iaitu di London, "Outlet" franchise ini diberikan kepada Kris London Limited; Syarikat yang kepunyaan majoritinya terdiri dari pengusaha tempatan.

(2) Enam orang pengusaha lagi telah pun diluluskan perlintikannya dan dijangka akan memulakan operasi

apabila tapak perniagaan diperolehi. Nama-nama franchise yang telah diluluskan itu adalah seperti berikut:

<i>Nama Franchise</i>	<i>Kawasan</i>	<i>Kedudukan</i>
(a) En. Zarim Abd. Aziz	San Francisco	Tapak perniagaan sedang diperolehi
(b) Kris Technologies Malaysian Sdn Bhd	Rome	Tapak perniagaan sedang diperolehi
(c) Puan Azzaratul Raihan binti Yeop Mahidin	Vancouver	Tapak permagaan sedang diperolehi
(d) H. I. M. Associates Sdn Bhd ..	Australia Timur	Tapak perningaan sedang diperolehi
(e) Tuan Syed Omar	Washmgton	Oplion Agrcement sedang disempurnakan
(f) En. Charles E. Kolinger	Netherlands	Option Agreement sedang disempurnakan

Perancangan juga sedang dibuat bagi kawasan Manchester, Jepun, Hawaii, Houston dan Perth (Australia).

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kita dapat lihat Sate Ria ini telah pun dialu-alukan oleh semua pihak daripada luar negeri, tetapi saya tidak dapat faham sebab apa franchise ini telah pun dihadkan. Saya ingin dapat tahu juga sebab apa kita tidak boleh mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengumumkan Sate Ria kepada dunia sebagai satu franchise yang telah pun dipopularkan seperti Kentucky Fried Chicken ataupun McDonald's. Saya rasa jika kita boleh ambil tindakan, boleh dapat dialu-alukan oleh seluruh dunia oleh kerana Sate Ria telah pun dikenalkan dan telah pun dialu-alukan oleh semua pihak yang telah melawat negara kita.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apa yang saya maksudkan dengan menghadkan franchise itu ialah kita kenalpasti sesuatu kawasan dan sesuatu kawasan yang kita "earmark" itu kita hanya memberikan satu master franchise. Di

dalam sesuatu kawasan apabila kita telah meluluskan master franchise, kita tidak akan meluluskan pemohon-pemohon franchise yang lain, tetapi master franchise itu dibenarkan untuk membuat sub-franchise di kawasan yang telah diluluskan baginya. Jadi, terpulanglah kepada master franchise ini sama ada mereka hendak memberikan sub-franchise di kawasan-kawasan yang telah diluluskan kepada master franchise itu. Dengan adanya sistem franchise ini kita mengharapkan supaya Sate Ria ini dapat menandingi popularity seperti produk-produk Yang Berhormat nyatakan tadi.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain dari Sate Ria, MARA sedang memfranchisekan makanan yang lain seperti Martabak. Saya hendak tanya Yang Berhormat sama ada MARA akan menimbangkan barang-barang makanan yang lain, seperti Nasi Kandar dari Pulau Pinang yang masyhur dan sedap atau Yong Tow Foo dari Ampang dan sebagainya untuk juga difranchisekan.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, saya kira makanan seperti Nasi Kandar dan juga Yong

Tow Foo sudah ramai orang yang mengeluarkan dan tiap-tiap yang mengeluarkan pada hari ini bukan terhadap kepada MARA sahaja, mereka juga boleh memberikan franchise kalau mereka boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Ghazali bin Ahmad.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta pembetulan sedikit, iaitu dalam soalan (c) sebutan bukanlah "Aziz Kaha"—"Aziz Khogeer".

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ke4.

JEMAAH HAJI

4. Tuan Ghazali bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian kepada pihak swasta yang gagal membawa jemaah haji ke Mekah tahun ini;
- (b) adakah Kementerian ini telah mengetahui bilangan bakal haji yang gagal menunaikan haji mereka menerusi swasta yang melakukan penyelewengan; dan
- (c) adakah apa usaha LUTH untuk memastikan bahawa tiada jemaah haji ke Tanah Suci dari Malaysia tidak menggunakan pihak swasta mahupun adanya package yang dibuat oleh Aziz Khogeer.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor); Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dalam Musim Haji yang baru lalu, Jemaah Haji yang telah menunaikan Fardhu Haji melalui pihak swasta dengan kebenaran Tabung Haji telah tidak terjejas urusan mereka,

baik di Malaysia mahupun di Tanah Suci. Walau bagaimanapun, mengikut laporan akhbar, ada Jemaah Haji swasta yang telah terkandas dan mereka adalah terdiri dari kumpulan yang cuba pergi ke Tanah Suci secara "illegal", dengan izin, iaitu dengan tidak mengikut peraturan. Tiada apa-apa tindakan undang-undang boleh diambil terhadap penganjur kumpulan itu tetapi Jemaah Haji yang berkenaan telah melaporkan perkara itu kepada pihak Polis, apatah lagi sekiranya pihak penganjur itu telah menyalahgunakan wang yang telah dibayar oleh mereka kepadanya. Walau bagaimanapun, pihak Tabung Haji sendiri ada melaporkan kepada Polis kegiatan penganjur yang sama beberapa tahun lalu, tetapi kes itu belum lagi selesai.

- (b) Bilangan sebenar bakal-bakal Haji yang terkandas itu tidak diketahui kerana kejadian itu telah tidak dilaporkan kepada Tabung Haji.
- (c) Bagi memastikan bakal-bakal Haji tidak pergi ke Tanah Suci dengan pihak swasta tanpa mendapat kebenaran dari Tabung Haji, penerangan diberi seluas-luasnya melalui akhbar, kursus Haji, siaran radio daerah, khutbah Jumaat serta poster yang ditampal di masjid dan surau. Walau bagaimanapun, sekiranya ada penganjur-penganjur yang memohon untuk membawa Jemaah Haji secara swasta, Tabung Haji sedia memberi pertimbangan terhadap permohonan mereka. Sekiranya Jemaah Haji yang mengambil package Haji, termasuk

package Haji Aziz Khogeer, adalah Jemaah Haji yang pergi dengan Tabung Haji dan bukannya Jemaah Haji swasta, dan package-package Haji itu dibenarkan di bawah peraturan Haji Arab Saudi.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beritahu apakah punca yang sebenar yang masih ramai lagi di antara masyarakat Islam yang suka pergi ke Mekah melalui swasta:

- (i) tambang murah;
- (ii) tinggal lama di Mekah; dan
- (iii) kerana terpengaruh dengan pihak-pihak yang memburukkan Tabung Haji.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan punca-punca sebenar ini, pihak Tabung Haji sentiasa mengenalpasti daripada semasa ke semasa. Buat waktu ini kita dapati sebahagian daripada sebab yang menjadikan setengah-setengah Jemaah Haji suka pergi secara swasta ialah kerana dorongan oleh orang-orang yang tertentu yang suka mengambil faedah daripada ibadat Haji.

Mengenai dengan masalah kerana tinggal lama dan sebagainya, saya fikir itu mungkin menjadi satu sebab tetapi sebab itu kalau sekiranya benar, maka ia merupakan satu perkara yang "illegal", iaitu yang tidak mengikut peraturan kerana Kerajaan Arab Saudi sendiri telah menentukan tempoh yang dibenarkan tinggal untuk menunaikan Fardhu Haji.

Tuan Haji Abdu) Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pihak swasta yang gagal membawa Jemaah Haji ke Mekah tahun ini telah mendakwa dan memburukkan Tabung Haji mengatakan Tabung Haji

tidak sempurna dan sebagainya. Mereka juga mengatakan bahawa pihak Tabung Haji tidak membenarkan syarikat-syarikat swasta membawa Jemaah Haji, tetapi sepertimana penerangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi bahawa ada dibenarkan pihak swasta menjalankan kegiatan ini. Apakah sebenarnya syarat-syarat yang dikenakan kepada pihak swasta yang hendak membawa Jemaah Haji ke Mekah?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya yang memburukkan itu orang yang gagat, maka sudah tentu sifatnya suka memburukkan orang. Misalnya, kalau seorang itu gagal dalam peperiksaan, biasanya dia akan salahkan pihak-pihak yang terlibat dengan peperiksaan sedangkan kelemahan dia ialah kelemahan dia sendiri. Jadi, kalau sekiranya Yang Berhormat menyebut pihak yang gagal telah memburukkan Tabung Haji, maka saya nampak bahawa mereka memburukkan kerana mereka gagal, mereka tidak boleh pergi dan bukan kerana kelemahan Tabung Haji. Jadi, siapa yang memburukkan Tabung Haji tentulah kerana mereka gagal, mereka tidak mahu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan juga oleh Kerajaan Negeri ini menerusi Tabung Haji bagi memelihara kepentingan umum dan saya nasihatkan kalau ada yang gagal dan memburukkan Tabung Haji, janganlah berbuat demikian.

Mengenai dengan pemergian secara swasta, tadi telah saya jelaskan bahawa ini memang dibenarkan oleh Tabung Haji tetapi oleh kerana kita mahu mendisiplinkan semua pihak, maka kita mahu supaya orang yang hendak menerima disiplin Allah di Mekah mereka terlebih dahulu perlu juga mendisiplinkan diri dengan

peraturan-peraturan Kerajaan. Syarat-syaratnya terlalu panjang dan kalau perlu boleh saya berikan kemudian.

KELAS TINGKATAN ENAM ALIRAN SAINS

5. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) sama ada Kementerian beliau bercadang melaksanakan pengurangan bilangan kelas tingkatan enam aliran Sains di negara ini; dan
- (ii) jika ya, kenapa dan sama ada Kementerian beliau dapat memberi jaminan ia mempunyai tempat yang cukup bagi pelajar-pelajar yang layak mengikuti matrikulasi Sains di universiti tempatan seperti mana yang dicadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pendidikan belum membuat apa-apa keputusan mengenai hal ini kerana perkara ini masih dalam peringkat kajian.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya satu soalan berhubung dengan kelas matrikulasi. Apakah kelas matrikulasi itu diadakan di semua universiti tempatan dan apakah kelayakan masuk dan berapakah jumlah penuntut yang diambil setakat ini?

Dr Leo Michael Toyad: Boleh

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Perlukan notis?

Dr Leo Michael Toyad: Boleh ulangkan soalan itu?

Dr Ting Chew Peh: Yang pertama itu, sama ada kelas matrikulasi itu

diadakan di semua universiti tempatan. Yang keduanya, apakah kelayakan masuk ke kelas matrikulasi itu dan berapakah jumlah penuntut-penuntut yang telah diambil setakat ini?

Dr Leo Michael Toyad: Untuk soalan pertama, jawapannya tidak. Dan untuk soalan yang kedua, kebanyakan pelajar yang diambil untuk mengikuti kursus matrikulasi ini adalah di peringkat SPM dan mereka yang telah belajar di dalam aliran Sains.

Setakat ini jumlah pelajar yang kita terima untuk memasuki universiti, berdasarkan angka yang saya sedia ada bagi 1986/1987, 38% daripada penuntut-penuntut kelas Asasi Sains dan Matrikulasi telah diterima masuk ke universiti-universiti tempatan kita untuk ijazah pertama.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Siapakah yang bertanggungjawab menyelaras dan mengawal kursus-kursus pra-universiti ini kerana pada masa ini terdapat banyak pihak yang melaksanakan seperti JPA, ITM, universiti-universiti tempatan sendiri dan juga sekolah-sekolah swasta kerana murid-murid yang lulus daripada SPM saya fikir memerlukan bimbingan untuk membuat pilihan yang betul apabila mereka masuk universiti kelak?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, kelas-kelas matrikulasi ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah diuruskan dan disklaraskan oleh universiti-universiti yang menganjurkan kursus itu seperti Universiti Malaya, Universiti Sains dan Universiti Kebangsaan yang sentiasa mengadakan aliran-aliran mengikut keperluan universiti-universiti tertentu.

HARGA BARANGAN UTAMA

6. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tindakan yang dibuat untuk menaikkan harga getah, bijih timah, kelapa sawit dan lain-lain bahan mentah negara kita. Pernahkah perkara ini dibincangkan oleh Menteri yang berkenaan semasa lawatan beliau keluar negeri dan negara-negara manakah yang telah memberi pengakuan akan membeli lebih banyak bahan-bahan tersebut.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, harga beberapa barangan utama seperti getah, bijih timah dan minyak kelapa sawit adalah ditentukan oleh keadaan permintaan dan penawaran dunia. Menyedari hakikat ini Kerajaan telah mengambil langkah-langkah seboleh-bolehnya untuk memastikan harga barangan utama adalah sekurang-kurangnya berpatutan dan stabil. Bagi getah asli Kerajaan akan terus berusaha mempertahankan harga getah melalui Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) menerusi operasi stok penimbalnya. Di peringkat dalam negeri pula, Kerajaan melalui agensi-agensinya seperti MARDEC dan RISDA akan terus menjamin pasaran harga getah bagi pekebun-pekebun kecil dengan mengadakan saluran pasaran yang diperlukan. Usaha-usaha penyelidikan akan terus digiatkan untuk mengurangkan kos dan membaiki mutu.

Bagi bijih timah pula Malaysia menyertai Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) untuk menstabilkan harga timah melalui skim merationalisasi bekalan untuk mengurangkan lebih bekalan timah dunia ke paras yang munasabah untuk memulihkan harga.

Bagi minyak kelapa sawit pula, Kerajaan akan terus meningkatkan usaha untuk memperkenalkan minyak

kelapa sawit di pasaran baru dan mempertingkatkan eksport bagi menambahkan permintaannya. Harga minyak kelapa sawit berkait rapat dengan permintaan, penawaran dan harga 16 jenis minyak sayuran dan lemak yang lain khususnya minyak kacang soya dan minyak rape seed.

Kita juga menggalakkan eksport kelapa sawit yang diproses dan mempelbagaikan produk dengan kualiti yang terjamin. Malaysia juga menentang kempen-kempen yang memburukkan minyak kelapa sawit yang dijalankan oleh Persatuan Kacang Soya Amerika di samping menentang cadangan pihak Kesatuan Ekonomi Eropah mengenakan cukai penggunaan, dengan izin, consumption tax ke atas minyak sayuran dan lemak yang diimport oleh negara-negara tersebut. Kerajaan juga terus menggalakkan penubuhan industri-industri berasaskan sumber untuk menambah permintaan terhadap barangan utama.

Kerajaan juga berusaha untuk memperkukuhkan lagi Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) untuk memberi kemudahan lindung-nilai di pasaran hadapan getah, minyak kelapa sawit dan timah. Kementerian saya telah menjalankan berbagai usaha untuk memperluaskan hubungan di antara pembekal barangan utama tempatan dengan pembeli dan pengimport luar negeri dengan tujuan meningkatkan lagi eksport barangan utama. Usaha ini dijalankan melalui berbagai aktiviti termasuk penghantaran misi-misi perdagangan dan teknikal untuk menerangkan kebaikan barangan Malaysia dari segi aspek-aspek ekonomi dan teknikal serta untuk menghapuskan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif yang dikenakan oleh negara-negara pembeli. Misi-misi seperti ini adalah penting bagi membaiki dan merapatkan hubungan

antara Malaysia dengan negara-negara yang berkenaan untuk mendapatkan mereka menambah pembelian barangan utama dari Malaysia di masa hadapan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adalah difahamkan negeri China mengenakan cukai import sebanyak lebih kurang 5% ataupun mungkin lebih jika sekiranya negeri tersebut mengimport kelapa sawit secara direct atau terusan daripada negara kita. Tetapi sebaliknya tidak mengenakan sebarang import duty atau cukai import jika sekiranya mereka membeli bahan-bahan tersebut daripada Singapura.

Yang keduanya, sejauh manakah usaha-usaha Kerajaan menaikkan harga barang-barang seperti kelapa sawit ini melalui sistem "counter trade" sepertimana yang disebutkan oleh pemimpin-pemimpin kita?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya jelaskan Kerajaan sentiasa mengadakan rundingan-rundingan dengan Kerajaan-kerajaan luar negeri untuk menghapuskan tarif-tarif dan sekatan-sekatan cukai dan bukan cukai dan dari masa ke semasa sekatan-sekatan ini telah dapat kita kurangkan. Cukai 5% yang dikenakan ke atas import minyak kelapa sawit secara direct yang dikenakan oleh negeri China adalah keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri China sendiri dan Malaysia akan berusaha untuk mendapatkan penghapusan cukai tersebut itu, bukan sahaja dikenakan oleh Negeri China tetapi juga oleh negara-negara lain di dunia.

Mengenai usaha counter trade minyak kelapa sawit, saya ingin menjelaskan bahawa setakat ini kita telah mengadakan usaha counter trade ini dengan pembeli utama kita iaitu India, di mana sebuah Jawatankuasa telah dibentuk di Kementerian saya

untuk memberi pertolongan kepada pengusaha-pengusaha India untuk mendapatkan tender-tender dan juga bekalan jentera-jentera dan sebagainya yang tidak mungkin dapat dibekalkan oleh rakyat tempatan supaya untuk dapat kita kurangkan perimbangan perdagangan yang berat sebelah antara Malaysia dan India pada masa ini, terutama negara India membeli banyak minyak kelapa sawit kita dan kita tidak dapat membeli banyak barangan yang dikeluarkan oleh India. Oleh itu, apa yang dapat kita tawarkan ialah dengan menggalakkan penyertaan pengusaha-pengusaha India di dalam kerja kontrak dan tender-tender yang terbuka.

AKTA RAHSIA RASMI— KUATKUASA

7. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan sejak Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 dikuatkuasakan pada 1hb Januari, 1987;

- (a) bilangan orang yang didapati melanggar Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986;
- (b) bilangan dokumen rasmi yang dibukakan kepada umum dan dihentikan dari menjadi rahsia rasmi dan apakah dia; dan
- (c) adakah Kerajaan akan "declassify" semua dokumen berhubung dengan projek lebuhraya Utara-Selatan bernilai \$3.4 billion bagi menunjukkan tidak ada apa-apa yang disembunyikan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua:

- (a) semenjak berkuatkuasanya Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986 mulai 1hb Januari, 1987, belum ada iaporan dibuat bersabit dengan pelanggaran Akta tersebut;

- (b) jumlah dokumen rasmi yang telah dibukakan kepada umum dan dihentikan dari menjadi rahsia rasmi ialah 5 iaitu Proton Saga, Jambatan Pulau Pinang, Bangunan Dayabumi, Peristiwa Memah dan Laporan Penyiasatan Kegelinciran Tren Ekspres Sinaran Petang di Sengkang, Johor;
- (c) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa dokumen berhubung dengan projek penswastan Lebuhraya Utara-Selatan telah pun di "declassify" yang mana telah ditunjukkan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli DAP pada 16hb Julai, 1987 di Kementerian Kerjaraya. Dokumen tersebut adalah dokumen-dokumen tawaran yang dikelaskan sebagai rahsia. Dokumen-dokumen yang ditunjukkan pada hari itu jelas menunjukkan bahawa Kerajaan tidak menyembunyikan dokumen-dokumen tersebut.

Dr Ting Chew Peh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin memlnta pandangan Yang Berhormat Menteri, sejauh manakah berasas tentang rungutan ataupun tuduhan bahawa Akta Rahsia Rasmi sedikit sebanyak menyekat kebebasan akhbar?

Dato¹ Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada asas.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa sehingga hari ini belum ada laporan yang telah disampaikan kepada pihak berkuasa yang berkenaan mengenai pelanggaran Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986. Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memandangkan kepada jawapan yang

telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. saya ingin mendapat tahu sama ada Kerajaan menganggap tidak ada apa justifikasi lagi untuk meneruskan Akta Rahsia Rasmi dan memandangkan juga kepada banyak bantahan yang telah dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan terhadap Akta Rahsia Rasmi Jni, maka sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula perkara ini dengan tujuan untuk memansuhkannya demi kepentingan kebebasan maklumat.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku itu adalah sebenarnya merupakan justifikasi bagi Kerajaan untuk meneruskan Akta ini. Walaupun sebahagiannya ianya dianggapkan sesuai untuk dimaklumkan, maka Kerajaan akan bertindak demikian bagi kepentingan pentadbiran negara.

PROJEKINDUSTRI KAMPUNG

8. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjelaskan sejak Kerajaan melancarkan projek Industri Kampung secara besar-besaran di waktu kebelakangan ini, bagaimanakah sambutan daripada orang ramai. Sehingga bulan September 1987 ini, sudah berapa buahkah Projek Industri Kampung ini telah berjaya dibina di seluruh negara dan nyatakan di mana letaknya projek-projek itu. Nyatakan juga apakah bahan-bahan yang diproseskan dan bagaimana pasarannya.

20-11-87

10. Tuan Haji Basri bin Bajuri minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai dalam usaha Kerajaan mengembangkan industri kampung dan bagaimanakah sambutan penduduk luar bandar terhadap

rancangan tersebut serta apakah pula masalah-masalah yang dihadapi oleh Kementerian.

25-11-87

21. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sama ada rancangan membangunkan industri kampung tajaan Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri Kampung Sdn Bhd (SPPIK) hanya tertumpu kepada kampung-kampung tradisional;
- (b) adakah Kerajaan berhajat memperluaskan skim tersebut ke kampung-kampung baru; dan
- (c) jika tidak, apakah sebab-sebabnya.

27-11-87

1. Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Laliff minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan projek mewujudkan industri-industri kecil di kawasan luar bandar;
- (b) kenapa proses pelaksanaan sesuatu projek itu mengambil masa yang begitu lama; dan
- (c) tidakkah Kementerian sedar bahawa syarat dikenakan bagi meluluskan bantuan kepada industri kecil itu menyulitkan permohonan-permohonan seperti diisyaratkan itu terlebih dahulu menjalankan perusahaannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, disebabkan ramai Ahli Yang Berhormat telah mengutarakan soalan berkenaan dengan industri kampung dan

kebanyakan soalnya adalah hampir serupa, maka saya ingin meminta izin menjawab sekaligus soalan-soalan daripada Yang Berhormat dari Kuala Langat yang dijadualkan pada 20-11-1987, Ahli Yang Berhormat dari Gopeng pada 25hb November, 1987, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas pada 26hb November, 1987 dan Ahli Yang Berhormat dari Tasek Gelugor pada 27hb November, 1987.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Boleh.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Disebabkan ramai yang bertanya, saya ingin meminta masa lebih sedikit untuk menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Berapa lama Yang Berhormat?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Lebih sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, sejak dilancarkan Program Industri Kampung, sambutan orang ramai adalah menggalakkan. Sehingga hari ini sejumlah 1,240 projek telah diluluskan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pecahannya adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah orang</i>	<i>Bantuan</i>
1986.. .	492	\$ 4,535,601
1987 . . .	748	6,735,808
		<hr/>
		\$11,271,409

Projek-projek ini terletak di kampung-kampung di tiap-tiap negeri di seluruh negara dan sebahagian besarnya telah berjaya. Bagi mereka yang berkehendakkan letak duduk industri kampung ini, bolehlah menulis surat kepada saya kerana terlalu banyak untuk saya sebutkan kerana di tiap-tiap negeri ada terdapat industri kampung itu.

Bagi bahan-bahan yang diproses adalah seperti bahan tanduk, ikan untuk dijadikan keropok, cili untuk dijadikan sos, anak udang untuk dijadikan belacan, pulut untuk dijadikan tapai, kayu, rotan; buah-buahan untuk diawit, buluh, rempah dan sebagainya. Pasarannya setakat ini kerana kelulusannya baru sahaja iaitu pada 1986 dan 1987, maka Kementerian belum lagi dirujuk untuk masalah-masalah pemasaran. Dari itu, kita anggapkan bahawa pemasarannya adalah setakat ini boleh dilakukan oleh pembuat-pembuat itu sendiri.

Bagaimanapun untuk memastikan sekiranya ada masalah, Kementerian telah pun menubuhkan syarikat pemasaran Karyanika Sdn Bhd untuk memasarkan hasil-hasil kraf dan juga Batek Malaysia Bhd, untuk memasarkan hasil-hasil batik. Buat masa ini proses pelaksanaan sesuatu industri kampung hanyalah memakan masa selama 11 minggu iaitu proses yang pertama dari peringkat Penyelia Kanan KEMAS daripada permohonan sehingga ia dimajukan ke peringkat Pengarah KEMAS Negeri selama dua minggu, daripada peringkat Pengarah KEMAS Negeri untuk mendapat laporan dan sokongan di dalam mesyuarat antara agensi dan seterusnya dihantar ke Kementerian selama tiga minggu dan daripada Kementerian untuk mendapatkan kelulusan dan juga waran peruntukan dan surat kuasa pembelian mesin dan peralatan selama dua minggu. Dan dari segi sebutharga dan pemasangan mesin selama 4 minggu, jumlah adalah 11 minggu. Jadi, kadar proses pelaksanaan ini tidaklah begitu lama jika diambil kira perlunya semua peraturan pembelian mengikut Arahan Perbendaharaan di samping memastikan penguasa mendapat bekalan mesin yang terbaik.

Adalah tidak benar syarat-syarat yang dikenakan adalah ketat dan

menyulitkan pemohon. Bagaimanapun, Kementerian perlu menentukan penyaluran bantuan adakah dibuat kepada pengusaha-pengusaha yang benar-benar ingin dan tahu menjalankan perusahaan. Kementerian ada juga menimbangkan permohonan-permohonan dari mereka yang belum menamatkan perusahaan tetapi ada kepakaran, kemahiran, latihan dan kesungguhan. Malah Kementerian menggalakkan permohonan dari belia-belia dan siswazah-siswazah yang berminat untuk menceburkan diri dalam industri kecil ini.

Berkenaan dengan Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri Kampung Sdn Berhad (SPPIK) pula, ia ditubuhkan di bawah Akta Syarikat. Dengan itu ia mempunyai dasar dan polisi sebagai terdapat di dalam Article and Memorandum of Association. Aktiviti utamanya adalah membangunkan industri kampung. Pembangunan industri ini ditekankan di kawasan-kawasan luar bandar dan di kampung-kampung di mana terdapat sumber-sumber semulajadi atau sumber-sumber tempatan yang banyak.

Asas utama bagi SPPIK apabila ingin membangunkan industri kampung ialah daya majunya sesuatu projek tersebut dengan kawasan terdapatnya sumber-sumber tempatan. Penempatan projek tersebut tidak semestinya tertumpu di kampung-kampung tradisi semata-mata. Sekiranya di kampung-kampung baru ada terdapat banyak sumber-sumber tempatan daripada buluh, rotan, kayu dan lain-lain, maka bolehlah ditimbangkan untuk membangunkan industri di kawasan berkenaan.

Tuan Abdol Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada usaha-usaha Kementerian untuk memajukan industri kampung ini, adakah agensi

antarabangsa atau agensi-agensi lain yang turut sama menyumbang ke arah memajukan projek industri kampung ini? Sekiranya ada, apakah jenis-jenis hantuan yang dimajukan?

Tuan Mohamed bin Janirah: Tuan Yang di-Pertua, usaha membangunkan industri kampung ini adalah terhad kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar semata-mata.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih di atas penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan berbangga dengan sambutan orang ramai. Jadi, saya ingin bertanya, apakah program jangka panjang dan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian ini bagi mempertingkatkan mutu barangan pengeluaran industri kampung ini agar satu masa nanti ia dapat menembusi pasaran antarabangsa?

Yang kedua, adakah Yang Berhormat sedar masih terdapat kesukaran pihak-pihak pengusaha industri kecil untuk mendapat bekalan mesin yang diperlukan walaupun pihak Kementerian telah memberi kelulusan. Dan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudahlah, Yang Berhormat.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Minta maaf. Jika sedar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sambung?

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Sambung. Jika sedar, apakah langkah yang positif untuk mengatasi masalah itu?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi kualiti industri kampung yang baru diusahakan oleh pembuat-pembuat

ini, kita mempunyai satu Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia sekiranya ia daripada barangan kraft di mana Perbadanan ini mengadakan kepakaran dari segi dayacipta. Tetapi dari segi perusahaan lain, kita mempunyai satu seksi rujukan teknologi dan pemakanan untuk teknologi moden dan kita boleh berhubung dengan MARDI untuk memastikan bahawa kualiti-kualiti barangan yang akan dikeluarkan oleh pembuat-pembuat industri kampung ini dapat dipasarkan di dalam negeri pada awalnya dan sekiranya ia mendapat permintaan di luar negeri. Oleh itu kita akan pastikan bahawa kualitinya dapat jaminan daripada pihak yang berwajib seperti MARDI.

Bagi soalan yang kedua, memang benar kita dapati bahawa ada kalanya permohonan bantuan mesin telah pun diluluskan tetapi tidak sampai dengan cepat seperti yang diharapkan kerana pada satu ketika dahulu kita mengharapkan bahawa mesin-mesin ini dibeli oleh pengarah-pengarah di negeri-negeri masing-masing. Maka kita tidak dapat membuat satu kawalan berkenaan dengan perkara ini. Tetapi baru-baru ini kita telah mengambilalih supaya pembelian mesin itu dibuat secara "centralised" dan apabila ia dibuat secara "centralised", saya kira kita dapat mengawal dari segi pembekalan dan juga jadual untuk pembekalan itu kita dapat pastikan seperti jadual kelulusan yang saya sebutkan tadi.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu jika kawasan-kawasan yang dimaksudkan untuk projek industri kampung ini meliputi juga kawasan-kawasan FELDA, kawasan-kawasan FEL-CRA, kampung-kampung baru Cina dan juga estet-estet. Jika ya, saya ingin dapat tahu berapakah projek-projek yang telah pun dilancarkan di dalam kawasan-kawasan seperti itu?

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mendapat permohonan, kita tidak meneliti sama ada ia datang daripada FELDA, FELCRA ataupun kampung-kampung baru. Kriteria yang utama kita pastikan ialah bahawa ia termasuk dalam garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kementerian. Keduaanya, dia mempunyai dayamaju untuk hidup dan juga pemohonnya mempunyai kemahiran dan kepakaran dan keempat, mereka mengetahui cara mana untuk memasarkan industri kampung itu. Tetapi sekiranya Yang Berhormat mahukan peneroka-peneroka dan juga penduduk-penduduk kampung baru mengadakan industri kampung itu, sekiranya mereka mempunyai bahan-bahan mentah yang telah kita senaraikan di dalam Kementerian kami, insya Allah, kita akan pertimbangkan.

SKIM JOHOR BARAT FASA II

9. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk membatalkan Skim Johor Barat Fasa II walaupun Skim Johor Barat Fasa I yang telah siap banyak menguntungkan masyarakat yang terlibat. Kiranya projek ini dibatalkan, adakah Kerajaan bercadang untuk menukarkannya kepada skim lain yang bersesuaian dengan keadaan kemampuan Kerajaan masa ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato' Alexander Yu Lung Lee): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang agak sama sebenarnya telah pernah dibangkitkan oleh Yang Berhormat di persidangan Parlimen ini di sesi-sesi yang lepas, iaitu pada 16hb Mac dan 7hb Julai, 1987. Bagi soalan-soalan ini Kementerian telah pun memberikan jawapan yang panjang lebar mengenai perkara-perkara yang sama.

Walau bagaimanapun, untuk menjawab soalan ini, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan Rancangan Pembangunan Pertanian Bersepadu Johor Barat (Fasa II). Pelaksanaan projek ini sebenarnya telah pun dimulakan di bawah Fasa I dan pada tahun 1986 pinjaman Bank Dunia diperolehi bagi membiayai sebahagian daripada kos projek ini sebanyak \$347 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan keutamaan diberi kepada program-program pencegahan banjir. Pada masa ini kerja-kerja pembinaan Empangan Bekok telah dimulakan sementara kerja-kerja mendalam, melebar dan meluruskan sungai adalah dalam proses penyediaan dokumen tender.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan No. 10 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir)

CUKAI JALAN

11. Tuan Madatang bin Morejal minta Menteri Pengangkutan menyatakan reaksi Kementerian tersebut terhadap cadangan untuk mengurangkan kadar pembayaran cukai jalan (Road Tax) sebanyak 50% kepada kenderaan yang memakai minyak diesel bagi negeri Sabah dan Sarawak. Cadangan tersebut berdasarkan kepada keadaan jalan raya yang kurang memuaskan di kedua-dua negeri tersebut berbanding dengan keadaan jalan raya di seluruh Semenanjung Malaysia.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya kadar lesen kereta motor atau cukai jalan yang

dikenakan ke atas kenderaan-kenderaan di Sabah dan Sarawak sebahagiannya adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan kadar yang dikenakan bagi kenderaan-kenderaan di Semenanjung Malaysia. Kadar cukai jalan di negeri-negeri tersebut merupakan kadar tama yang pernah dikenakan dahulu sebelum tahun 1984 lagi. Kerajaan juga sedar bahawa rangkaian jalan raya di kedua-dua buah negeri tersebut adalah terhad dan mutunya kurang baik jika dibandingkan dengan jalan raya yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

Namun demikian, Kerajaan bersedia untuk mengkaji semula bayaran lesen kereta motor bagi kenderaan-kenderaan di Sabah dan Sarawak. Kerajaan akan mengambil kira alasan-alasan yang kukuh para pemilik dan pengusaha kenderaan di kedua-dua buah negeri mengenai cadangan untuk menurunkan bayaran lesen kereta motor bagi kenderaan-kenderaan yang digunakan di sana termasuk yang memakai minyak diesel, apabila menjalankan semula kajian mengenai bayaran lesen kereta motor di kedua-dua negeri tersebut.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, akhir-akhir ini kita dapat tahu bahawa barangkali tidak berapa lama lagi di negara kita akan ada kereta-kereta menggunakan gas di Sarawak, Sabah dan Semenanjung. Maka, apakah pihak Kerajaan akan mengurangkan bayaran cukai jalan kepada kereta-kereta yang menggunakan gas? Itu satu.

Yang kedua, adakah tidak cadangan pihak Kerajaan untuk mempertimbangkan kepada rakyat yang susah-susah, yang memakai kereta-kereta lama sangat, kereta buruk sangat? Adakah cadangan untuk dipertimbangkan murah, dimurahkan bayaran cukai jalan?

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini tidak ada cadangan untuk mengurangkan bayaran cukai jalan bagi kereta-kereta yang menggunakan gas dan mengenai kereta yang sudah buruk sangat, sekiranya didapati ianya tidak "road worthy" lagi, dengan izin, ianya tidak dibenarkan digunakan di jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Tuan Haji Hussein bin Haji Taib.

(Soalan No. 12 Y.B. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib tidak hadir).

KERETA DIPLOMAT MALAYSIA DITEMBAK DISTOCKHOLM

13. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah sebab dan puncanya kejadian kereta Diplomat Malaysia di Stockholm ditembak pada pertengahan bulan Ogos, 1987 yang lalu. Mengikut laporan polis Sweden pada masa itu masih lagi membuat penyiasatan tetapi sekarang telah hampir dua bulan perkara itu berlaku, apakah laporan yang diperolehi oleh Wisma Putra.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Tuan Yang di-Pertua, kejadian penembakan kereta Diplomat Malaysia di Stockholm, Sweden pada pertengahan bulan Ogos tahun ini telah melibatkan kereta Suruhanjaya Perdagangan kita yang bertugas di sana. Dalam kejadian tersebut, kereta itu telah ditembak sebanyak 6 das dan kesan tembakan telah dijumpai di bahagian hadapan dan belakang kereta tersebut. Secara kebetulan kereta itu semasa ditembak berada di ruang letak kereta yang sepatutnya dikhaskan untuk kepada Kuasa Usaha Negara Chile. Oleh yang demikian, adalah dijangka bahawa penembakan ini berpunca dari tersalah identity.

dengan izin. Ini adalah oleh kerana Kuasa Usaha Chile sendiri ada membayangkan bahawa ada kemungkinan beliaulah yang menjadi sasaran penembakan tersebut. Pihak Kedutaan kita di Stockholm ada juga membayangkan bahawa penembakan itu mungkin dilakukan oleh seorang penjenayah biasa, ataupun seorang pemabuk yang sememangnya tidak suka kepada diplomat-diplomat asing di Sweden.

Kementerian berpendapat bahawa kejadian tersebut tidak menunjukkan bahawa ada orang-orang yang ingin menganiaya pegawai-pegawai atau kakitangan kita dan tidak terdapat apa-apa bukti yang boleh menunjukkan bahawa ada anasir-anasir yang cuba mengancam keselamatan kakitangan atau pejabat kita di sana.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, apakah perlindungan diplomatik yang diperolehi oleh diplomat-diplomat kita di luar negeri?

Yang kedua, pegawai-pegawai manakah yang berhak mendapat perlindungan diplomatik? Saya ditahamkan bahawa Pegawai-pegawai Kerja tidak termasuk dan tidak mendapat perlindungan diplomatik sedangkan merekalah yang banyak menjalankan kerja-kerja dan memerlukan kepada perlindungan diplomatik.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, mereka yang mendapat perlindungan diplomatik adalah mereka yang bertugas melalui Diplomatic Corps ataupun menjadi wakil negara di negara-negara asing. Walhal mereka yang bekerja sebagai pekerja-pekerja pejabat atau administrative sebenarnya tidak diberikan perlindungan diplomatik. Ini adalah

satu keputusan administrative yang dibuat oleh Kerajaan kita selaras dengan lain-lain Kerajaan juga.

PENYELUDUPAN DAUN TEBBAKAU

14. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah Menteri sedar bahawa penanam-penanam dan pengawit tembakau di negara kita mengalami kerugian yang besar. Kerugian ini mungkin kerana adanya persaingan dengan tembakau yang diseludup dari negara jiran. Apakah tindakan yang patut diambil oleh Menteri ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Kementerian Perusahaan Utama memang sedar bahawa kegiatan penyeludupan daun tembakau kering dari negara jiran ada berlaku dan kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini akan merugikan penanam-penanam dan pengawit-pengawit tembakau di negara kita sekiranya ia tidak dikawal. Selain daripada itu kegiatan ini turut menjejaskan mata pencarian pekerja-pekerja yang terdapat di stesen-stesen pengawit tembakau.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja selaku badan yang bertanggungjawab secara langsung memberi perhatian yang berat untuk mengawal kegiatan ini. Jabatan Kastam dan Unit Pencegah Penyeludupan telah dan akan terus berusaha sedaya upaya untuk mengatasi masalah ini. Rondaan-rondaan di darat dan di laut telah diperbanyakkan termasuk mengadakan sekatan-sekatan jalan-raya selama 24 jam berterusan di jalan-jalan yang biasanya digunakan oleh penyeludup-penyeludup.

Selain daripada itu, pemeriksaan dan serbuan-serbuan mengejut juga dilakukan di tempat-tempat tertentu. Bagi menyokong usaha-usaha Jabatan Kastam dan Unit Pencegah tadi, pihak

Kementerian Perusahaan Utama melalui Lembaga Tembakau Negara telah mengambil langkah-langkah pentadbiran serentak bagi membanteras aktiviti ini. Hasil daripada tindakan-tindakan tersebut, sebanyak 38 kes penyeludupan tembakau diperolehi pada tahun 1986 yang melibatkan sebanyak 35,752 kilogram daun tembakau kering. Bagi 8 bulan pertama tahun ini, sebanyak 34 kes telah dapat dikesan yang melibatkan jumlah tembakau sebanyak 53,199 kilogram. Melalui langkah-langkah di atas, kegiatan penyeludupan tembakau dari negara jiran ini dapat dikawal dan kepentingan semua pihak dalam industri tembakau tempatan dapat terus dipelihara.

Tuan Haji Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan penyeludupan ini semakin ketara, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menjelaskan apakah benar-benar daun-daun tembakau daripada Thailand ini lebih baik daripada daun tembakau Malaysia?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, banyak orang yang menganggap bahawa setiap yang datang daripada Thailand itu lebih baik daripada Malaysia. Saya tidak bersetuju dengan anggapan ini. Satu daripada yang boleh kita katakan yang tidak baik, kita lebih baiknya ialah daun tembakau. Bagaimanapun harga daun yang diseludupkan itu mungkin lebih rendah di Thailand dan pihak yang menjalankan kegiatan penyeludupan ini menjual daun itu dengan harga yang ditetapkan oleh Lembaga Tembakau Negara dan mereka mendapat untung yang lebih.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Adalah difahamkan penyeludupan daun-daun tembakau daripada negara-negara jiran berlaku kerana harga tembakau yang

dikeluarkan di negara kita ini begitu tinggi sekali kalau dibandingkan dengan negara-negara jiran.

Keduanya, difahamkan juga bahawa Syarikat-syarikat Pengeluar Tembakau (Tobacco Industries) terpaksa mengimport sebahagian besar tembakau-tembakau daripada luar negeri untuk diplankan, dengan izin, untuk pengeluaran rokok-rokok. Ini kerana mutu tembakau yang dikeluarkan oleh negara kita ini tidak begitu tinggi kalau dibandingkan dengan tembakau-tembakau yang dikeluarkan oleh negara asing. Apakah tindakan-tindakan yang dilakukan oleh Kementerian khasnya Lembaga Tembakau Negara untuk menentukan, pertamanya, kos pengeluaran tembakau dapat dikurangkan lagi supaya mengelakkan penyeludupan dan keduanya, menentukan supaya mutu tembakau yang dikeluarkan ini sama taraf dengan tembakau-tembakau yang diimport supaya kita tidak payah lagi mengimport tembakau daripada luar negeri dan kalau boleh, mengeksport pula tembakau kita ke luar negeri.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa harga yang dibayar bagi daun tembakau kering di negara kita ini lebih tinggi kalau dibanding dengan harga yang diperolehi oleh penanam-penanam di negeri Thailand dan kerana keadaan perbezaan harga inilah yang telah menggalakkan perbuatan penyeludupan daun tembakau kering dari Thailand. Pihak Lembaga Tembakau Negara sentiasa mencari jalan untuk mengurangkan kos pengeluaran daun-daun tembakau tempatan dan juga menaikkan mutu daun-daun yang kita keluarkan. Tetapi saya tegaskan di sini bahawa mutu yang dikeluarkan oleh petani-petani kita adalah setaraf dengan daun-daun tembakau yang dikeluarkan oleh petani-petani daripada Thailand. Barangkali ada

kesilapan faham sedikit di sini bahawa daun tembakau yang diimport yang dijadikan bahan campuran, atau dengan izin, diblend dengan daun tembakau tempatan untuk dibuat rokok ialah daun yang diimport daripada Amerika Syarikat iaitu Virginia Tobacco. Daun yang diimport daripada Thailand tidak diblend sebagai satu bahan blending dengan tembakau tempatan.

Mengenai soal kemungkinan daun tembakau kita dieksport pada satu ketika nanti, harapan kita begitulah, tetapi saya rasa buat masa ini kalau kita dapat mencapai taraf pengeluaran daun tembakau yang cukup bermutu supaya kita tidak payah mengimport daun Virginia daripada Amerika Syarikat dan di samping itu dapat menjamin dan mengekalkan mutu yang kita keluarkan daripada negara kita, saya rasa kita patut berpuas hati.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau setuju dengan satu peribahasa Inggeris, "It takes two to tango" dan sekiranya beliau setuju, oleh kerana sekiranya ada orang yang menyeludup, yang membawa tembakau masuk tentu ada pihak yang membeli, menerima tembakau yang diseludup itu, sekiranya Yang Berhormat setuju, sama ada pihak berkuasa akan bertindak untuk mendakwa pihak yang membeli atau menerima tembakau yang diseludup masuk ke tanahair kita?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, memang betul tak boleh menari seorang diri terutama kalau hendak bertenggung. Saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal. Dalam hal penyeludupan yang dijalankan ke atas daun-daun tembakau ini memang ada yang menjual dan ada yang membeli. Seperti yang telah saya jelaskan tadi, tindakan-tindakan telah

pun diambil, penangkapan-penangkapan dibuat dari semasa ke semasa ke atas mereka yang menyeludup daun tembakau ini.

Mengenai tindakan ke atas orang-orang yang membeli, memang kita ambil tindakan dari semasa ke semasa tetapi masalahnya ialah apabila daun ini sudah dibeti dan dicampur dengan daun tembakau keluaran tempatan amat sukar untuk dikesan. Perbezaan antara daun tembakau keluaran tempatan dan keluaran daripada Thailand ini hampir-hampir tidak ada bezanya dan apabila bercampur dalam timbunan-timbunan yang tinggi tidak mungkin kita dapat mengenalpasti yang mana satu daun tembakau Malaysia, yang mana satu daun tembakau Thailand. Inilah susahnya kita hendak menangkap orang yang membeli itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 10, 12 dan 15 hingga 30 adalah dibert dt bawah ini).

PUSAT DADAH

2. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan benarkah Malaysia sebuah negara dikenali sebagai pusat dadah di Asia, jika ya, apakah sebabnya boleh sampaikan ke peningkat sedemikian, adakah disebabkan kerana kurang kecekapan pengawasan atau disebabkan adanya rasuah-rasuah besar yang berselindung di sebalik pengawasan dapatlah kiranya diterangkan apa yang sebenarnya.

Timbalan Menteri Dalam Negert (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Negara kita Malaysia bukanlah negara yang boleh dianggap sebagai pusat dadah di Asia kerana Malaysia bukan

negara yang mengeluarkan dadah. Bagaimanapun, Malaysia telah digunakan sebagai salah sebuah negara persinggahan (Transit country dengan izin) oleh pengedar-pengedar dadah antarabangsa di dalam menjalankan operasi penyeludupan dan pedaran mereka daripada kawasan "golden triangle" ke negara-negara lain di dunia.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang ketat di segi undang-undang dan telah terbukti memberi kesan di dalam mengurangkan kegiatan pedaran dadah di Malaysia. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (a) pada tahun 1983, Kerajaan telah meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 dengan mengadakan peruntukan hukuman mati mandatori kepada pengedar-pengedar dadah yang disabitkan kesalahannya oleh Mahkamah;
- (b) pada tahun 1985, Kerajaan telah memperkenalkan satu undang-undang pencegahan yang dikenali sebagai Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, yang mernberi kuasa kepada Kerajaan untuk mengenakan Perintah Tahanan atau Sekatan kepada mana-mana orang yang didapati ada kaitan dengan apa jua aktiviti yang berhubungan dengan pedaran dadah; bagi tujuan mengelakkan mereka daripada terus menjalankan kegiatan tersebut.

Semenjak penguatkuasaan undang-undang tersebut, Kerajaan mendapati sindiket pedaran dadah antarabangsa telah mula mengelakkan

diri daripada menggunakan Malaysia sebagai negara perantaraan. Kerajaan berharap kegiatan pedaran dadah di Malaysia akan dapat dikurangkan lagi (kalaupun tidak dapat menghapuskannya) apabila satu undang-undang baru diperkenalkan kelak, yang memberi kuasa kepada Kerajaan untuk merampas harta-benda yang diperolehi oleh seseorang hasl daripada apa-apa aktiviti yang berkaitan dengan pedaran dadah.

BANJIR DIJALAN APAS, TAWAU

10. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kerjaraya menerangkan sama ada Kementerian beliau menyedari bahawa jalan raya Apas Balung Batu 5, Tawau, Sabah yang menyambungkan lebuh raya di antara Pantai Timur dan Pantai Barat sering dilanda banjir dalam musim hujan. Jika ya, adakah pihak Kementerian beliau bercadang untuk memperbaiki sistem parit serta meninggikan jalan raya tersebut.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Kementerian Kerjaraya sememangnya sedar mengenai kejadian banjir yang berlaku di Batu 5 Jalan Apas. Kejadian ini hanyalah berlaku sekali dalam beberapa tahun, tetapi kejadian yang berlaku pada tahun ini lebih teruk. Oleh hal yang demikian, kerja-kerja meninggikan jalanraya itu setinggi 1 meter dan memperbaiki perparitan sedang dilaksanakan dan dijangka siap pada akhir bulan November, 1987. Di samping itu, saya difahamkan Jabatan Parit dan Taliair juga sedang mengambil tindakan membersihkan Sg. Kinabutan untuk mengurangkan air sungai dari melimpah ke tebing. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang diambil itu hanyatah dapat mengatasi banjir kecil yang sering berlaku di kawasan itu dan tidak dapat bertahan sekiranya banjir luar biasa berlaku.

PINJAMAN KEPADA USAHAWAN BUMIPUTERA

12. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) jumlah pinjaman yang telah diberikan kepada usahawan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian sejak Bank Pembangunan Malaysia Berhad ditubuhkan. Berapakah pula jumlah hutang yang tidak dapat dipungut;
- (b) apakah usaha-usaha lanjut yang dijalankan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad bagi mencapai tujuan dan matlamat penubuhan Bank ini terutamanya bila Bank Pembangunan Malaysia Berhad mempunyai bangunan sendiri.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha):

- (a) Semenjak Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) mula beroperasi pada tahun 1974 sehingga Jun, 1987. BPMB telah meluluskan 2,863 pinjaman bernilai \$971.64 juta kepada usahawan/syarikat bumiputera yang bergiat dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Sebahagian besar dari pinjaman-pinjaman itu telah pun dibayar balik dan usaha-usaha terus dijalankan untuk memungut semula pinjaman-pinjaman yang telah tiba masa. Walaupun demikian, dalam keadaan ekonomi pada masa ini pembayaran balik oleh peminjam-peminjam telah sedikit sebanyak turut terjejas. Dan pihak Bank juga, selaras dengan keadaan pada masa ini cuba menyesuaikan tindakan-tindakannya dalam pemungutan balik pinjaman-pinjaman ini supaya tidak membebankan lagi

peminjam-peminjam. Tindakan undang-undang akan diambil hanya sebagai langkah yang terakhir.

- (b) Sebagai institusi kewangan pembangunan, BPMB akan terus memainkan peranan utama dalam pembangunan usahawan bumiputera selaras dengan objektif penubuhannya untuk menggalakkan penyertaan usahawan-usahawan bumiputera dalam sektor perindustrian dan perniagaan, Walau bagaimanapun, BPMB akan menggunakan pendekatan baru, iaitu menekankan keuntungan di samping melaksanakan peranan pembangunannya dan bukan lagi semata-mata bergiat untuk pembangunan tanpa mengira untung/rugi seperti di masa-masa lepas. Ini bermakna ke-dayahidupan sesuatu projek dari segi komersial akan diberi keutamaan sebelum pinjaman diluluskan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) ini, BPMB memberi keutamaan kepada Program Khas Pembangunan Perusahaan Kecil. Di bawah BPMB sejumlah \$150.00 juta telah diperuntukkan untuk diberi pinjaman, yang dibiayai bersama oleh Bank Dunia dan Kerajaan Malaysia. Program ini yang dahulunya dikhaskan untuk bumiputera sahaja telah dibuka kepada bukan bumiputera juga pada tahun 1986. Di samping itu bagi memperkuatkan lagi kedudukan portfolio pinjamannya, mulai tahun 1988 penekanan BPMB ialah untuk menyokong secara menyeluruh usahawan-usahawan bumi-

putera yang telah memulakan perusahaan mereka. Keutamaan pemberian pinjaman akan diberi kepada projek-projek yang mirip kepada teknologi tinggi dan juga yang berorientasikan eksport.

PENYELUDUPAN DISEMPADAN

15. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah kerugian yang telah dialami oleh Kerajaan akibat daripada kerja-kerja penyeludupan di sempadan dan apakah langkah-langkah yang telah, sedang akan diambil untuk mencegah penyeludupan tersebut. Apakah sebab-sebab utama dan sejauh mana kesan Kerajaan terhadap ekonomi tempatan yang timbul daripada penyeludupan ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Kerajaan tidak dapat menentukan jumlah sebenar kerugian hasil yang dialami akibat dari kegiatan penyeludupan kerana jumlah sebenar barang yang diseludup tidak dapat dipastikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab-sebab utama penyeludupan berlaku ialah seperti berikut:

- (i) kadar cukai yang tinggi ke atas setengah barang-barang;
- (ii) permintaan yang tinggi ke atas sesuatu barang yang memudahkan ianya dipasarkan dengan segera; dan
- (iii) kesukaran untuk mendapatkan barang-barang tertentu kerana pengimportannya dikawal oleh lesen import.

Berkaitan dengan kesan penyeludupan tersebut, kesan utamanya ialah ianya akan mengakibatkan kehilangan hasil Kerajaan. Jumlah kehilangan hasil ini tidak dapat dipastikan kerana jumlah

sebenar barang-barang yang diseludup itu tidak diketahui. Di samping itu penyeludupan juga menjejaskan perlindungan industri tempatan.

Bagi mengawal penyeludupan, langkah-langkah utama yang sentiasa dijalankan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja ialah dengan mengadakan rondaan-rondaan di darat dan laut, memeriksa kenderaan-kenderaan dan bagasi dengan rapi dengan bantuan alat-alat moden., melatih kakitangan tentang pencegahan dan mengadakan kerjasama pencegahan dengan pihak Kastam Thailand.

EKSPORT MALAYSIA KE BRUNEI DARUSSALAM

16. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sebab barang-barang buatan dan keluaran Malaysia yang banyak diperlukan oleh Negara Brunei Darussalam tidak dapat dibeli secara langsung dengan Malaysia bahkan mereka terpaksa mendapatkannya melalui Singapura.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Malaysia mengamalkan perdagangan terus dengan Negara Brunei Darussalam. Pada tahun 1986 nilai perdagangan terus Malaysia dengan negara tersebut berjumlah \$92 juta dan kedudukan perdagangan di antara Malaysia dengan Negara Brunei Darussalam bagi **tiga** tahun kebelakangan sedang meningkat seperti di statistik tersebut di bawah ini:

	<i>Eksport ke Brunei \$ Juta</i>	<i>Import dari Brunei \$ Juta</i>
1985	76	2
1986 . .	92	2
1987 (Jan,- July)	67	2

Walau bagaimanapun, sebahagian daripada eksport Malaysia ke Negara Brunei Darussalam dilakukan melalui Singapura. Pengeksportan secara ini berlaku atas sebab-sebab seperti berikut:

- (i) oleh kerana kemudahan-kemudahan perkapalan dan pengangkutan udara yang tidak mencukupi, pedagang-pedagang Malaysia menghadapi masalah untuk mendapatkan perhubungan terus dengan pengimport-pengimport di Negara Brunei Darussalam. Dengan keadaan ini, Negara Singapura mempunyai peluang-peluang yang baik kerana pedagang-pedagang Malaysia terpaksa menggunakan kedudukan Singapura yang mempunyai banyak kemudahan-kemudahan perkapalan untuk mengeksport barang-barang mereka.
- (ii) oleh kerana Negara Brunei Darussalam mempunyai pasaran yang kecil, pesanan-pesanan yang dibuat oleh pengimport-pengimport negara tersebut juga kecil. Pesanan-pesanan yang demikian mudah diuruskan oleh pedagang-pedagang Singapura yang bertungsi sebagai "pedegar" yang biasa mengeksport dalam bentuk "multi-product consignment"; dan
- (iii) di samping itu pedagang-pedagang Singapura mempunyai lebih banyak kontak dan perhubungan yang agak lama (traditional) dengan pedagang-pedagang di Negara Brunei Darussalam.

Kerajaan sentiasa berusaha menggalakkan pengeksport-pengeksport Malaysia mengeksport barangan mereka secara terus ke setiap pasaran tetapi bagi pasaran

seperti Brunei Darussalam dan lain-lain pasaran kecil yang mana kemudahan-kemudahan perkapalan yang tidak mencukupi dan sebagainya mengeksport secara tidak langsung atau menerusi jalan lain ke pasaran tersebut bukanlah merupakan satu perkara yang buruk. Apa yang mustahak adalah barang-barang Malaysia berterusan dapat dipasarkan.

SYARIKAT PEGANGAN KELUARGA—KEBENARAN

17. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menerangkan bagaimana Kerajaan menjamin bahawa kakitangan Kerajaan yang telah dibenarkan untuk melibatkan diri dalam perniagaan keluarga tidak akan menghadapi pertentangan kepentingan dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi pertentangan kepentingan yang akan timbul. Nyatakan juga sama ada perlantikan bekas pegawai-pegawai tinggi dan bekas menteri-menteri menjadi Pengerusi syarikat-syarikat dan agensi-agensi itu digalakkan oleh Kerajaan. Apakah amalan ini perkembangan sihat bagi negara.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor:

- (i) Kakitangan Kerajaan yang diberi kebenaran oleh Pihak berkuasa Tatatertib yang berkenaan menubuhkan Syarikat Pegangan Keluarga diberikan syarat-syarat yang ketat yang mesti dipatuhi oleh mereka. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

- (a) sebelum syarikat ditubuhkan, pegawai yang berkenaan hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Pihak berkuasa Tatatertib terlebih dahulu;

- (b) pegawai berkenaan tidak dibenarkan melibatkan diri secara tangsung di dalam pengurusan harian Syarikat Pegangan Keluarga dengan menjadi salah seorang eksekutif syarikat itu;
- (c) sekiranya seseorang pegawai itu menjadi Ahli Lembaga Pengarah Syarikat yang berkenaan, penglibatannya tidak boleh dilakukan dalam waktu pejabat;
- (d) penglibatan pegawai dalam syarikat itu tidak akan menimbulkan pertelingkahan antara kepentingan rasmi dan persendirian pada bila-bila masa sekalipun;
- (e) pegawai berkenaan hendaklah memperbaharui kebenaran daripada Pihak berkuasa Tata-tertib yang berkenaan tiap-tiap 3 tahun sekali;
- (f) pegawai berkenaan hendaklah mengemukakan kepada Pihak berkuasa Tatatertib "Memorandum and Articles of Association" yang menunjukkan had kegiatan syarikat dan ahli-ahli syarikat;
- (g) pegawai awam yang mewarisi harta dalam Syarikat Pegangan Keluarga boleh dibenarkan mengekalkan harta miliknya dalam syarikat tersebut, tertakluk kepada syarat-syarat yang sama seperti di perenggan (a) hingga (f). Walau bagaimanapun, jika Syarikat Pegangan

Keluarganya menjalankan kegiatan perniagaan selain dari untuk mentadbirkan harta benda yang dimiliki oleh pegawai, maka pegawai yang berkenaan hendaklah meletakkan jawatannya dalam Lembaga Pengarah Syarikat itu. Pegawai itu boleh melantik "nominee" untuk menjaga kepentingannya dalam syarikat tersebut jika perlu; dan

- (h) Syarikat Pegangan Keluarga tidak dibenarkan menubuhkan syarikat-syarikat milikan atau syarikat-syarikat sekutu.

Selain daripada itu, kakitangan yang tersebut juga pada setiap masa tertakluk kepada Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab "D") 1980. Kakitangan yang tersebut bertanggungjawab memastikan bahawa aktiviti-nya di dalam Syarikat Pegangan Keluarga tidak menimbulkan pertentangan kepentingan atau melanggar mana-mana syarat-syarat yang dikenakan ke atasnya atau mana-mana Perintah Am di dalam Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab "D") 1980. Jika berlaku apa-apa pelanggaran, maka tindakan tatatertib termasuk dengan tujuan buang kerja boleh diambil ke atas kakitangan yang berkenaan.

- (ii) Pengerusi Perbadanan Awam yang terdiri dari bekas Menteri-menteri dan bekas Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan adalah sangat kecil. Perlantikan mereka ini pula, adalah pertimbangan individu berasaskan kelayakan, pengataman dari kebolehan mereka untuk memimpin Perbadanan-perbadanan tersebut dan bukan sebagai satu dasar yang menyeluruh yang diamalkan oleh Kerajaan.

KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT—PINJAMAN RINGAN

18. **Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejauh mana Kerajaan sudah komited hendak menggantikan deposit KPD yang dilesapkan oleh pengarah-pengarahnya dengan wang Kerajaan sendiri dan dari peruntukan manakah bayaran itu hendak diambil;
- (b) adakah Kerajaan menerima tanggungjawab itu, kalau benar Kerajaan hendak membayarnya, kerana Kerajaan telah menggunakan wang Kerajaan untuk menyelamatkan Bank Bumiputera dan Bank Rakyat yang mewakili kepentingan Bumiputera; dan
- (c) kiranya pendapat ini benar, adakah keputusan yang terakhir itu boleh menjadikan tindakan Kerajaan menyelamatkan Bank Bumiputera dan Bank Rakyat dulu, yang dianggap tidak wajar sebelum ini, sebagai wajar pula. Atau dengan ini menjadikan sudah tiga kali Kerajaan menyelamatkan badan swasta dengan menggunakan wang Kerajaan dengan cara yang tidak wajar dari segi peraturan.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Kertas Putih mengenai Koperasi-koperasi pengambilan Deposit (KPD), Kerajaan bersetuju untuk memberi pinjaman ringan kepada institusi-institusi kewangan yang terlibat dalam rancangan penyelamat, untuk membolehkan mereka memenuhi kewajipan dan menyelamatkan KPD supaya dapat terus beroperasi. Pinjaman-pinjaman ringan ini akan dibayar balik bersama faedah dalam jangka masa yang ditetapkan. Peruntukan pinjaman ringan ini bukanlah dari kewangan Kerajaan Persekutuan tetapi sebaliknya dari sumber kewangan Bank Negara.

Keputusan untuk menyelamatkan 24 KPD, bukanlah berdasarkan kepada faktor-faktor yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Kerajaan tidak memberi sebarang geran atau subsidi kepada KPD tersebut. Apa yang telah dipersetujui oleh Kerajaan ialah memberi pinjaman kepada institusi-institusi kewangan yang terlibat dalam rancangan penyelamat, bagi membolehkan mereka memenuhi kewajipan mereka dan menyelamatkan koperasi-koperasi ini supaya terus beroperasi.

BELIA BERNIAGA

19. **Tuan James Jimbun Pungga** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan jumlah kewangan yang diperuntukkan kepada Organisasi belia di Sarawak melalui Belia dalam perniagaan dan projek pertanian di tahun 1985/86. Berapakah Pertubuhan Belia yang mendapat pinjaman ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Peruntukan kewangan yang disediakan di bawah Rancangan Belia Berniaga bagi belia-belie di Sarawak bagi tahun 1985 ialah sebanyak \$150,000. Bagi tahun tersebut, cuma

seramai 3 orang belia sahaja di Sarawak yang membuat pinjaman berjumlah sebanyak \$73,000.00. Pinjaman ini diberikan kepada belia-belia perseorangan, bukan dikeluarkan di atas nama organisasi belia.

Bagi tahun 1986, pinjaman di bawah Rancangan Belia Berniaga dan projek pertanian terpaksa ditangguhkan kerana keadaan kemelesetan ekonomi, di samping pihak Kementerian membuat kajian semula bagi memperkemaskinikan pelaksanaan program-program tersebut.

DASAR BAHASA DI RTM

20. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Kementerian itu ada rancangan untuk menyiarkan bahasa lain, setain daripada Bahasa Malaysia, Tamil serta Bahasa Cina. dimasukkan kepada siaran Nasional TV, seperti Bahasa Iban, Melanau dan Bidayah di Sarawak dan Kadazan dan Bajau di Sabah.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat): Dalam dasar bahasa yang diamalkan oleh RTM, Bahasa Malaysia merupakan bahasa yang diberikan keutamaan dan adalah bahasa untuk perpaduan selaras dengan dasar Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi. Bahasa Inggeris juga diberi keutamaan selaras dengan dasar bahasa itu sebagai bahasa kedua dan bahasa antarabangsa. Di samping itu RTM tetap akan menggunakan bahasa-bahasa lain untuk tujuan perhubungan.

Penggunaan loghat-loghat daerah ~~ada~~ disiarkan melalui RTM terutamanya dalam lagu-lagu bercorak daerah. Tetapi RTM tidak dapat mewujudkan rancangan-rancangan khas di TV yang menggunakan loghat daerah tertentu, walaupun penggunaannya melalui watak-watak

tertentu dalam pertunjukan dan drama tidaklah dilarang. RTM juga tidak bercadang menyiarkan berita-berita melalui Televisyen dalam bahasa selain daripada 3 bahasa utama iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil kerana ianya tidak menjadi dasar RTM dan juga ianya akan memerlukan kos yang terlalu tinggi.

Sambi! itu Ahli-ahli Yang Berhormat harus ingat bahawa RTM bukan saja TV, tetapi juga siaran Radio yang lebih besar pengaruh dan bilangan pendengarnya. Sayugia dimaklumkan Radio Malaysia menyiarkan rancangan-rancangan dalam 26 bahasa dan suku bahasa termasuk Iban, Melanau, Bidayah, Kadazan dan Bajau.

MAS—PENUKARAN NAMA

21. **Tuan Shahidan bin Kassim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah kriteria-kriteria yang dipakai apabila pihak Kementerian menukarkan MAS kepada Malaysian. Sudahkah kajian yang mendalam dari segala sudut dibuat kerana penggunaan MAS sudah sehati dengan mata dunia.

Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail: Penukaran nama yang dibuat baru-baru ini terhadap Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) merupakan rujukan nama korporatnya untuk urusan perniagaan. Dalam hal ini nama syarikat sebagaimana didaftarkan tidak berubah dan ia masih kekal dengan nama Sistem Penerbangan Malaysia atau Malayslan Airline System iaitu MAS.

Rujukan nama korporat MAS kepada "MALAYSIA AIRLINES" adalah pada asasnya bertujuan untuk memperluaskan penggunaan nama Malaysia dan memberi penekanan kepada peranan baru yang

dikehendaki dilaksanakan oleh syarikat penerbangan kebangsaan untuk meningkatkan kesedaran negara-negara lain di dunia terhadap negara kita dan rakyat Malaysia. Langkah tersebut merupakan salah satu usaha untuk memperhebatkan lagi pemasaran perkhidmatan syarikat penerbangan kebangsaan serta memperkenalkan negara kita Malaysia ke pasaran antarabangsa. Adalah diharapkan langkah ini dapat memperolehi manfaat baru kepada negara menerusi pendedahan itu di samping menyokong usaha Kerajaan untuk meningkatkan industri pelancongan negara.

CUKAI JUALAN

22. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah beliau bercadang menggantikan cukai jualan dengan cukai nilai tambah (VAT); dan
- (b) kenapakah kadar cukai pendapatan bagi mereka yang berpendapatan pating tinggi itu tidak dinaikkan semula ke 55%.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:

- (a) Ingin saya memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa pada masa sekarang Kerajaan tidak bercadang untuk menggantikan cukai jualan dengan cukai nilai tambah (VAT).
- (b) Berhubung dengan bahagian kedua soalan, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan semula kadar cukai pendapatan individu yang paling tinggi ke paras 55%. Ini adalah disebabkan Kerajaan baru sahaja mengkaji semula kadar cukai individu dalam Belanjawan 1985 di mana kadar tertinggi ini telah dikurangkan

dari 55% kepada 40%. Tujuan utama struktur cukai pendapatan individu dan kadarnya dipinda dan dikurangkan di dalam Belanjawan tersebut ialah untuk menambahkan insentif bagi mewujudkan pendapatan yang lebih dan mempertingkatkan produktiviti. Oleh itu adalah tidak wajar Kerajaan menaikkan kadar cukai pendapatan tertinggi kerana ianya akan memberi kesan yang negatif dengan apa yang dirancang di dalam Belanjawan 1985.

PEREDARAN MEL DARI SEMENANJUNG KE SABAH

23. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa surat-surat yang dihantar dari Semenanjung Malaysia ke Sabah mengambil masa yang lama. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan surat-surat dihantar dengan cepatnya ke Sabah.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Peredaran Mel pada keseluruhannya bergantung kepada rangkaian pengangkutan awam. Di dalam kes pengangkutan mel ke Sabah, ke semuanya bergantung kepada syarikat penerbangan Malaysia baik dari Semenanjung mahupun di sektor-sektor di dalam Sabah. Jadual penghantaran mel Jabatan Pos terpaksa diatur dengan mengambil kira faktor-faktor ini. Berdasarkan jadual Jabatan Pos yang ada sekarang, mel yang dipos di Kuala Lumpur pada waktu tertentu dapat diserahkan di Kota Kinabalu pada hari keesokkannya. Tetapi mel-mel ke lain-lain tempat di Sabah daripada Kuala Lumpur akan hanya dapat diserahkan pada hari ketiga. Mel-mel yang dipos di lain-lain tempat di Semenanjung pula misalnya, di Pulau Pinang, di Ipoh dan lain-lam

akan dibuat penyerahan pada hari ketiga di mana-mana tempat di Sabah. Ini adalah kerana mel tersebut harus bersinggah di Lapangan Terbang, Kuala Lumpur sebelum dihantar ke Sabah.

Walau bagaimanapun, mel-mel dari Johor Bahru dapat diserahkan pada keesokan hari di bandar-bandar besar di Sabah. Perjalanan mel-mel dari Johor Bahru adalah dibuat secara langsung ke Kota Kinabalu tanpa melalui Kuala Lumpur.

Suatu perangkaan secara rambang telah diambil di pejabat-pejabat Pos di Sabah. Adalah didapati bahawa 52% mel yang dipos di Semenanjung diserahkan di Sabah dalam masa 3 hari dan 48% pada hari keempat. Tiga hari ini adalah termasuk hari dipos hingga ke hari ia diserahkan.

Di Sabah 80% daripada mel adalah diserahkan melalui peti surat. Kebanyakan orang ramai di Sabah lebih senang menggunakan peti-peti surat. Kebanyakan tempat di Sabah pula belum ada lagi nombor rumah ataupun nama jalan.

Mungkin terdapat sedikit kelemahan dalam hantaran mel terutama di antara Semenanjung dan bandar-iendar besar di Sabah. Jabatan Pos telah pun diarah mengkaji semula peredaran yang ada sekarang di beberapa sektor khususnya Sandakan, Lahad Datu, Tawau dan Labuan dengan tujuan mel-mel yang dipos di Kuala Lumpur diserahkan pada keesokkannya.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE UNITED KINGDOM/HUNGARY/ RUSSIA

24. Dr V. David minta Menteri Luar Negeri menerangkan apakah kadar kejayaan perdagangan yang telah dicapai dari lawatan beliau ke United Kingdom, Hungary dan Soviet Union. Berapakah jumlah perbelanjaan bagi

lawatan ini, dan apakah bilangan orang yang telah menyertai rombongan ini. Bolehkah Perdana Menteri memberi maklumat berkenaan dengan banyaknya atau kuantiti perdagangan tertentu yang telah dicapai oleh lawatannya.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan ini telah pun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 12 Oktober, 1987 apabila menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Saya tidak ada apa-apa tambahan terhadap jawapan yang telah diberi itu.

JUVENILE COURT

25. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kehakiman menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan memperuntukkan perbelanjaan yang mencukupi untuk tujuan membina Juvenile Court serta melengkapi mahkamah tersebut dengan kakitangan yang wajar di Negeri Sarawak, memandangkan bahawa walaupun Juvenile Court Act 1947 telah dilanjutkan kepada negeri itu pada 6-2-1986, seorang Penan berusia 11 tahun masih dibicarakan dalam mahkamah biasa secara terbuka di Miri baru-baru ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membina Mahkamah Juvana (Juvenile Court) secara berasingan di Negeri Sarawak dan juga di negeri-negeri lain di negara ini. Ini adalah kerana kes-kes yang melibatkan Kes Juvana boleh dibicarakan di mahkamah-mahkamah yang sedia ada, di mana pada lazimnya kes-kes ini dibicarakan di dalam Kamar Hakim atau Majistret.

Berhubung dengan kes yang melibatkan seorang budak Penan

berumur 11 tahun yang dimaksudkan oleh Ahh Yang Berhormat ini, sukalah saya memaklumkan bahawa beliau telah dibicarakan dalam mahkamah biasa secara terbuka di Mahkamah Majistret, Miri kerana beliau menghadapi tuduhan bersama dengan 4 orang dewasa yang lain di bawah Kanun Jenayah (Penal Code) dan mengikuti Seksyen 3, Akta Mahkamah Juvana, 1947 beliau bolehlah dibicarakan bersama dengan 4 orang dewasa tertuduh itu.

KOPERASI PENERIMA FELDA

26. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan setakat ini, pandangan-pandangan Kerajaan ke atas memorandum NASH untuk membolehkan satu Koperasi Kebangsaan bagi kesemua peserta FELDA telah berjalan. Apakah di antara faktor-faktor yang menyebabkan Kerajaan keberatan sekali untuk membenarkan para peserta FELDA melibatkan diri secara langsung dalam pengurusan skim-skim FELDA.

Bilakah agaknya peserta-peserta FELDA akan dianggap sebagai bersedia untuk mengurus skim FELDA secara sendiri dengan bantuan Kerajaan pada tahap yang minimum sekali. Apakah faktor-faktor yang dapat menyokong pandangan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Adam bin Abdul Kadir): Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah masih mengkaji cadangan NASH supaya ditubuhkan satu Koperasi Kebangsaan bagi peneroka-peneroka FELDA. Oleh kerana memorandum NASH tidak

menyatakan dengan jelas cara mana koperasi yang dicadangkan itu akan melaksanakan fungsinya, maka keterangan dan makluman lanjut dan NASH adalah perlu sebelum Kementerian dapat memberi apa-apa pandangan.

Kerajaan tidaklah keberatan malah memberi galakan kepada peneroka FELDA melibatkan diri secara langsung dalam pengurusan rancangan. Di tahap awal lagi penyertaan ketua-ketua peneroka dalam pentadbiran telah dimulakan. Ketua-ketua peneroka yang menganggotai Jawatankuasa Kemajuan Rancangan terlibat bersama-sama dengan Pengurus dan Pegawai-pegawai Rancangan dalam pentadbiran rancangan.

Peneroka-peneroka yang memegang jawatan Naib Pengerusi dan Setiausaha JKKR adalah anggota tetap dalam mesyuarat Pengurusan Rancangan yang diadakan dua minggu sekali.

Bagi rancangan-rancangan lama. FELDA telah mengambil langkah mengurangkan kakitangan rancangan supaya penyertaan peneroka dalam pentadbiran dapat dipertingkatkan lagi.

Bagi rancangan-rancangan lama FELDA telah mengambil langkah mengurangkan kakitangan rancangan supaya penyertaan peneroka dalam pentadbiran dapat dipertingkatkan lagi.

Bagi rancangan-rancangan yang penerokanya telah menerima hakmilik, pada hakikat tanggungjawab mengurus dan mengendalikan tanah mereka di rancangan terserah kepada peneroka sendiri. Di tahap itu terpujanglah kepada peneroka sama ada mereka masih berkehendakkan FELDA untuk terus mentadbirkan rancangan.

Sekiranya mereka memikirkan perkhidmatan FELDA masih diperlukan FELDA akan hanya berfungsi sebagai Agen Pengurusan.

PEMBAKARAN MASJID DI PAHANG

27. **Tuan Ngoi Thiam Woh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan di atas kes pembakaran masjid-masjid di kawasan Triang dan Pekan Negeri Pahang baru-baru ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya telah pun memberi jawapan mengenai peristiwa pembakaran lima buah masjid di negeri Pahang pada 19-10-87 yang lalu dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

KWSP—PELABURAN DALAM SYARIKAT

28. **Tuan P. Patto** minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimana pencarum-pencarum KWSP dapat menikmati taedah berikutan dengan keputusan Lembaga KWSP untuk melabur sebahagian daripada caruman pekerja-pekerja dalam beberapa syarikat; berapa jumlah pelaburan yang telah dibuat setakat ini. Keuntungan atau kerugian dalam pelaburan bagi setiap syarikat setakat ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keuntungan atau pulangan yang diperolehi daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat akan dikira sebagai pendapatan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan seterusnya akan diagihkan sebagai dividen tahunan kepada pencarum-pencarum.

Jumlah pelaburan terkumpul dalam syarikat-syarikat awam setakat 30-9-1987 ialah sebanyak \$597.88 juta atau 1.97% daripada jumlah keseluruhan pelaburan. Memandangkan kepada pelaburan KWSP dibuat dalam banyak syarikat, maka adalah tidak wajar bagi saya menyenaraikannya. Walau bagaimanapun keuntungan yang diperolehi daripada penjualan saham-saham daripada 1-1-1987 hingga 30-9-1987 adalah sebanyak \$51.81 juta.

SISWAZAH/BUKAN SISWAZAH YANG MENGANGGUR

29. **Tuan Lau Dak Kee** minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah positif dan berkesan untuk mengatasi sebilangan besar siswazah dan bukan siswazah yang sedang menganggur dan apakah tindakan akan diambil untuk menghasilkan memorandum dan cadangan yang telah dibentangkan kepada Kerajaan dari M.T.U.C., Pergerakan Gabungan Karyawan Malaysia (PAKAR) dan Persatuan Siswazah untuk mengurangkan keadaan pengangguran.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Kerajaan sememangnya memandang berat keadaan pengangguran di negara ini, sama ada di kalangan siswazah atau bukan siswazah. Dalam hal ini Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan atau mengatasi masalah tersebut. Memandangkan masalah pengangguran adalah berkait rapat dengan keadaan pertumbuhan ekonomi yang lembab, Kerajaan sedaya upaya berusaha untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Beberapa kelonggaran dalam syarat pelaburan telah diperkenalkan yang mana ianya bertujuan untuk menarik pelaburan yang lebih banyak, yang mana di samping untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi ianya juga bertujuan untuk

mencipta peluang pekerjaan yang lebih banyak.

Sepertimana yang Berhormat telah sedia maklum juga, satu Jawatankuasa Kabinet telah pun dibentuk untuk mengkaji masalah pengangguran di kalangan siswazah serta mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengurangkan masalah ini. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Jawatankuasa ini termasuk Skim Latihan Khas dan Skim Penempatan Siswazah di agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta.

Di samping itu juga Kerajaan mempunyai tangkai-langkah jangka pendek untuk mengurangkan masalah tersebut seperti yang disyorkan oleh Jawatankuasa Khas Kabinet mengenai Kemelesetan Ekonomi Negara.

Dalam merangka langkah-langkah tersebut, Kerajaan mengambil kira pandangan-pandangan daripada mana-mana pihak, selagi Kerajaan memikirkannya ianya sesuai untuk dilaksanakan berdasarkan kemampuan pihak Kerajaan dan tidak berlawanan dengan dasar-dasar Kerajaan.

KEDIAMAN KAUM PORTUGIS

30. **Tuan Lim Guan Eng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Kerajaan Negeri Melaka sedang mengambil tindakan mengusir kaum Portugis dari tanah dan tempat kediaman mereka dengan memaksa mereka membayar premium tanah yang mereka tidak mampu untuk mendapat geran tanah bukan bebas tetapi sepanjang 66 tahun dan kalau ia:

- (a) adakah beliau menyokong langkah Kerajaan Negeri Melaka yang tidak adil ini;
- (b) apakah tindakan yang akan diambil, adakah pihak Kerajaan

Persekutuan akan campur tangan dalam hal ini; dan

- (c) memandangkan latar belakang kaum Portugis yang penuh sejarah dan kehidupan mereka dalam kemiskinan. adakah Kerajaan akan membenarkan suatu tanah simpanan khas untuk mereka atau mendapat geran tanah bebas (freehold) dengan bayaran nominal sahaja.

Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Kenyataan wakil dari Bandar Melaka "bahawa Kerajaan Negeri Melaka sedang mengambil tindakan mengusir kaum Portugis dari tanah dan kehidupan mereka", merupakan satu tuduhan yang tidak benar dan tidak bertanggungjawab. Saya difahamkan bahawa Kerajaan khasnya Kerajaan Negeri Melaka telah banyak memberi kemudahan dan bantuan kepada rakyat keturunan Portugis ini, seperti:

- (i) Pembinaan Kompleks Medan Portugis bernilai untuk gerai-gerai perniagaan, Dewan Orangramai, Pentas Persembahan Kebudayaan.
- (ii) Bekalan air, elektrik dan kemudahan telefon awam.
- (iii) Pembinaan rumah pangsa berhampiran perkampungan Portugis ini sebanyak 136 unit. Sebilangan besar unit-unit rumah pangsa ini adalah dikhaskan untuk kaum Portugis.

Malahan perkara premium tanah yang menjadi salah satu isu, telah pun diturunkan kadarnya oleh Kerajaan Negeri Melaka setelah pihak kaum Portugis membuat rayuan. Oleh itu saya tidak nampak apakah tindakan yang tidak adil yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Melaka.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988

DAN USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1988

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1988" dan "Anggaran Pembangunan, 1988" dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (*Hari Ketujuh*).

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.21, B.22, B.23 dan B.24 (Jadual)—

Maksiid P.21 dan P.24 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Batu Berendam sambung.

3.35 ptg.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): Tuan Pengerusi, sepertimana yang saya sebutkan semalam masalah pertama yang dihadapi oleh pelancong tersebut ialah masalah untuk mendapatkan visa terutama sekali oleh kerana pelancong tersebut adalah dari negeri Texas, Amerika dan beliau terpaksa pergi ke Pejabat Kedutaan kita di Washington untuk mendapatkan visa dan tidak cukup dengan itu saya difahamkan oleh beliau untuk mendapatkan visa daripada Kedutaan kita memakan masa yang begitu lama iaitu lebih kurang satu bulan, sedangkan saya diberitahu bahawa jika sekiranya beliau hendak melancong ke

Singapura ataupun negara-negara ASEAN yang lain amat mudah sekali iaitu beliau boleh mendapat visa dalam masa tidak lewat 24 jam.

Masalah yang kedua yang dihadapi oleh pelancong tersebut ialah selepas mendapat visa, beliau pergi ke Pejabat TDC (Perbadanan Kemajuan Pelancongan) kita yang beribu pejabat di San Francisco untuk mendapatkan maklumat-maklumat tertentu berkenaan dengan beberapa perkara atau tempat-tempat yang ingin beliau lawati semasa berada di negara kita ini. Tetapi dukacita dinyatakan bahawa pegawai-pegawai yang berkhidmat di pejabat TDC di sana tidak dapat membantu pelancong tersebut kerana pejabat TDC di sana tidak mempunyai informasi ataupun risalah-risalah yang terbaru dan lengkap (up to date), seperti hotel rate, tambang dan jadual perkhidmatan keretapi, bas-bas pelancongan dan lain-lain lagi.

Masalah ketiga yang dihadapi oleh pelancong tersebut ialah setelah beliau membeli tiket kapalterbang MAS, pergi ke check in counter, dengan izin, di pejabat MAS di Lapanganterbang Los Angeles beliau menceritakan bagaimana seorang pegawai check in counter memberi layanan yang sangat tidak memuaskan sekali. Sebagai contoh bukan sahaja kakitangan MAS tersebut tidak memakai make-up dan sebagainya dan nampak lekeh, tetapi juga tidak bersopan-santun. sedangkan iklan-iklan yang beliau baca memberi gambaran bahawa penumpang-penumpang akan pasti diberi, dengan izin, golden service. tetapi apa yang didapati ialah rotten service di checking counter tersebut.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, bukankah perkara itu di bawah Kementerian lain?

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Pelancongan ini ada kaitan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Perkhidmatan MAS.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Ya, ada kattan dengan pelancongan.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Tetapi perkhidmatan dalam Kementerian lain.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Ya, tetapi bila kita bincang masalah pelancongan dia membabitkan semua Jabatan, tidak boleh kita kata pelancongan sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran); Lebih baik Yang Berhormat menyentuh perkara ini di bawah Kementerian itu.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih.

Tuan Pengerusi, selain daripada masalah-masalah itu, ada perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh pelancong tersebut kepada saya.

Sebagai contoh, setengah jam sebelum pendaratan dibuat pelancong-pelancong telah diberikan kad pendaratan untuk dipenuhi. Kebetulan pelancong itu mempunyai nama yang agak panjang sedikit dan borang yang diberikan itu tidak cukup ditulis namanya.

Jadi saya ingin mencadangkan di sini jika boleh Kerajaan mengemaskinikan balik borang-borang pendaratan atau borang-borang imigrasi yang hendak diisikan oleh pelancong-pelancong yang datang ke negara kita ini dengan mudah lagi untuk memudahkan pelancong-pelancong itu.

Tuan Pengerusi, bercakap tentang masalah TDC ini, oleh kerana saya tidak dibenarkan menyentuh Kementerian-kementerian yang lain walaupun saya katakan tadi dan kaitannya dengan masalah pelancongan ini, saya ingin

menyebutkan juga beberapa masalah yang timbul. Sebagai contoh, tambang kapalterbang. Saya minta izin kalau boleh dibenarkan bercakap tentang ini. Difahamkan bahawa tambang kapalterbang daripada Bangkok ke Singapura adalah lebih murah daripada Bangkok ke Kuala Lumpur, begitu juga tambang kapalterbang daripada London ke Sydney, tidak jauh bezanya dengan tambang kapalterbang daripada London ke Kuala Lumpur. Ini saya difahamkan kerana MAS mempunyai satu sikap ataupun satu pandangan bahawa semua rakyat Malaysia, ataupun kalau tidak semua 99% rakyat Malaysia yang berjalan, akan menggunakan sistem penerbangan negara kita ini. Tetapi kita tidak mengambil kira pelancong-pelancong yang menggunakan kapalterbang yang lain kerana tambang kapalterbang itu lebih murah daripada MAS.

Satu lagi perkara yang ingin saya sebutkan di sini ialah masalah sewa bilik hotel yang agak tinggi. Kita mengucapkan tahniah kepada Menteri Pelancongan yang baru-baru ini telah mengadakan satu dailog ataupun perbincangan dengan Persatuan Hotel Malaysia dan saya terbaca di dalam akhbar menyatakan bahawa pihak hotel terpaksa meminta 63 lesen daripada beberapa Jabatan tertentu. Saya rasa ini satu perkara yang harus dipandang dengan serius. Sepatutnya kita memberi pertolongan kepada industri perhotelan ini supaya sewa bilik hotel tidaklah setinggi sebagaimana yang ada hari ini, kerana sewa bilik hotel negara kita ini kalau dibandingkan dengan negara-negara ASEAN, khususnya Singapura dan Thailand, jauh lebih tinggi. Jadi saya harap Kerajaan akan dapat mencari jalan membantu pengusaha perhotelan supaya sewa hotel-hotel dapat diturunkan.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang ingin saya sebutkan di sini ialah tentang peruntukan yang diberikan

oleh Kerajaan kepada Kementerian tersebut. Perumukan pembangunan ialah lebih kurang \$900,000 juta. Saya rasa peruntukan ini terlampau kecil sekali jika Kerajaan benar-benar mahu melihat lebih ramai lagi pelancong-pelancong datang ke negara kita ini- Sebagai perbandingan, Singapura membelanjakan lebih kurang \$1 ke \$2 bilion (\$1,000 juta-\$2,000 juta) setahun untuk menggalakkan pelancong-pelancong datang ke negara tersebut. Hari ini nampaknya kita mengiklankan negara kita melalui akhbar-akhbar dan juga risalah-risalah. Saya rasa itu tidak cukup lagi. Di dalam dunia sains dan teknologi ini banyak cara lain yang boleh dibuat untuk menentukan lebih ramai pelancong datang ke negara kita ini,

Saya difahamkan Kerajaan Singapura, sepertimana saya katakan berbelanja wang yang begitu banyak, berbincang dengan Syarikat-syarikat Filem seperti apa yang kita lihat di Televisyen, filem Dallas dan Dynasty kadang-kadang locationnya dibuat di Singapura. Ini dengan tidak secara langsung mengiklankan negara itu. Saya rasa Kerajaan juga harus membuat sesuatu sebagaimana yang dilakukan oleh Kerajaan Singapura.

Satu perkara lagi yang ingin saya sebutkan ialah masalah visa, sepertimana yang saya sebutkan awal-awal tadi. Saya tidak nampak mengapakah- begitu susah sekali rakyat negara asing untuk mendapatkan visa bagi melancong ke negara kita ini. Apalah salahnya sebagai contoh semua Kedutaan kita di luar negeri diberi kuasa untuk memberi visa secara automatik seama 2 minggu jika sekiranya mereka itu datang untuk melancong ke negara kita ini, ataupun apabila mereka sampai sahaja di Kuala Lumpur ataupun di Pulau Pinang ataupun di Johor, mereka terus diberi visa selama 2 minggu untuk melancong ke negara

kita ini. Kalau sekiranya perkara ini tidak dapat diatasi, saya rasa pelancong-pelancong yang bercadang untuk membuat lawatan ke negara ini akan melancong ke negara-negara jiran kita yang lain.

Satu lagi cadangan yang ingin saya buat ialah berkenaan dengan pengeluaran poskad, risalah dan buku-buku yang berkaitan dengan pelancongan,

Baru-baru ini kita telah kedengaran ada terdapat akhbar-akhbar dan juga penerbit-penerbit luar negeri, khususnya di Amerika dan Eropah mengatakan bahawa orang-orang Malaysia masih tinggal di atas pokok. Ini saya rasa kita tidak boleh salahkan mereka kerana pengeluaran poskod, risalah dan buku-buku yang dikeluarkan di negara ini tidak dimonitor, dengan izin, oleh Kementerian.

Sebagai contoh, baru-baru ini saya membeli sekeping poskad bertajuk "Greetrngs from Malaysia" yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat tempatan sendiri yang benar-benar menunjukkan gambar 4 buah rumah yang dibina di atas pokok, dibina di atas air dan sebagainya. Jika sekiranya pelancong-pelancong daripada luar negeri yang berada di dalam negara kita ini membeli poskad ini dan mengirimkan poskad ini kepada kawan-kawan di luar negeri ini sudah tentu membuktikan bahawa rakyat Malaysia tinggal di atas pokok, sebagaimana yang dilaporkan di dalam akhbar-akhbar tersebut. Jadi saya minta supaya Kerajaan, khususnya, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, akan menentukan supaya pengeluaran poskad, risalah dan buku-buku akan dapat dimonitor supaya perkara-perkara ini tidak timbul lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Satu lagi perkara yang ingin saya cadangkan di sini supaya Kerajaan dapat menganjurkan bengkel ataupun persidangan di mana semua penulis-penulis pelancongan dari seluruh dunia termasuk TV dan Radio datang ke negara kita ini untuk membincangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara kita, bagaimana hendak membantu negara kita dari segi industri pelancongan ini. Akhirnya saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan melantik satu firma perunding dengan penasihat-penasihat tertentu ataupun pakar-pakar tertentu daripada luar negeri untuk memberi pandangan dan nasihat kepada Kementerian ataupun Kerajaan khususnya untuk menaikkan lagi imej negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

3.49 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk bercakap sedikit berhubung dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan yang baharu sahaja ditubuhkan dengan peruntukan sebanyak \$152,680,990. Oleh itu dalam masa ini saya ingin untuk mengambil bahagian di bawah Maksud B.21, muka surat 107, Butiran 020000 Perancangan, 030000 Kebudayaan dan 040000 Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia. Saya minta izin supaya ketiga-tiga Jni dapat saya sentuh sekali kerana masa yang tidak begitu mengizinkan.

Tuan Pengerusi, untuk meninggikan dan membawa pelancong ke dalam negara kita ini, memanglah berkehendakkan suatu tarikan. Jikalau tidak ada tarikan yang satu-satunya ada di dalatn negara kita ini

kemungkinan pelancong tidak akan datang. Begitu juga kepada diri kita, kalau tidak ada istimewa dan sebagainya, kita pun tidak mahu pergi ke negara-negara lain.

Dalam soal ini kita melihat banyak lagi kekurangan berlaku, ini bukan kekurangan disebabkan oleh pihak Kementerian yang bertanggungjawab tetapi saya rasa ini adalah tanggungjawab bersama oleh pihak pegawai-pegawai yang berkenaan terutama pegawai-pegawai yang ada di luar negeri yang mana saya rasa mereka itu sepatutnya bertanggungjawab untuk menjualkan negara kita ini, untuk memperkenalkan negara kita ini kepada rakyat dalam satu-satu negeri itu melalui Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri dan juga TDC yang ada di luar negeri. Tetapi apa yang saya dapat tahu, yang mana dapat saya singgah sebentar-sebentar apabila saya melawat di luar negeri nampaknya masalah ini tidak begitu diambil kesah sangat oleh pegawai-pegawai kita yang di luar negeri sana. Selalunya apabila kita berjalan sama ada di England bolehlah sedikit kerana mereka itu banyak memahami negara Malaysia ini. Tetapi kalau pergi ke Amerika dan negara-negara lain mereka itu kalau memandang kepada kita, dia bukan bertanya kita ini datang daripada mana. Dia kata kita ini datang daripada Manila atau Philippines, Thailand atau Singapura dan juga Indonesia.

Saya kata, saya datang daripada Malaysia, dia tercengang, mana Malaysia itu. Oleh hal yang demikian, saya rasa tanggungjawab pegawai-pegawai yang berkenaan yang ada di luar negeri itu supaya jangan mereka hanya untuk bekerja, di hantar di sana tetapi buat kerja-kerja yang lain tanpa memikirkan negara kita.

Sebentar tadi Yang Berhormat dari Batu Berendam telah pun menyebutkan keadaan berlaku

sebagaimana yang disebutkan. Baru-baru ini saya balik daripada London dengan kapalterbang SIA melalui Singapura kerana tidak dapat menaiki kapalterbang MAS, saya bersama rombongan daripada Australia. Mereka itu ramai hendak balik ke negerinya. Dia bertanya saya daripada mana. Saya katakan, Malaysia. Dia tidak tahu di mana Malaysia. Saya kata sebelah Singapura. Dia ingat Singapura itulah Malaysia, sama. Inilah salah satunya saya rasa patut pihak pelancongan ini memberikan gambaran yang sebenar-benarnya. Di samping itu dia bertanya saya, selamatkah? Ada separuh lelaki bertanya, dia dapat tahu juga Malaysia ini tetapi selamatkah pergi ke sana? Selamat, bagaimana saya kata? Perempuan pula yang bertanya itu. Dia kata di sana banyak perogol-perogol. Ini saya rasa masalahnya salah tafsiran dalam suratkhbar yang mengadakan iklan-iklan dan seterusnya.

Di samping itu saya melihat juga di dalam kapalterbang risalah-risalah yang disediakan dan juga di luar negeri semuanya risalah-risalah lama. Di samping itu juga mempamerkan seolah-olah dalam negara kita ini manusia masih lagi tidak berbaju. Digambarkan di situ anak dara sunti yang berkembangan sahaja dengan rambut yang panjang dan dengan muka yang hodoh. Anak-anak lelaki pula bertelanjang bulat menunjukkan punding susu. Di samping itu juga diceritakan begitu panjang sangat soal wau iaitu lambang kapalterbang kita. Ditunjukkan pula bagaimana buat wau dengan tidak berbaju.

Pagi tadi saya telah pun dapat satu kalender yang penuh dengan tradisi orang Melayu kononnya, semuanya tidak berbaju menjahit tidak berbaju, buat bakul tidak berbaju. Ini menggambarkan kalau orang luar datang, dia mengatakan semua orang kita ini masih duduk atas pokok lagi.

Baru-baru ini pula, Tuan Pengerusi, kita telah mengadakan CPA Conference di sini. Ahli-ahli Parlimen yang datang di sini terpegun melihat keadaan negara kita ini begitu berkembang maju. Apa yang dia kata, yang dia tahu sebelum dia datang ke Malaysia dia dapat gambaran mengatakan negara ini tidak maju. Sebab itulah dia kata bagaimana perkara-perkara yang seumpama ini tidak dapat diketahui oleh pelancong-pelancong luar negeri.

Dalam soal yang lain, saya mengharapkan dalam pelancongan itu untuk kita memperluaskan iaitu kapalterbang-kapalterbang yang singgah di lapangan terbang kita ini di antara destinasi yang lain singgah di sini supaya kapalterbang-kapalterbang ini juga saya mengharapkan supaya TDC dapat menyediakan brochures ataupun pamphlets dan juga risalah ini dapat dibekalkan di dalam kapalterbang mereka minta kerjasama.

Saya rasa dalam keadaan ini di samping mereka itu melihat ada, kalau tidak silap saya dalam salah satu kapalterbang saya pun lupa, dia ada membekalkan risalah-risalah negara-negara lain dalam kapalterbang itu. Bermakna di situ kita pun dapat melihat, sungguhpun kita tidak pergi tetapi dalam kapalterbang itu kita dapat melihat risalah-risalah menunjukkan negara-negara lain tetapi negara Malaysia tidak ditunjukkan di situ. Oleh itu saya mengharapkan supaya perkara ini diambil kira agar kita hendak memperluaskan pelancongan ini.

Tadi juga ada disebutkan dalam soal berhubung kedudukan projek industri kecil di kampung-kampung. Ini juga saya rasa boleh kita bawa dompet-dompet duit yang kecil itu dapat diperkenalkan dalam kapalterbang kita. Pelawat-pelawat luar negeri ataupun menumpang kapalterbang kita untuk memberi hadiah

sebagaimana kapalterbang yang lain ada memberi hadiah penutup mata, dompet, key chain dan sebagainya. Apa salahnya juga untuk memajukan industri-industri kecil di kampung ini di samping itu dapat kita memperkenalkan krattangan ataupun perusahaan tangan di kampung-kampung yang boleh diberi kepada pelawat-pelawat, pelancong-pelancong ataupun penumpang-penumpang dalam kapalterbang itu yang mana dapat menggambarkan negara kita ini tetapi janganlah pula hanya cara-cara yang begitu hodoh tetap dengan dompet duit yang kecil daripada mengkuang ataupun "komboh" dan juga key chain yang dibuat daripada rotan ataupun daripada buluh yang mana mendatangkan hasil kepada negara kita ini. Di samping itulah yang saya mengharapkan supaya benda-benda ini dapat kita pameran di samping itu kita dapat mencerminkan bagaimana keadaan-keadaan dalam negara kita.

Dalam soal lain iaitu soal kebudayaan. Kebudayaan juga supaya ia benar-benar kebudayaan.

Timbalan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Sedikit lagi, saya akan tutup. Kebudayaan yang benar-benar kebudayaan Malaysia yang ditunjukkan dalam buku-buku risalah, tidak ada muka coreng-moreng, bertopeng dan sebagainya. Ini jugalah saya rasa tidak sesuai ditatapi oleh pelancong-pelancong sama ada dalam kapalterbang dan juga di Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri. Oleh itu, dalam masalah ini oleh kerana masa tidak mencukupi saya rasa, Tuan Pengerusi, itu sahajalah bagi menyokong Perbekalan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Pengerusi (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.00 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Pengerusi, bercakap saya atas Maksud B.21, Butiran 010000 Pentadbiran dan Kewangan dan 020000 Perancangan. Saya ingin menyampaikan pandangan saya secara pendek atas perbahasan ini.

Tuan Pengerusi, penubuhan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk mempergiatkan usaha-usaha membangunkan perindustrian pelancongan di Malaysia dan menjadikan industri ini berhasil pertukaran asing yang utama bagi negara Malaysia adalah satu langkah dalam ke arah yang betul. Idea ini memang sudah lama dihasratkan oleh semua pihak yang ada kaitan dengan pelancongan. Bagi saya, saya amat gembira kerana ingin menyatakan di sini bahawa seruan saya berulang-ulang kali supaya ditubuhkan sebuah Kementerian Pelancongan ' sejak beberapa tahun yang lalu di dalam Dewan yang mulia ini akhirnya mendapat jawapan. Hasil pendapatan daripada pelancongan telah meningkat dengan mantap sejak beberapa tahun yang lalu. Sebagai contoh, dalam tahun 1985 sejumlah \$1,400 juta telah dihasilkan, manakala bagi tahun yang lalu pula berjumlah \$1,570 juta dan tahun ini dijangka meningkat kepada \$1,700 juta. Daripada perangkaan di atas dapatlah ditihat bahawa terdapat potensi yang luas bagi pelancongan menjadi sumber penghasilan pertukaran asing yang utama dengan syarat Kementerian baru ini benar-benar menyedari keutamaan dan menyusun sarannya dengan cara yang betul.

Perkara pertama yang perlu dilakukan oleh Menteri berkenaan ialah untuk mengaturkan pertemuan

dan perbincangan dengan semua pihak yang terlibat dalam perindustrian pelancongan untuk mengetahui keperluan mereka dan apa yang mereka harapkan daripada Kementerian. Saya menyedari bahawa ini telah dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri dan saya berharap beliau akan mempercepatkan pelaksanaan apa juga cadangan membina yang telah dibawa ke perhatiannya bagi pembangunan perindustrian pelancongan.

Saya cuma ingin mengambil peluang ini untuk mengemukakan pelbagai cadangan untuk pertimbangan Kementerian yang berkenaan dalam usahanya untuk menggalakkan perindustrian pelancongan.

Yang pertama, satu Pelan Induk Nasional bagi pelancongan untuk dijadikan sebagai satu garis panduan mempergiatkan pembangunan perindustrian pelancongan hendaklah diperkenalkan. Saya memahami bahawa beberapa orang pakar dari Jepun sedang menjalankan kajian untuk merangka satu pelan induk. Saya mencadangkan bahawa sebaik sahaja pelan ini disediakan, ia patut dibincangkan sepenuhnya oleh mereka yang terlibat dalam sektor perindustrian pelancongan sebelum ia dilaksanakan.

Yang kedua, merumus satu strategi dengan memberi pendedahan maksima kepada Malaysia dan mewujudkan satu kesedaran yang lebih luas tentang negara kita di kalangan masyarakat antarabangsa. Dalam hubungan ini kita tidak hanya menggalakkan filem-filem dibuat di Malaysia, tetapi juga menjemput setengah-setengah pengarang terkenal untuk menulis tentang negara Malaysia bagi semua penerbitan perjalanan.

Yang ketiga, langkah-langkah segera dan usaha-usaha yang bersungguh-sungguh mestilah diambil

untuk menggalak dan memasarkan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat persidangan ataupun konvensi antarabangsa. Dalam hubungan ini satu Biro Konvensi mestilah ditubuhkan bagi menggalakkan dan memasarkan Pusat Dagangan Dunia Putra sebagai sebuah pusat persidangan yang terbaik di dunia. Dalam hubungan ini Kementerian hendaklah juga membincangkan dengan Kementerian Dalam Negeri tentang keperluan memansuhkan sekatan kemasukan yang dikenakan ke atas setengah-setengah warganegara asing jika mereka hendak datang ke Kuala Lumpur bagi menghadiri apa-apa persidangan antarabangsa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Jawatankuasa)

Yang keempat, langkah-langkah mesti diambil oleh Kerajaan untuk menubuhkan sebuah pusat kebudayaan ataupun "cultural centre", dengan izin, di Kuala Lumpur untuk menggalakkan kekayaan kebudayaan semua kaum di Malaysia yang mana pertunjukan kebudayaan semua kaum dipertunjukkan kepada pelancong-pelancong asing.

Yang kelima, memastikan perangkaan kemasukan pelancong sentiasa dikemaskinikan bagi membolehkan lebih banyak perancangan yang kemaskini bagi menyaingi perindustrian pelancongan.

Yang keenam, Kementerian hendaklah menyemak keputusan Kerajaan untuk menarik diri daripada pertubuhan pelancongan sedunia dan menimbang untuk menyertai semula badan dunia itu bagi mendapatkan pendedahan antarabangsa bagi Malaysia dan membantu menggalakkan Malaysia sebagai satu sasaran atau destinasi pelancong menerusi badan ini.

Yang ketujuh, dengan peruntukan sebanyak \$123.8 juta bagi tahun 1988 yang diberikan kepada Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, perbadanan ini hendaklah bertenaga dan memainkan satu peranan yang lebih agresif dan lebih dinamis, memperkuat pejabat-pejabat seberang lautnya dan hendaklah lebih agresif "menjual" Malaysia sebagai satu destinasi pelancongan. Dengan peruntukan yang lebih banyak, Perbadanan Kemajuan Pelancongan hendaklah juga memainkan peranan yang lebih aktif dalam menggalakkan pasaran pelancongan dalam negeri dan menarik lebih ramai rakyat Malaysia lebih mengetahui pusat-pusat pelancongan dalam negara ini dan menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia menghabiskan percutian mereka di Malaysia. Selaras dengan prinsip "Kepimpinan Melalui Teladan", maka saya mengesyorkan bahawa Yang Berhormat Menteri-menteri dan ahli-ahli pentadbiran Kerajaan hendaklah menggunakan lebih banyak percutian mereka di sini daripada di luar negeri.

Yang kelapan, Perbadanan Kemajuan Pelancongan mestilah juga memastikan bahawa Malaysia memerlukan satu gambaran yang tepat tentang dirinya bagi menggalakkan perindustrian pelancongannya. Kita tidak boleh membenarkan nama negara kita disalah eja. Dalam hubungan ini, saya suka menarik perhatian Dewan ini dan Menteri yang berkenaan mengenai sebuah iklan PATA (Pacific Area Travel Association) yang bernama "The Pacific" yang dilaporkan dalam edisi 11 Mei 1986, *Asian Wall Street Journal* yang mengandungi satu kesilapan ejaan yang luar biasa tentang nama negara kita. Di sini saya ada satu petikan dalam suratkhbar yang mengejakan nama Malaysia itu sebagai "M-A-Y-L-A-S-I-A" dan bukan ejaan yang betul. Maka saya berharap bahawa pihak yang berkenaan akan

mengambil perhatian yang berat tentang perkara ini supaya masalah-masalah seperti ini tidak akan berulang lagi. Sekian.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Shah Alam.

4.07 ptg.

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman (Shah Alam): Tuan Pengerusi, saya hanya hendak menyentuh sedikit sahaja kerana semua sahabat-sahabat sudah bercakap dalam Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Saya ingin menyentuh Butiran 020000 Perancangan, mukasurat 107, B.21 dan B.22. Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan kerana telah dapat mewujudkan satu Kementerian khas untuk Pelancongan dan Kebudayaan. Saya percaya di bawah pimpinan seorang Menteri yang begitu dinamik, saya tidak ragu-ragu Kementerian ini akan dapat membawa masuk banyak pelancong ke negara kita.

Saya tertarik hari dalam soal pelan induk tadi. Memang sewajarnya kerana Kementerian ini baru, perlu kita mengadakan satu pelan induk yang menyeluruh. Tetapi saya tidak bersetuju jika pelan induk ini hanya kita bincangkan dengan kepakaran daripada luar negeri. Saya percaya di negara ini tidak kurang yang pakar dalam soal pelancongan mengikut selera rakyat negeri ini. Dengan adanya satu pelan induk yang boleh meyakinkan rakyat luar negeri, saya percaya Malaysia akan tercatat di dalam dunia pelancongan dalam tahun-tahun yang akan datang.

Sedikit dalam soal Perancangan, Tuan Pengerusi, saya ingin mempersoalkan sedikit soal minat pelancong. Kenapa orang kita, orang Malaysia ini bila masa cuti dia ingin pergi ke Los Angeles, dia pergi ke

Bangkok, dia pergi ke Jepun, mungkin agaknya termasuklah saya pun minat.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sudah pergi?

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Akan pergi, insya Allah. Bila ditanya kenapa berminat ke Los Angeles, baru ini ada rakan-rakan saya pun baru balik, tadi pun ada seorang Ahli Yang Berhormat menyebutkan dia baru balik, dia kata dia tidak jemu-jemu pergi ke Disneyland. Apakah keistimewaan Disneyland itu? Kita ada di sini Disneyland di Port Dickson, tetapi tak sampai 2 jam dah habis kita tengok. Tetapi sesuatu yang menarik seperti itu boleh atau tidak kita jadikan contoh kerana negara Malaysia ini merupakan negara yang mempunyai bukan sahaja banyak sumber hasil pengeluaran, bahkan dilihat dari budayanya banyak sekali.

Satu perkara yang boleh dijadikan contoh ialah seperti perayaan Thaipusam. Kenapa orang luar berminat pergi ke Batu Caves? Dengan izin, ini satu kebudayaan yang "within us", yang bukan diadakan untuk pelancongan maksud saya. Satu perayaan yang memang telah wujud di negara ini.

Di negara ini kalau ada pelancongan atau orang luar negeri datang ke Kuala Lumpur kita pun bawa ke suatu restoran. Yang Berhormat tahulah restoran-restorannya. Kita tunjukkan acara perkahwinan, bersanding, lepas itu beri bunga telur. Tetapi ada sesuatu seni yang lama dulu yang harus kita kembalikan balik iaitu upacara mengandam. Satu "ceremony" yang begitu unik sekali yang harus dikenalkan, dikembalikan. Acara seperti ini samalah juga dengan orang-orang Jepun dengan acara "tea ceremony" nya. Setiap kali kita pergi ke negeri Jepun kita dibawa melihat

budaya ini bukan kerana untuk hendak menarik pelancong tetapi pelancong-pelancong dari luar negeri sudah tahu "tea ceremony" itu apa. Kerana itu "everyday life", dengan izin, orang-orang Jepun.

Jadi, Tuan Pengerusi, seni yang seperti ini perlu dikembalikan dalam masa kita merancang untuk menarik minat pelancong-pelancong daripada luar negeri. Saya percaya mungkin saya silap, dalam soal ini tetapi kata orang jauh perjalanan banyak pengalaman, banyak yang kita lihat dan sesuatu yang baik itu perlu kita bawa balik untuk dijadikan satu contoh mengikut kesenian dan kebudayaan lama kita.

Di samping itu, saya ingin menyentuh soal filem dokumentasi, Tuan Pengerusi. Saya difahamkan ada pesta filem tertentu yang dianjurkan oleh dunia luar di mana filem-filem dokumentasi untuk negeri-negeri yang berkenaan. Misalnya, setelah melihat filem dokumentasi Safari melalui TV atau video orang suka pergi ke Afrika untuk melihat Safari, orang suka pergi ke negara-negara lain kerana ada pandangan-pandangan yang menarik minat orang. Jadi di Malaysia ini selain daripada "penyu yang bercermin mata hitam"; saya rasa itu sudah menjadi satu tarikkan yang agak hebat kerana baru-baru ini saya pergi ke China pun orang negeri China ada bertanya saya, dia kata "you ada bawa penyu bercermin mata hitam tak?," katanya. Sebab negeri dia tidak ada penyu bercermin mata hitam. Ini jelas menunjukkan bahawa sesuatu yang menakjubkan boleh juga didapati di negara ini.

Di Pahang kita mempunyai satu kawasan Taman Negara yang begitu indah sekali jika dimajukan lebih pesat lagi akan menarik pelancong. Taman Negara boleh diadakan filem

dokumentasi yang boleh menggalakkan mereka berminat untuk melihat tempat-tempat sedemikian.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit sahaja iaitu berkenaan dengan Muzium. Sebenarnya ini merupakan angan-angan tetapi jika boleh dibuat rasa saya ada baiknya.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, butiran berapa itu?

Datin Paduka Hajjah Rahmah binti Othman: Maksud B.22 Muzium Negara. Tetapi saya hendak menyentuh Butiran 010000 Pentadbiran supaya diperluaskan aktiviti Muzium ini.

Saya telah pergi ke beberapa buah negara dan saya dapati di lapangan terbang mempunyai mini Muzium yang boleh ditukar bentuknya dalam masa seminggu sekali. Sebagai contoh di Lapangan Terbang Dubai, satu tempat persinggahan — "transit passengers", dengan izin, untuk beberapa waktu singgah di situ kita tidak membuang masa membelibelah. Kalau kita hendak melawat ke dalam bandar negeri itu akan memakan masa tetapi mereka mengusahakan satu mini Muzium di lapangan terbangnya untuk transit passengers mengenal negerinya. Di situ mereka dapat melihat berbagai pandangan, keindahan-keindahan, kebudayaan dan kemampuan negeri itu dari segi pelancongan, dari segi perniagaan, dari segi budaya negara itu.

Saya ingin mengesyorkan supaya Kementerian ini berusaha bersama-sama untuk memajukan Mini Muzium di Labangan terbang Suhang bagi memberi kesempatan kepada "transit passengers".

Saya bersetuju juga dengan sahabat saya yang menyebut berkenaan dengan

Panggung Negara. Saya difahamkan baru-baru ini ada "theatre group" dekat belakang Panggung Dewan Bandaraya sudah dihalau. Tetapi di Kuala Lumpur ini sahaja, Tuan Pengerusi, kalau pelancong-pelancong datang ke Kuala Lumpur untuk menyaksikan satu seni budaya, saya rasa ada wajarnya jika kita wujudkan Panggung Negara ini memberi peluang mereka itu menunjukkan seni kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

4.17ptg.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Pengerusi, saya ikut bersama menyokong pembentangan Belanjawan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Maksud B.21, Butiran 040000 Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas semoga usaha ini akan mendapat hasil yang baik dan kebaikan yang cemerlang. Banyak di antara pandangan-pandangan telah diberi oleh wakil-wakil yang memberi pandangan bahawa rasa saya pandangan-pandangan itu adalah mencerminkan kepada kita semoga usaha ini akan menjadi suatu usaha yang gilang-gemilang agar lebih daripada masa-masa yang silam.

Rasa saya yang kita bahas hari ini mengenai pelancongan, ertinya bagaimana cara hendak tarik orang datang ke negara kita Malaysia. Pokoknya bagaimana cara hendak tarik orang datang ke negara Malaysia. Ertinya hendak tarik hati orang. Itu pokok sekali. Kalau kita berjaya ini, maka kita akan berjaya. Kalau kita tidak berjaya tarik hati maka tidak berjaya walaupun apa persiapan

yang kita siapkan. Ertinya sanggup orang datang ke Malaysia, hati mereka sanggup datang ke Malaysia ini katau kita kata dalam segi hendak tengok apa hendak datang ke Malaysia. Keindahan? Betul. keindahan ada di Malaysia tetapi ada keindahan di negara dia yang sedia ada tetapi kerana hati mereka akan datang. Misalan kalau orang bercinta dia sanggup berenang dalam sungai kalau perahu tidak ada, dia sanggup berenang pergi jumpa orang yang dikasihinya.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Kalau ada buaya macam mana?

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Kalau ada buaya pun. dia sanggup berlawan ataupun dia sanggup menyeberangi walaupun pergi jauh. Kalau dia kasih, kalau dia mesra, tetapi kalau dia benci, walau sekalipun dekat, dia tidak datang. Maka selain daripada keindahan-keindahan yang patut kita adakan, maka mustahak juga kita kena memberi kursus ataupun mengajar rakyat kita supaya pandai cara menarik hati, itu dia. Ini rasa saya patut pihak Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan latihkan orang-orang kita ke arah ini iaitu ke arah bagaimana cara untuk tarik hati selain daripada kursus ataupun taklimat-taklimat tentang bagaimana hendak buat itu, hendak buat ini.

Misalan latih senyum, latih beramah-tamah, latih suka buka mulut dahulu, latih suka bertanya khabar, ini mustahak. Kerana orang-orang datang ke negara ini. datang sekali dia hendak datang lagi. Kenapa kata dia, "Orang Malaysia baik", itu pokok. Tetapi kalau sekiranya Malaysia bagaimana? "Cantik pandangan, cantik jalan, cantik bangunan, cantik pokok kayu, cantik udara, tetapi orang hai!" habis, pakai tidak datang sekali itu datang. Ini paling penting sekali. Misalan kerana saya ini orang

kampung, pernah juga berjalan ke mana-mana negeri.

Ada di antaranya saya pergi sekali ke negeri itu, tetapi hati sampai sekarang hendak pergi lagi, hendak pergi sungguh-sungguh. Ke Mekah memang hendak pergi, ke Mekah itu lainlah. Ada satu negeri hendak sungguh-sungguh pergi, maknanya hati siang malam hendak pergi. Negeri mana? Negeri Syam. Kenapa, saya rasa negeri Syam hendak pergi sangat? Saya pergi sekali, hendak pergi lagi. Orang-orang lain yang pergi sampai ke Syam, rasa hendak pergi lagi. Apa kita tanya, kenapa hendak pergi lagi? Orangnya baik-baik sangat orangnya. Ini paling penting sekali.

Zaman dahulu, zaman Nabi Muhammad s.a.w., negeri Syam sudah terkenal negeri yang maju daripada negeri-negeri yang lain. Pada hal apa ada di negeri Sham itu? Negeri Mesir lebih moden masa itu, Yaman lebih moden, tetapi Nabi Muhammad dan orang-orang daripada Hijaz, orang-orang daripada Mekah, orang-orang daripada negara lain jarang sangat pergi ke Yaman ataupun ke Mesir, masing-masing bertumpu kepada Syam, kenapa? Katanya orang Syam baik-baik. Hingga Nabi Muhammad s.a.w., penghulu alam ini sentiasa membuat hubungan dengan negara Syam dahulu, kenapa? Kerana orang Syam baik-baik. Oleh itu jadikan negara ini kalau sekiranya mahu maju supaya didatangi oleh manusia pelusuk alam, jadikan orang-orang Malaysia ini masyhur dengan orang baik. Itu pokok sekali, baik tutur bahasanya, baik budi pekertinya, baik pentadbirannya, baik segala-galanya. Tetapi malangnya cubalah apa yang saya sebut ini betul atau tidak.

Kalau dalam kapal terbang, kita hendak pergi ke mana, pernah kita nampak orang-orang muka kitalah, muka kepek. Orang Terengganu kata muka kepek, bukan muka bujur, muka

kemek, yang kita kenal dia ini orang Malaysia nampak cara. Pernah kita tengok dia duduk di kerusi dalam kapal terbang, di cushion. Kadang-kadang dia duduk di tengah, di kiri kanan orang bangsa lain, Cinakah atau Indiakah, orang Ingeriskah, pernah dia duduk begitu, tetapi sampai ke hujung. Kalau hendak pergi ke London, ke Londonlah, begitu. Tidak adalah hendak berbual, begitulah. Habis-habis sepatah tanya, dari mana? Kata dia, Malaysia. Kita pernah tanya awak dari mana dari Singapura, awak dari mana saya dari Australia. Bagaimana cara mesti orang yang duduk di cushion dalam kapal terbang itu mestl kita mahu tackle orang ini, mesti jijak di bumi Malaysia. Mesti hendak menarik, mesti hendak bercakap, mesti hendak berbual. Apabila berbual, barulah kita boleh cerita, barulah kita boleh katakan di negeri kita ada buruk, misalannya.

Dia kata buruk macam mana? Serupakah dengan buruk di negara aku? Begitulah dan begini. Negeri aku ada gasing. Apa itu gasing, cerita fasal gasing pula. Negeri aku ada gobek api. Apa dia gobek api? Tuan Pengerusi barangkali melencong sedikit atau tidak? Saya rasa tidak melencong, fasal saya tengok Tuan Pengerusi, macam hendak tegur tadi.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sampai masa kena gutung.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Ini sedang hendak gulung. Jadi, apa itu gobek api? Cerita fasal gobek api ini apa. Jadi, panjang cerita, umpama kata gobek api kita boleh buat daripada tanduk, apabila kita pukul begitu, dia boleh dikeluarkan api. Hati itu rasa hendak tengok. Dia balik ke rumah, dia cerita pada anak dia pula, dia cerita kepada kawannya di kedai kopi pula. Hendak pergi tengok pula. Tetapi kalau kita cerita di negeri saya, di

Kuala Lumpur ada bangunan 60 tingkat. Apa dia hendak hairan 60 tingkat, negeri aku di New York sampai 100 tingkat lebih, aku hendak hairan apa. Negeri aku ada jalanraya cantik. Apa aku hendak hairan, negeri aku pun jalanraya cantik. Jadi, ini tarikan mustahak.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah lebih, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Setengah minit.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Setengah minitkah atau lima minit?

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Setengah minit. (Ketawa)

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan: Jadi; saya mencadangkan kepada Kementerian ini supaya mengadakan perkara-perkara bagaimana untuk jadikan orang Malaysia ini orang baik hati iaitu secara manis, secara mudah berbual, mudah menegur dan mudah menolong. Kita tengok kadang-kadang orang luar melancong datang ke negara kita ini, pernah kita tengok jalan kaki dan kita pernah tengok mereka tahan kereta kita, misalannya hendak ke mana-mana, kita seorang sahaja bawa kereta. kadang-kadang kita tidak berhenti. Itu pun membawa kepada mereka fikir kita sombong dan itu pun membawa kepada mereka memikirkan datang sekali, lepas itu tidak mahu datang lagi. Jadi, tarikan-tarikan ini rasa. saya amat mustahak iaitu bagaimana melatih orang-orang kita supaya beramah dan penarik hati. Nampaknya pandangan dan cadangan saya ini adalah pelek sedikit daripada apa yang diberi oleh orang-orang lain. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Maran.

4.30 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Pengerusi, saya ingin membahaskan bersama Maksud Bekalan B.21, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 dan Butiran 040000.

Sebelum saya menyentuh Butiran-butiran tersebut, saya suka merujuk kepada buku Anggaran Belanjawan, Program dan Prestasi 1988, muka surat 243 di bawah Peruntukan Mengurus iaitu Penerangan Program Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia di mana dalam Penerangan Program ini termasuk perkara (iii) mengatakan ialah:

"(iii) Menggalakkan pelancongan di kalangan tempatan dan antarabangsa dan mengambil bahagian dalam memajukan perusahaan pelancongan dalam Malaysia."

Dari Program itu suka saya merujuk kepada Butiran 040000. Kita telah banyak mendengar beberapa cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara tersebut tetapi sebagaimana kita ketahui bahawa untuk menarik pelancongan ini ialah persiapan kita di dalam negeri kita sendiri. Dalam usaha persiapan ini kita tidak hanya hendak menunjukkan kepada pelancong kerana kebanyakan pelancong ini ialah orang-orang yang selalunya mempunyai duit yang banyak dan selalunya tidak tinggal di luar bandar. Jadi kalau sekiranya kita hanya menarik mereka supaya datang ke bandar-bandar sahaja, sudah barang tentu sambutan tidak menggalakkan daripada mereka kerana mereka ini kadangkala negeri mereka lebih mempunyai kemajuan

daripada negeri kita sendiri daripada segi kemudahan-kemudahan tersebut.

Oleh itu, dalam persiapan ini sukalah saya menarik perhatian supaya kita memberikan persiapan yang khusus di luar-luar bandar kerana selain daripada mereka datang melancong ke bandar, singgah di bandar, perlu juga kita memberitahu kepada mereka kawasan-kawasan luar bandar dan tempat-tempat yang patut mereka pergi. Di Malaysia sendiri memang kita tidak ketinggalan mempunyai kekayaan-kekayaan semula jadi, misalannya di Pulau Tioman sendiri, di Tasik Paya Bunga, Tasik Chini dan Kota Gelanggi, ini yang saya tahu. maka tempat-tempat ini sudah barang tentu akan menjadi tempat tarikan kepada pelancong-pelancong luar negeri. Sebab itu apabila kita memberi taklimat kepada mereka, maka perlulah kita menyebut keindahan-keindahan di tempat-tempat di luar-luar bandar tersebut. Jadi, dalam perancangan dan dalam menaikkan taraf tempat-tempat pelancongan, tempat-tempat yang sedemikian rupa perluah diberikan perhatian.

Masalah kedua ialah apabila kita hendak memajukan tempat pelancongan di luar bandar, sukalah saya menyarankan supaya penduduk-penduduk tempatan yang berkaitan, penduduk-penduduk yang berhampiran di tempat yang kita hendak majukan itu mestilah diberikan keutamaan bagi bersama-sama memajukan tempat tersebut, sama ada mereka diambil sebagai pekerja ataupun mereka juga diambil sebagai menjual barang-barang tertentu di tempat-tempat yang kita adakan itu. Jadi, dengan ini sudah barang tentu nikmat ataupun faedah pelancongan ini bukan sahaja didapati oleh orang-orang yang sudah sedia berada di bandar-bandar tetapi juga dapat pendapatan itu kepada penduduk-penduduk luar bandar. Jadi, barulah

selaras dengan maksud kita supaya orang-orang tempatan juga mengambil bahagian memajukan perusahaan pelancongan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya juga suka menyarankan supaya sebagaimana kita mendengar tadi banyak di antara perkara-perkara yang dibangkitkan adalah kadangkala ada hubungan dengan Jabatan-jabatan yang lain, seperti visa, penerbangan dan sebagainya. Jadi, sudah barang tentu saya percaya pihak Kementerian ini akan mengambil perhatian dan mengambil pegawai-pegawai ataupun siapa sahaja daripada Kementerian-kementerian yang berkenaan duduk bersama di dalam membincangkan perkara-perkara yang kita hendak membaiki lagi kedudukan pelancongan di negara kita ini.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya masih ingat baru-baru ini kita telah mengadakan "Malaysia Fest" ataupun "Pesta Malaysia". Saya tidak tahulah bagaimana Kementerian yang berkenaan hanya menggunakan bahasa Inggeris sahaja, sepatutnya kita tulis di situ "Pesta Malaysia" kerana orang yang datang akan membawa berita ini balik ke negara masing-masing tetapi kalau mereka itu boleh menyatakan sendiri bahawa mereka itu telah datang ke "Pesta Malaysia", jadi dengan sendirinya nama ini akan menjadi masyhur di negara-negara lain. Jadi, dengan keadaan ini sudah barang tentu bukan sahaja kita menaikkan taraf bahasa kita tetapi kita memperkenalkan hal pelancongan ini dengan keadaan yang sedemikian rupa. Jadi, perkara-perkara ini saya percaya sudah barang tentu akan diambil perhatian oleh pihak Kementerian kita yang baru ditubuhkan ini.

Selain daripada itu, saya suka juga menyarankan supaya pusat-pusat kebudayaan bukan sahaja kita tumpukan di Kuala Lumpur. Saya suka

mencadangkan supaya apa-apa kebudayaan yang kita tunjukkan di Kuala Lumpur ini merupakan sebahagian kecil. bahkan kalau boleh kemuncaknya kita tidak usah tunjukkan di sini. Kalau sekiranya tarian itu berasal dari negeri Terengganu misalannya, maka kita kata, "ini adalah sebahagian daripada tarian dari negeri Terengganu. kalau tuan-tuan hendak pergi melihat lebih lanjut lagi, lebih baik lagi, maka tuan-tuan hendaklah pergi ke negeri Terengganu supaya boleh melihat lebih panjang dan lebih banyak lagi tarian-tarian asli di negeri Terengganu". Jadi apabila kita menunjukkan sebahagian, sudah barang tentu mereka itu tidak mendapat kepuasan dan mereka akan bertanya di mana tempatnya patut mereka pergi bagi melihat lagi kebudayaan negeri-negeri berkenaan yang lebih banyak lagi.

Saya rasa itu sahaja. Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Selepas ini saya akan jemput Menteri menjawab.

4.38 plg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa): Tuan Pengerusi, dalam Maksud B.21, muka surat 107 Butiran 020000 Perancangan dan Butiran 030000 Kebudayaan. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang mungkin berbeza dengan rakan-rakan saya dan mungkin tidak menarik Kementerian yang berkenaan.

Walaupun kalimah "Kebudayaan" diletakkan di hadapan kalimah "Pelancongan" tetapi yang jelasnya kerana pelancongan adalah lebih penting dari kebudayaan dan kebudayaan akhirnya nanti menjadi alat kepada usaha pelancongan. Mukaddimah tujuan belanjawan

Kementerian ini sudah cukup untuk menjelaskan bahawa minat besar Kerajaan bukanlah kebudayaan, tetapi pelancongan. Tujuan belanjawan dicatatkan dalam muka surat 241 berbunyi antara lain:

"Memastikan pembangunan dan penggalakan industri pelancongan sebagai suatu industri utama negara ini dengan berteraskan, antara lainnya, kepada unsur-unsur kebudayaan negara yang mencerminkan ciri-ciri perpaduan serta kualiti-kualiti kehidupan, kemanusiaan, kerohanian dan kesenian."

Oleh kerana yang diutamakan ialah menjadikan pelancongan sebagai industri utama negara, maka ia boleh diertikan sebagai suatu keutamaan dibandingkan dengan industri petroleum, perkilangan, pertanian, industri berat dan lain-lain. Ini bererti Kerajaan hendak menjadikan Malaysia sama penting dengan Perancis. Kepulauan Hawaii dan lain-lainnya atau juga seperti Lebanon sebetum perang. Saya tidak nampak apakah mimpi Menteri berkenaan tergamak untuk menjadikan pelancongan sebagai industri utama.

Mendiang Tan Sri Run Run Shaw yang menjadi taukeh wayang yang terkenal itupun tidak menjadikan pesta sebagai industri utama tetapi ia juga memikirkan tentang industri lain. Perancis yang sudah maju industri pelancongannya tetapi menjadikan industri perkilangan dan industri berat seperti membuat kapal terbang dan lain-lain. Thailand yang disukai oleh orang-orang muda dan saudagar-saudagar buah masih mengira sektor pertanian sebagai industri utama. Tetapi Malaysia yang tiada pyramid, tiada menara senget, tiada tembok besar, tiada bekas mahligai-mahligai lama, bagaimanakah hendak menjadikan pelancongan sebagai industri utama? Agaknya Menteri berkenaan ingin

untuk menjadi taukeh wayang dan inilah yang boleh dicapai orang rancangan memajukan hal ehwal yang berhubung dengan pelancongan.

Walaupun dalam mukaddimah atau tujuan yang disebutkan bahawa nilai tradisi kerohanian akan memainkan peranan, tetapi saya anggap itu tidak lebih daripada satu propaganda murah. Bila alam pelancongan menguasai suasana, yang timbul ialah dunia keseronokan, khayal dan berhibur, tambahan pula bila dia diserikan dengan kasino dan berbagai-bagai bentuk perjudian, maka yang menang judi mencari jalan menambahkan keseronokan tetapi yang kalah pula mencari jalan untuk mengelakkan kerusingan.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, tajuk mana ini?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Ya?

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Perjudian tidak ada dalam Pelancongan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tidak dengar.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Perjudian tidak termasuk dalam Pelancongan dan Kebudayaan. Terkeluar dari tajuk.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Bukan saya tuju kepada perjudian, saya membuat perbandingan peristiwa yang berlaku dalam Program Pelancongan di tempat-tempat lain, itu sahaja.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat diberi 10 minit lagi.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Dan yang jelas orang yang

merupakan kaum sejenis rohani. Alam pelancongan tidak seharusnya begitu. Tetapi dunia sekarang sudahpun melaconkan pelancongan.

Tuan Pengerusi, kebimbangan saya ialah kebudayaan yang hendak ditegakkan di negara ini walaupun sudah ditentukan asasnya iaitu bertolak dari kebudayaan rakyat asal rantau ini seperti yang disebutkan dalam strategi Belanjawan ini, tetapi ialah kebudayaan yang dipengaruhi oleh kehendak pelancongan. Orang-orang yang datang tidak dapat ditegah cara berpakaian, cara berjalan dan cara bergaul. Pengaruh asing terus dipraktis di tengah-tengah masyarakat kita dan kebudayaan rakyat rantau kita pun sudah tidak asli lagi. Maka cita-cita kebudayaan yang diidam-idamkan itu turut kabur bagi saya sekarang.

Sebagai seorang yang mendokong cita-cita perjuangan Islam, saya hendak menyarankan kebudayaan harus diutara dan dipelihara biar dari mana unsur dan pengaruhnya hendaklah tidak bercanggah dengan kemahuan Islam. Tokoh-tokoh budaya yang hendak dilahirkan melalui Belanjawan yang berjumlah \$123 juta lebih ini hendaklah diperkenalkan dengan dakwah dari peringkat awal lagi. Untuk cita-cita ini Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan hendaklah mendesak dan menasihatkan Menteri Pendidikan untuk memberatkan pengenalan Islam kepada murid-murid seawal-awal yang boleh supaya bila mereka menumpukan aspek kebudayaan kelak, mereka tidak lari dari kebudayaan Islam. Saya menekankan ini kerana kita dapat lihat hari ini walaupun Kementerian ini wujud sudah lama, tetapi tidak lahir satu asas yang kukuh yang boleh diterima oleh semua kaum di negara ini bahkan sampai kepada hari ini masing-masing kaum suka membawa rasa masing-masing menyebabkan kita tidak dapat mewujudkan satu kenyataan.

Saya beralih pula kepada Butiran 040000 Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia Tujuan Program Belanjawan Kemajuan Pelancongan Malaysia seperti yang dicatatkan di muka surat 234, adalah untuk mendapatkan faedah yang maksima daripada perusahaan pelancongan sesuai dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru. DEB sendiri tidak pernah memperhetongkan haram hatalnya matlamat. Oleh itu ia tidak akan lari dari cara kemajuan pelancongan mana-mana juga di dunia. Demi kepentingan menarik pelancongan inilah, maka projek Langkawi dirancang. Kerajaan Negeri Kedah telah meluluskan peruntukan tanahnya dan yang hendak memajukan pula ialah swasta. Tetapi Kerajaan mengeluarkan belanja yang besar untuk membina lapangan terbang dan lain-lain lagi kemudahan. Sekarang arak diberitakan begitu murah di pulau ini. Perkembangan terakhir yang saya dengar, bahawa pihak pemaju tawar hati untuk meneruskan pembangunan di situ kerana takutkan sumpahan Mahsuri. Ada cadangan bahawa Pulau Tioman lebih sesuai bagi dijadikan syurga dunia termasuk pembinaan kasino yang kedua bagi Malaysia.

Bagaimanapun Langkawi dimajukan juga, boteh jadi tidak ada kasino. Selain dari bimbangkan sumpahan Mahsuri, pemaju tidak nampak orang-orang Singapura yang suka berpoya-poya boleh datang kerap ke Langkawi. Kalaupun mereka ke Langkawi, mereka mungkin tidak segeembira ke tempat yang di majukan oleh Thailand.

Sebenarnya saya bimbang Langkawi ini dijadikan tempat singgah orang-orang yang hendak ke syurga dunia di Thailand. Sementara itu saya tertarik dengan satu kenyataan yang menyebut bahawa Pulau Tioman akan dimajukan oleh Fibre Merlin, sebuah syarikat yang UMNO ada kepentingan. Seperti saya sebutkan tadi, sebagai pusat

pelancongan yang tidak jauh dengan Singapura, ia menjadi tempat kedua di Malaysia yang ada kasino. Orang Singapura dan orang yang ke Singapura mudah ke situ. Sebelum keuntungan yang negara hendak dapat, yang sudah kita nampak ialah pusat judi dirancang. Maka Malaysia maju bersama judi. Menteri yang bertanggungjawab adalah orang Pahang Darul Makmur. Nampaknya negeri ini hendak dimakmurkan dengan cara begini. Kasino yang pertama di Pahang juga iaitu di Genting Highlands. Jadi ia ada satu kasino tinggi di gunung dan satu lagi di tengah laut. Di negeri itu juga ada kelab yang tidak berpakaian di antara Kuantan dan Kemaman.

Tuan Pengerusi (Dato Mohamed Amin bin Haji Daud): Kelab apa itu Yang Berhormat? Kelab tanpa pakaian, kelab apa?

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Menteri lebih tahu. Kita sepatutnya bangga dapat memakmurkan negeri dengan masjid, tetapi sekarang orang-orang Islam bangga dapat memakmurkan negeri dengan judi dan kelab tidak berpakaian. Pertandingan di antara pusat pelancongan yang berbentuk maksiat ini tidak tahan bagi pusat-pusat ibadat untuk bersaing. Mungkin inilah agaknya menyebabkan terbakar 5 buah masjid di negeri ini. Kalau bentuk pelancongan seperti ini yang dimajukan nescaya iman rakyat habis terbakar pula.

Saya bersetuju negara boleh dapat wang yang banyak, taukeh kelab palyboy boleh jadi kaya raya dengan membangunkan kelab judi dan kelab wanita bercawat, sampai boleh memiliki kapal terbang, kapal terbang jadi rumahnya, sudah macam Qoroon kayanya. Adakah itu yang hendak dicontohi? Belajarlah dari Lebanon. Beirut pernah terkenal maju, ia maju kerana menjadi pusat pelancongan.

banyak kasino dan banyak kelab, ia menjadi syurga bagi orang hidup. Ramai orang Lebanon menjadi saudagar kerana kemajuannya. Sekarang Allah turunkan bala kepada penduduk Lebanon, ia berperang. Adakah perang ini terjadi sendiri? Cara Allah hendak menjahanamkan umat Nabi Luth dahulu, diterbalikkan bumi, cara Allah hendak membinasakan Lebanon yang kotor dan penuh maksiat ialah dengan mencetuskan perang. Tidak ada kasino di Mekah dan Madinah, tiada pokok tumbuh di Mekah tetapi sepanjang musim, Mekah dan Madinah dibanjiri oleh buah-buahan yang memakmurkan negara. Bukan projek berbentuk maksiat, tetapi berkat ketakwaan ummah.

Satu berita yang menarik disiarkan di akhbar Inggeris baru-baru ini ialah tentang minat pelancong Soviet Union ke Malaysia. Syarikat Penerbangan Soviet sedia mengatur penerbangan dari Soviet ke Langkawi membawa pelancong-pelancongnya. Adakah ini matlamat atau propaganda. wallahu'alam. Tetapi umat komunis biasanya jarang melancong. Saya tidak pasti dengan perubahan di dunia komunis, tetapi saya bimbang kalau berita ini benar, maka kehadiran Soviet biasanya mempunyai tujuan tersendiri. Kiranya kita kaji dari sudut ilmu komunis, mungkin ini satu kejayaan kunjungan Perdana Menteri ke Soviet pada Hari Raya Haji lalu. Tetapi kedatangan pelancongan seperti ini cukup untuk memeningkan kepala kita.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Jadi, Tuan Pengerusi, untuk mengakhiri ucapan saya pada petang ini, saya sukalah mengingatkan kepada pihak Kementerian berkenaan supaya benar-benar dapat menunjukkan hasil

melalui pelancongan ini dan hasil itu janganlah melahirkan usaha Kementerian ini untuk mendapat kewangan yang banyak dan untuk menerima kunjungan daripada segenap pelancong tetapi biarlah dapat kita buktikan identiti negara kita dan pegangan kebudayaan yang kukuh yang kita sendiri rancangkan. Sebab kita tahu di seluruh dunia hari ini dunia pelancongan inilah dunia yang tertarik dan dunia yang dapat menarik pengunjung-pengunjung dari luar negeri, tetapi anak negeri dan kedudukan masyarakat negerinya dari satu masa ke satu masa akan menerima perubahan, terutama sekali Malaysia kita, sekurang-kurang dapat kita mengekalkan identiti ketimuran kita serta identiti itu memang padat dengan tunjuk ajar Islam kita. Apa lagi Kerajaan sendiri sedang berusaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam.

Itulah yang dapat saya beri pandangan mengenai Kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Jemput Yang Berhormat Menteri.

4.52 ptg.

Menteri K budayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Pengerusi, mula-mula saya hendak berterima kasih kepada lapan orang yang telah turut serta membincangkan peruntukan bagi Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Sebelum saya terlupa, saya hendak sebutkan apa yang telah diperkatakan oleh sahabat saya dari Pengkalan Chepa.

Saya amat kagum dengan pengetahuan yang telah ditunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa. Saya ingat orang dari parti PAS tak pergi mengintai, rupanya dia mengintai juga. Di

Kuantan, kata dia ada kelab orang tak pakai baju.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Orang telanjang.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Ya, kelab orang telanjang. Mana dia tahu ini, Tuan Pengerusi? Waktu saya masih kecil-kecil dahulu. Kalau mengintai bengkok mata. Kemudian kata dia di Tioman hendak diadakan kasino kedua. Ini pun satu perkara yang saya tak pernah dengar juga. Cuma saya nasihatkan, tak baik menyampaikan maklumat-maklumat yang salah, dimurkai Tuhan.

Begitu juga kata dia Mekah tak ada pokok yang tumbuh tetapi orang ramai datang. Dia lupa orang pergi ke Mekah itu sebab ada Kaabah. Kalau tak ada Kaabah di Mekah barangkali orang Islam tak pergi. Kalau Kaabah di Malaysia, kalau Kaabah di Kuala Lumpur, misalnya, ramailah orang Islam ke Kuala Lumpur.

Hujah-hujah seperti ini, Tuan Pengerusi, kalau sekali imbas, mungkin mempercayakan, tetapi kalau orang yang faham, berfikiran macam saya ini, nampak pandangan seperti itu tidak benar, tetapi hanya hendak dikemukakan kerana tidak ada perkara-perkara yang serius hendak dibawa. Walau bagaimanapun, saya berterima kasih di atas usahanya untuk cuba hendak memberi nasihat-nasihat berkenaan dengan kebudayaan. Saya hendak beri sedikit penerangan sahaja.

Memang sebenarnya satu daripada unsur-unsur Kebudayaan Nasional kita ataupun Kebudayaan Kebangsaan kita, tidak boleh bertentangan dengan Islam kerana Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Ini telah diputuskan sejak tahun 1971 lagi sewaktu diadakan Kongres Kebudayaan Kebangsaan. Ini bukan satu perkara baru.

Soat kita hendak menambah wang melalui pelancongan, ini tidak salah. Bukannya kita hendak menjadikan pelancongan itu, dengan izin, foreign exchange earner yang terbesar, tetapi satu foreign exchange earner yang penting, tak mesti nombor satu. Nombor tidak penting. Saya percaya walaupun mendapat tentangan daripada setengah-setengah orang termasuk sahabat saya dari Pengkalan Chepa, insya-Allah, kita akan berjaya juga.

Ada satu lagi perkara saya hendak sebut sebelum saya pergi kepada perkara-perkara lain. Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa kata mungkin Langkawi ini menjadi tempat singgahan sebeium orang pergi ke Thailand. Ini hanya mereka yang mempunyai tujuan seperti itu dapat memikirkan perkara seperti itu. Saya, tiap-tiap kali pergi ke Langkawi tak pernah terfikir hendak pergi ke Thailand. Kalau saya hendak pergi ke Thailand, saya pergi ke Thailand, saya tidak berhenti di Langkawi dahulu. Jadi, inilah yang saya amat hairan. Banyak fikiran-fikiran yang dikeluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa barangkali menggambarkan hajat dan hasrat dia sendiri.

Saya hendak pergi kepada perkara yang lebih serius. Semalam, cakap saya semalam; cakap orang Kedah barangkali kelmarin; cakap standardnya samalah; ertinya, dengan izin, yesterday.

Wakil dari Gopeng telah menimbulkan beberapa perkara yang mana Yang Berhormat dari Gopeng telah menyebut dan beliau telah memetik prinsip Kebudayaan Kebangsaan Kebudayaan Kebangsaan yang berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini. Unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur Kebudayaan Kebangsaan, Islam

menjadi unsur penting di dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan itu.

Tuan Pengerusi, isu-isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Gopeng mengenai Kebudayaan Kebangsaan ini sebenarnya adalah isu-isu lama belaka dan isu-isu ini telah diputuskan di dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan, 1971 dan telah pun diterima oleh sebilangan besar rakyat, kalau tidak seluruhnya.

Masalah yang timbul sekarang ini ialah pemahaman terhadap dasar itu oleh orang ramai. Dua perkara dapat disebutkan di sini, Tuan Pengerusi.

Pertama, masih ada lagi golongan yang tidak mahu memahami Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini walaupun berbagai program yang menerangkan tentang dasar itu telah pun dijalankan. Kepada golongan ini saya ingin merayu ataupun menyeru supaya mereka melibatkan diri dalam usaha ke arah pelaksanaan dan pembinaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan supaya mereka tidak ketinggalan dan tidak tersisih dari kehendak-kehendak rakyat Malaysia. Itu bagi mereka yang tak mahu faham, tak hendak faham. Kepada mereka yang kurang faham tetapi ingin hendak memahami Dasar Kebudayaan Kebangsaan ini, pihak Kementerian akan berusaha, malah sentiasa berusaha, tetapi akan berusaha lebih lagi dalam meneruskan program-program kecelean budaya.

Terhadap isu yang ditimbulkan mengenai siapakah orang yang menentukan unsur-unsur yang boleh diterima sebagai Kebudayaan Kebangsaan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng semalam, saya ingin menjelaskan bahawa kebudayaan sentiasa bersifat dinamik, iaitu dia berubah dari satu tahap ke satu tahap yang lebih sempurna.

Penerimaan unsur-unsur tertentu oleh sebilangan besar rakyat tempatan berasaskan kepada tiga prinsip yang saya sebutkan tadi merupakan proses ke arah menjadikan kebudayaan itu lebih sempurna lagi. Ini saya harap juga sahabat saya dari Pengkalan Chepa ambil ingatan. Ini juga bertetapan dengan situasi penduduk berbilang kaum dan mewarisi berbagai budaya, dalam lain-lain perkataan unsur-unsur budaya Cina, budaya India, budaya Arab, budaya Barat dan lain-lain budaya yang sesuai dan wajar boleh diterima sebagai budaya kebangsaan.

Contohnya kita memberi salam, misalnya apabila kita bertemu sesama kita. Apabila saya sebut memberi salam ini tak semestinya dengan lafaz Assalamualaikum.

Di negeri China dahulu saya difahamkan susah hendak makan nasi, susah hendak dapat makanan. Kalau jumpa sesama mereka: Sudah makankah? Itu ditanya dahulu sebab pada mereka makan itu penting. Itu pun satu salam juga seperti berjabat tangan.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, dia hendak penjelasan.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Boleh.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Yang Berhormat Menteri berkenaan mengatakan cara baik satu daripada kebudayaan ialah Assalamualatku. Tidakkah Assalamualaikum ini ajaran daripada Islam dan ucapan daripada Islam. Kalau kita hendak ambil kebudayaan yang wujud atas bentuk Melayu, apa kita hendak kata. Kita tinggal Assalamualaikum, kita hendak

buktikan kebudayaan Melayu, apa kita hendak kata. Good morningkah, Selamat pagikah?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya sedang memberi contoh tadi, di mana saya memperkatakan bahawa unsur-unsur budaya keturunan lain boleh diterima. Bagi orang Islam diteruskan dengan "Assalamualaikum", tetapi orang Cina yang kafir, masuk neraka, tidak masuk neraka, itu dia punya fasallah. Dia tidak Islam, barangkali dia hendak menyebutkan Assalamualaikum pun payah. Jadi kita tidak menyalahkan mereka jikalau sekiranya bertegur-teguran menggunakan selamat pagikah, selamat tengah harikah, ataupun cara dia "sudah makankah?" Itu pun boleh juga, ertinya, pokoknya di sini hendak menunjukkan bahawa kebudayaan-kebudayaan yang baik itu kita sesama kita itu, memberi salam kepada satu sama lain dengan tujuan bahawa kita mempunyai adab, mempunyai tatatertib sewaktu kita berjumpa dengan kawan-kawan kita. Itu yang saya maksudkan.

Tidak misalannya kita di Malaysia ini seperti berlaku di barat, kalau orang barat barangkali bila dia jumpa, bercium. Orang Eskimo, saya difahamkan, jumpa sahaja dia bertemu hidung. Begitu misalnya. Sama hidung kawan dia, dia bertemu hidung begitu.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Itu bukan cium! Bertemu hidung bukan cium.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Bertemu hidung bukan bercium ini, dia. (*Ketawa*), ada umm.

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya faham.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Ada lebih sedikit dari itu.

Maknanya, Tuan Pengerusi, kita tidak mengamalkan cara-cara seperti itu, kita mengamalkan cara-cara yang biasa kepada kita yang merupakan satu norma kepada kita semua.

Dari segi keterangan di atas Tuan Pengerusi, menunjukkan bahawa prinsip kedua dasar yang saya sebutkan tadi, memang memberi ruang kepada sumbangan unsur-unsur budaya keturunan lain ke arah memperkayakan kebudayaan negara kita, asalkan ia tidak bercanggah dengan ketiga-tiga prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang saya sebutkan tadi.

Dari itu, Tuan Pengerusi, soal authority, soal kuasa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Gopeng semalam, authority manakah yang berhak menentukan, ataupun mentafsirkan tentang unsur-unsur yang sesuai dan wajar tidak timbul sama sekali. Ini kita boleh taham apa yang saya perkatikan ini. Mengenai prinsip yang ketiga iaitu Islam merupakan unsur yang penting.

Dr Ting Chew Peh: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Ya, Yang Berhormat dari Gopeng, ada apa, minta penjelasan?

Dr Ting Chew Peh: Penjelasan. Saya tadi seolah-olah ada dengar Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa Cina kafir, ada tidak? Kalau ada saya kurang setuju, kerana kalau kita lihat orang-orang Cina di Malaysia ini ada ramai yang juga menjadi orang Islam dan juga orang Kristian, dan juga saya rasa dari segi Islam mereka itu tidak dianggap sebagai kafir.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Pengerusi, saya katakan Cina yang kafir, kalau tidak kafir itu okaylah. (*Ketawa*)

Tuan Pengerusi (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Yang kafir maknanya yang tidak Islamlah. Dari segi authority manakah, ini tidak timbul, Tuan Pengerusi. Saya menyebutkan tadi mengenai perkara prinsip ketiga ini, iaitu Islam merupakan unsur yang penting dalam pembentukan dasar Kebudayaan Kebangsaan ini. Ia tidak bermakna bahawa orang lain yang bukan Islam tidak dapat memberi sumbangan dalam Dasar tersebut. Nilai serta ajaran Islam adalah meliputi keseluruhan keperluan berbentuk rohani dan jasmani bagi manusia sejagat dan tidak terhad kepada ibadat semata-mata seperti sembahyang, puasa, menunaikan Fardhu Haji dan sebagainya. Sistem nilai Islam adalah menekankan kesejahteraan dan kebajikan dunia dan akhirat dan adalah untuk bertujuan melahirkan masyarakat yang sejahtera dan mempunyai kualiti hidup yang tinggi yang terangkumi di dalamnya segala struktur dan sistem kehidupan manusia di bidang ekonomi, politik, kemajuan kehidupan dan sosio-budaya amnya. Nilai universal Islam ini juga terdapat dalam nilai-nilai agama dan kepercayaan besar dunia seperti dalam ajaran Kristian, Buddha, Hindu dan sebagainya yang dianuti oleh masyarakat berbagai kaum di negara kita ini selain daripada agama Islam. Jadi dengan mengenali nilai tersebut, maka mereka juga mengamalkan prinsip Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu. Antara nilai-nilai positif, Tuan Pengerusi, seperti yang saya sebutkan tadi ialah juga nilai hidup kekeluargaan, hormat-menghormati antara satu sama lain, nilai bersih, cekap, amanah dan sebagainya.

Jadi, Tuan Pengerusi, pihak Kementerian memang telah dan sedang menjalankan berbagai program

ke arah melibatkan semua kaum dalam pelaksanaan dan pembinaan Kebudayaan Kebangsaan. Antaranya ialah melalui program pendidikan, pembangunan dan penggalakan kebudayaan, pendidikan dan pengembangan kesenian serta urusetia dan perhubungan kebudayaan. Di samping itu pihak Kementerian juga meneruskan program kefahaman ataupun kecelikan budaya untuk memberi kefahaman yang lebih jelas tentang Dasar Kebudayaan Kebangsaan kepada semua peringkat masyarakat supaya ianya dapat dihayati oleh semua pihak.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, pada hari ini tadi, Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam telah menimbulkan beberapa perkara sebelas perkara semuanya. Pertamanya mendapatkan visa. Sahabat saya dari Batu Berendam ini telah berborak, kata dia bercenta dengan sahabat sebelah dia sewaktu dalam kapal terbang. Saya hendak tanya dia, sama ada sahabat itu wanitakah atau lelaki, sebab orang yang berkenaan ini kurang memahami sebenarnya tentang keadaan ini ataupun dia berbohong kepada Yang Berhormat dari Batu Berendam. Kata dia, dia terpaksa pergi ke Washington D.C. untuk mendapatkan visa dan visa itu memakan masa sebutan, baru dapat. Ini tidak betul, Tuan Pengerusi. Sebab dia tidak perlukan visa untuk datang ke Malaysia, visa tidak perlulah bagi rakyat Amerika Syarikat kecuali orang itu tinggal di Amerika tetapi bukan rakyat Amerika barangkali rakyat tempat lain. Rakyat Amerika Syarikat, tidak tidak perlu untuk visa datang ke Malaysia. Visa juga tidak diperlukan untuk rakyat negara-negara Komanwel dan negara-negara yang mempunyai perjanjian penghapusan visa. Tetapi baru-baru ini India, kita kenakan visa. India adalah satu negara Komanwel dan orang dari India dikenakan mendapatkan visa untuk melawat Malaysia.

Kemudian kata dia, dia pergi ke Pejabat TDC di L.A., tetapi tidak dapat maklumat. Ini barangkali ada kebenarannya di sini, sebab tidak semua maklumat-maklumat ataupun brochure terdapat di semua pejabat-pejabat TDC kita di seberang laut oleh sebab peruntukan yang agak kecil. Alhamdulillah, mulai tahun hadapan kita dapat 4 kali ganda dari segi promosi. Saya memberi jaminan dan akuan bahawa semua pejabat-pejabat TDC yang ada sekarang dan juga yang akan kita tubuhkan, kalau disetujui nanti oleh pihak-pihak berkenaan, akan kita penuhkan, isikan, sebanyak-banyaknya dengan maklumat-maklumat. Itu akan kita perbaiki. Saya berterima kasih kepada Wakil dari Batu Berendam di atas pandangan itu.

Tentang kakitangan "check-in" di kaunter di lapangan terbang tidak ada "make-up" dan tidak sopan itu, saya akan ambil ingatan ini dan saya akan kemukakan kepada pihak Kementerian yang berkenaan.

Berkenaan dengan kad pendaratan yang agak tidak muat namanya hendak ditulis tadi, ini barangkali betul bagi mereka yang namanya panjang.

Walau bagaimanapun. Tuan Pengerusi, biasanya boleh jugalah mereka ini sebenarnya pakai initial sahaja, cuma tulis nama, dengan izin, surname sahaja. Walau bagaimanapun, kita beri akuan bahawa kita sedang mengkaji kad ini. Kad ini sedang dikaji semula supaya ianya lebih baik lagi. Terima kasih sekali lagi kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam.

Tentang tambang MAS lebih mahal daripada tambang-tambang yang dikenakan oleh syarikat penerbangan lain, ini pun saya menyedari juga atas perkara ini. Saya sendiri tidak puas hati tetapi saya tidak dapat menjawab, oleh sebab ia terletak di bawah

Kementerian lain. Insya Allah kita akan kemukakan juga kepada Kementerian yang berkenaan.

Tentang hotel terpaksa mendapatkan 63 lesen. Yang sebenarnya memang betul 63 lesen yang diperlukan untuk sesebuah hotel itu. Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan juga sedang meneliti akan perkara ini supaya kalau dapat dikurangkan sedikit supaya tidak terlalu banyak tugas-tugas atau kerja-kerja yang terpaksa dibuat oleh orang-orang hotel ini waktu menjalankan perusahaan perhotelan mereka. Insya Allah kita akan teliti perkara ini dan Kementerian-kementerian berkenaan akan kita hubungi supaya memberi kerjasama mereka terhadap perkara ini.

Tentang bayaran sewa hotel mahal, ini pun telah beberapa kali dibangkitkan supaya dapat diperbaiki tetapi sekarang ini saya difahamkan bahawa sewa hotel kita sudah agak murah sedikit berbanding dengan setahun yang lalu, cuma yang saya masih tidak puas hati ialah harga makanan dan minuman, kadangkala agak mahal sedikit.

Yang Berhormat dari Batu Berendam juga telah mencadangkan supaya Kerajaan memberi bantuan-bantuan tertentu supaya sewa hotel dapat dimurahkan.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, Kerajaan sentiasa memberi kelonggaran-kelonggaran tertentu khususnya memberi pinjaman yang khas di bawah New Investment Fund (NIF) yang mana mereka boleh meminjam untuk industri pelancongan termasuk pembinaan hotel dan sebagainya dengan mendapatkan pinjaman di atas kadar yang lebih murah daripada current rate, dengan izin.

Memang betul apa yang diperkatakan tadi bahawa dari segi pembangunan kita hanya dapat diperuntukkan sebanyak \$900,000 dan kita memang bersetuju sangatlah kalau diperbanyakkan lagi peruntukan ini. Sebenarnya itulah cita-cita tiap-tiap Kementerian, lagi banyak lagi baik.

Yang Berhormat dari Batu Berendam juga telah mencadangkan supaya kita membuat filem-filem berkenaan dengan negara kita.

Yang sebenarnya bolehlah saya katakan di sini bahawa kita memang sentiasa berhajat sangat hendak membuat satu dua Filem berkenaan dengan Malaysia, malah sekarang ini kita sedang berbincang dengan seorang producer Hollywood yang mungkin membuat cerita-cerita berkenaan dengan Malaysia. Insya Allah kalau sekiranya ini berjaya, barangkali kalau sekarang ini ada Hawaii Five 0 barangkali nanti ada "Malaysia Six O'ke, "Malaysia Seven O'ke atau Malaysia apa-apa sahajalah yang sesuai akan kita namakan supaya negara kita ini lebih dikenali oleh mereka sewaktu menonton cerita-cerita di TV.

Pengeluaran poskad-poskad yang tidak berapa menggambarkan keadaan negara, ini juga sebenarnya memang kita bersetuju kadangkala dia tunjukkan gambar di kad itu, barangkali menunjukkan satu kaum sahaja, orang yang bercawat, ada coreng-coreng muka dan sebagainya. Itu seolah-olah menggambarkan Malaysia. Sepatutnya diberi keterangan lebih lanjut lagi dalam poskad itu mengatakan misalnya, katakanlah sebagai contoh, dengan izin. Tuan Pengerusi, misalannya, ini orang apa di situ, digambarkan dan tidak menunjukkan semua orang Malaysia macam itu dan kadangkala orang itupun tidak semestinya pakai harian semacam itu, cuma sewaktu ceremony sahaja mereka pakai macam itu. Kita akan juga berbincang dengan

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk mengawasi perkara ini.

Yang Berhormat dari Batu Berendam juga mencadangkan supaya dianjurkan seminar antarabangsa bagi memperkenalkan Malaysia.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, memang ada di bawah hospitality bank program. Kita menjemput penulis-penulis, menjemput pihak akhbar datang ke Malaysia yang kita bayar tambangnya, bayar sewa hotel dan sebagainya untuk menulis tentang negara kita. Hingga setakat ini banyak yang telah datang. Saya difahamkan bahawa tahun lepas kira-kira 600 orang telah datang dan banyak perkara-perkara yang telah ditulis oleh mereka yang memuaskan hati kita. Dalam pada itu, Tuan Pengerusi, kita tidak boleh memastikan ada juga satu dua orang yang terlepas menulis perkara-perkara yang tidak begitu betul. Malah bukan orang luar sahaja menulis perkara yang tidak betul berkenaan dengan Malaysia. orang Malaysia sendiri pun kadangkala ada menulis perkara yang tidak betul tentang Malaysia.

Kita tengok contoh yang saya hendak sebutkan, kalau tidak silap saya dalam Asiaweek baru-baru ini ada menyiarkan satu article berkenaan dengan Malaysia yang tidak betul termasuklah misalnya seperti disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang tentang makalah di dalam Asia Wall Street Journal. Asia Wall Street Journal, sebenarnya journal ini selalu sangat menulis perkara-perkara yang tidak betul tentang Malaysia tetapi kita tidak mengambil tindakan-tindakan tertentu. Jangan katakan tulis ejaan Malaysia tidak betul, fact pun kadangkala tidak betul. Jadi, kita haraplah orang kita sendiri harus mengawasi perkara ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengemiskan Jawatankuasa*)

Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah mencadangkan supaya kita membuat tarikan melalui Kedutaan dan TDC pegawainya tidak bekerja kuat katanya.

Saya rasa ini betul dan juga tidak betul. Ada pegawai kerja kuat, ada pegawai tidak bekerja kuat, ada Wakil Rakyat datang ke Parlimen, ada Wakil Rakyat tidak datang ke Parlimen. Sekarang ini kita tahu berapa orang sahaja yang ada dalam Dewan. yang lain keluar. Itu ada belaka dalam dunia ini. Ada yang jujur, ada yang kurang jujur sedikit. Jadi, kalau sekiranya ada pegawai-pegawai TDC yang tidak jujur, sila beritahu saya, tindakan yang sewajarnya akan diambil terhadap mereka ini, kalau perlu, ia akan dipanggil balik, supaya diganti dengan orang lain yang lebih baik.

Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa orang Amerika terperanjat tidak tahu di mana Malaysia. Ini kadang-kadang ya juga, tetapi bukan semua orang Amerika tidak tahu Malaysia, banyak juga orang Amerika tahu tentang Malaysia sebenarnya, dan ada orang Amerika yang datang kemari berkali-kali. Barangkali daripada 240 juta itu adalah yang tidak tahu di mana Malaysia. Malah bukan itu sahaja, Tuan Pengerusi, sebenarnya ada orang Amerika menganggap Malaysia ini satu penyakit, katanya Malaysia itu seperti malaria tetapi bukanlah tujuan kita untuk mengajar mereka ini dari segi ilmu kesihatan ataupun ilmu alam. Insya Allah kita akan berusaha dengan lebih lanjut lagi untuk memperkenalkan negara kita ini terhadap orang-orang dari Amerika termasuk melalui penuntut-penuntut kita, Kedutaan-kedutaan kita dan insya Allah pada tahun 1990 kita akan mengadakan satu tahun yang dipanggil "Visit Malaysia Year". Waktu kita mengadakan "Visit Malaysia Year

1290" ini kita akan gunakan penuntut-penuntut kita di Amerika, penuntut-penuntut kita di tempat-tempat lain untuk menolong kita memperkenalkan negara kita.

Ahli Yang Berhormat juga mengatakan bahawa orang-orang Australia tidak tahu di mana Malaysia — biarlah, yang tidak tahu itu tidak apalah. Saya pun rasa pelik juga. Sebenarnya kalau dia tahu Singapura — orang Australia dia tahu Singapura tetapi tidak tahu Malaysia, barangkali itu exceptional, dengan izin. Biasanya orang Australia tahu di mana Malaysia tetapi orang Amerika, saya bersetuju banyak yang tidak tahu di mana Malaysia. Walau bagaimanapun, kita akan cuba lagi memperkenalkan negara kita di Australia. Dia tanya, selamatkah datang ke Malaysia, banyak perogol. Kalau perogol banyak di Malaysia, di Australia lagi banyak perogol. Saya hampir-hampir kena rogol dahulu. (*Ketawa*)

Risalah-risalah yang lama, barangkali ini gambar orang teanjang bulat, katanya. Ini sebenarnya bukan soal lama ataupun telanjang bulat. Barangkali yang telanjang bulat ini memang sebahagian daripada penduduk Malaysia yang bertelanjang begitu ataupun memang tak pakai baju. Barangkali budak-budak telanjang bulat itu tak dapat kita hendak buatlah. Orang Amerika pun kalau musim panas, telanjang juga. Ini barangkali yang tak pakai baju, mungkin orang Sarawak sengaja pakai begitu, itupun bukan semua orang Sarawak. Orang Sarawak dalam Dewan Rakyat ini semua pakai coat.

Cerita buat wau banyak sangat. Ini kita akan beritahu pihak yang berkenaan jangan cerita banyak sangat tentang wau ini.

Risalah-risalah dalam kapal terbang lain. Ini tak mungkin kita letakkan risalah-risalah fasal Malaysia dalam

kapal terbang-kapal terbang lain. Kalau boleh barangkali dalam kapal terbang Singapura ataupun Thai International yang terbang daripada Kuala Lumpur ke Bangkok ataupun Kuala Lumpur ke Singapura sebab kita ada joint-operation. Kapal terbang lain saya rasa sukar.

Hadiah-hadiah dompet kecil, insya Allah, kita akan usahakan perkara ini, kita akan berunding dengan pihak MAS, pihak yang berkenaan.

Tentang kebudayaan betul-betul kebudayaan Malaysia, itu memang tujuan kita. Memang kita hendak perkenalkan kebudayaan Malaysia, memang kebudayaan tulin kita.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah memberi 8 pandangan. Yang pertamanya, beliau telah menyebut tentang satu Pelan Induk Nasional. Sebenarnya kita dengan kerjasama pihak JICA sedang menyediakan pelan induk ini dan kita jangka akan dapat siap kira-kira bulan Ogos, 1988. Apabila siap nanti bolehlah kita bincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan. Kalau sekiranya Yang Berhormat dari Bukit Bintang hendak berbincang bolehlah, tetapi berbincang dengan DAP tak boleh. Yang Berhormat dari Bukit Bintang seorang sahaja boleh dari DAP.

Beliau juga memberi pandangan supaya membuat filem dan memanggil penulis-penulis menulis filem tentang Malaysia. Insya Allah, kita akan teliti perkara ini. Beliau mengatakan supaya jangan memasarkan Kuala Lumpur sebagai pusat persidangan antarabangsa sahaja. Yang sebenarnya memang itu bukan tujuan kita. Kita hendak memasarkan Malaysia ini sebagai tempat pelancongan, maka itu kita adakan Malaysia Fest '87 baru-baru ini.

Tentang pusat kebudayaan, sememangnya kita sedang berusaha tetapi kita ada Kompleks Budaya Negara, di situ berjalannya banyak aktiviti-aktiviti kebudayaan dan juga sekarang ini kita sedang usaha mengubahsuai Dewan Tunku Abdul Rahman di Jalan Ampang supaya dijadikan pusat kebudayaan. Insya Allah, selain daripada pusat kebudayaan juga akan diadakan banyak lagi penerangan-penerangan lain berkenaan dengan pelancongan di pusat itu nanti, termasuk di antara lain. misalannya kaunter penempahan hotel hendak buat juga di situ, kaunter penempahan tiket kapal terbang, balai pameran seni dan kebudayaan, balai pameran kraftangan, pusat jualan kraftangan, kawasan untuk permainan tradisional, sebuah dewan masyarakat kecil, sebuah panggung budaya terbuka dan beberapa perkara yang lain.

Berkeanaan dengan kemasukan pelancong-pelancong yang sekarang ini, mengikut Yang Berhormat dari Bukit Bintang, tidak dapat diteliti dengan segera. Insya Allah, mulai 1hb Januari, pihak Imigresen yang telah dibekalkan dengan satu komputer yang agak baik akan dapat mengesan ketibaan pelancong-pelancong hari demi hari mulai 1hb Januari, 1988.

Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga meminta kita jangan keluar daripada Pertubuhan Pelancongan Sedunia. Sebenarnya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, kita sudah bersetuju masuk semula. Memang kita cuba hendak berhenti sekejap, tetapi kita fikir kita masuk kembalilah sebab sekarang ini Pengerusmya terdiri daripada wakil dari Indonesia.

Beliau juga mengharapkan supaya pejabat-pejabat seberang laut kita lebih agresif lagi, saya pun bersetuju supaya kita juga melancong dalam negeri. Sebenarnya ini satu daripada

dasar Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri.

Tuan Pengerusi, Ahii Yang Berhormat dari Shah Alam mengemukakan beberapa perkara. Satu daripadanya supaya dtadakan mini muzium di lapangan terbang. Sebenarnya, memang ada mini muzium di lapangan terbang sekarang ini, tetapi apabila lapangan terbang yang ada sekarang ini diperbaiki ataupun diubahsuai sedikit, muzium itu telah dibongkar. Insya Allah, kita akan wujudkan semula nanti muzium mini di Balai Menunggu sebelum masuk ke pesawat-pesawat untuk menjalankan perjalanan mereka.

Yang Berhormat dari Shah Alam juga mengatakan orang suka ke Amerika kerana hendak tengok Disneyland. Sebenarnya, bukan Disneyland sahaja orang tengok di Amerika itu. ada orang pergi Amerika tak tengok Disneyland langsung. Di sini kalau kita hendak buat Disneyland, barangkali agak sukar memandangkan bahawa penduduk kita tidak ramai dan kalau kita hendak buat pun harus kita fikir baik-baik dahulu sama ada ianya viable ataupun tidak viable.

Berkeanaan dengan panggung negara, mengapa kita tak dirikan panggung negara. Sebenarnya. keadaan ekonomi tidak mengizinkan. Walau bagaimanapun, sebagai "temporary measure". dengan izin, seperti saya katakan tadi, kita akan mengubahsuai Dewan Tunku Abdul Rahman dan kita berharap ianya boleh menjadi sebagai tempat sementara mengadakan pertunjukan kesenian kita.

Cerita filem ataupun dokumentasi yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam tadi tentang Taman Negara dan sebagainya. Sebenarnya, Taman

Negara ini juga satu perkara yang ada kaitannya dengan pelancongan. tetapi bukan terletak di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, ianya terletak di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Kalau kita hendak buat cerita dokumentasi yang baik-baik untuk diperkenalkan kepada orang luar, ini satu cadangan baik dan kita akan teliti kemungkinan membuat filem-filem dokumentasi mengenai beberapa perkara, khususnya berkaitan dengan kebudayaan kita ataupun tempat-tempat yang menarik di dalam negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus mencadangkan supaya kita buat baik, sentiasa senyum selalu supaya orang datang ke negara kita. Beliau pergi ke negara Syam 3-4 kali, sebab orang negara Syam baik. Saya rasa itu fasalnya dijadikan Menteri pun orang baik juga. Haraplah dengan adanya orang-orang Malaysia yang baik-baik di sini, kita pun lebih berupaya menarik orang ramai ke negara kita. Sebenarnya, memang ada beberapa usaha sedang diambil untuk menunjukkan bahawa orang Malaysia ini mempunyai perangai yang baik. Kempen teksi misalnya, "Kempen Senyum" pernah kita buat, harus peramah, tetapi kadangkala dalam kapal terbang ini susah hendak berborak oleh sebab bahasa.

Saya hendak mengambil peluang di sini bercerita tentang dua orang yang naik keretapi hala ke Ipoh. Sampal ke Batu Gajah seorang daripadanya bertanya kepada kawan dia, katanya, "ssstessyen apa ini", dia tanya dengan cara gagap. Orang sebelah dia itu tak jawab hinggalah mereka sampai ke stesen satu lagi. Kemudian dia tanya juga dengan cara gagap, orang itu tak jawab juga. Dia berupaya jumpa orang lain mengatakan kepada sahabat dia yang ketiga, kata dia orang sebelah ini sombong sangat, tak pernah jawab dia. Orang yang ketiga pun pergi kepada

orang kedua yang tak jawab tadi. Orang kedua pun jawab, "nnnnnak cari mampus", kata dia. Rupanya dia gagap juga (*Keiawa*). Itu fasal dia tak bercakap, takut kalau dia jawab nanti orang kata dia mengajuk kepada kawan seorang itu, dia terus tak bercerita.

Ahli Yang Berhormat dari Maran mengharapkan supaya di dalam membentuk tempat-tempat pelancongan dalam negen supaya orang-orang tempatan terlibat sama. Sebenarnya. Tuan Pengerusi, memang inilah tujuan kita. Selain daripada mereka terlibat dengan pekerjaan jika sekiranya tempat itu dimajukan oleh syarikat besar kita juga menggalakkan supaya orang tempatan membuat tempat-tempat penginapan bagi pelancong-pelancong datang ke tempat yang hendak dilawati atau tempat mereka melancong.

Mengenal perkara ini kita sedang berunding dengan pihak MARA supaya memberi pinjaman yang sepatutnya untuk membuat chalet-chalet dengan kadar harga \$6,000 hingga \$8,000 yang akan disewa oleh orang tempatan berkenaan kepada pelancong-pelancong dan pinjaman daripada MARA ini akan diberi dengan kadar faedah yang rendah dan juga tidak dikenakan jaminan. Insya Allah, perkara ini akan dibuat. Satu pilot projectnya di Pulau Tioman tidak lama lagi sedang dikaji.

Yang Berhormat dari Maran juga mencadangkan supaya jangan ditunjukkan semua kebudayaan kita di Kuala Lumpur kepada pelancong-pelancong yang datang ke Kuala Lumpur. Sebenarnya memang itu tujuan kita. Maka di waktu kita mengadakan "Malaysia Fest" baru-baru ini kita telah menjemput semua negeri-negeri dengan kebudayaan masing-masing seperti dari Terengganu, dari Pahang, dari Kelantan dan sebagainya, kita tunjuk

sedikit sahaja supaya mereka yang hendak mengetahui lebih banyak lagi tentang, kalau kesenian misalnya, harus pergi ke tempat berkenaan. Perak telah menunjukkan tarian Dabus, misalnya, secara sedikit-sedikit sahaja. Tetapi kalau pergi ke Perak dia tunjuk betul cara tarian Dabus dengan menyucuk tangan betul-betul, sampai berdarah. Kemudian jampi. hilang habis. Dia boleh jampi, dia boleh hilangkan luka itu.

Itulah, Tuan Pengerusi, yang dapat saya sebut berkenaan dengan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh sahabat-sahabat saya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berkenaan dengan peruntukan kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah menunjukkan minat. Saya berharap selepas menunjukkan minat di dalam Dewan ini mereka juga dapat memberi sokongan dan bantuan bagi kita memajukan lagi Kementerian ini. Insya Allah, dengan bantuan mereka kita menjadikan ianya bukan sahaja satu Kementerian yang menitikberatkan tentang kebudayaan supaya menjadikan masyarakat negara ini lebih matang lagi, satu masyarakat yang lebih berbudaya serta masyarakat yang aman dan baik, tetapi dari segi kewangannya mendapat lebih banyak wang tukaran asing melalui pelancongan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$132,012,290 untuk Maksud B.21, \$3,329,800 untuk Maksud B.22, \$6,623,900 untuk Maksud B.23 dan \$5,545,000 untuk Maksud B.24 di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$132,012,290 untuk Maksud B.21, \$3,329,800 untuk Maksud B.22, \$6,623,900 untuk Maksud B.23 dan \$5,545,000 untuk Maksud B.24 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$900,000 yang disebutkan dalam Maksud P.21 dan \$4,270,000 untuk Maksud P.24 dalam Anggaran Pembangunan, 1988 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$900,000 untuk Maksud P.21 dan \$4,270,000 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1988.

Maksud B.25 (Jaduai)—

Maksud P.25 (Anggaran Pembangunan 1988)—

Tuan Pengerusi; Kepala Bekalan B.25 dan Kepala Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Pertahanan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Kok Lanas.

5.34 ptg.

Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas): Tuan Pengerusi. saya suka bercakap sedikit berkenaan dengan B.25 dan P.25—Kementerian Pertahanan tentang Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit dan Institut Kementah dan juga 1.1.21 Bahagian Perkhidmatan Anggota dan 1.1.22 Bahagian Pengambilan Anggota.

Saya sedar Kerajaan sedang memberi, baik perajurit yang sedang berkhidmat atau yang sudah bersara, satu layanan yang sebaik mungkin

berdasarkan kepada kemampuan Perbendaharaan Negara. Namun begitu, saya amat berharap kemudahan-kemudahan perkhidmatan dan persaraan dapat dipertingkatkan lagi apabila negara kita mampu dan tatkala ekonomi kita pulih seperti sedia kala. Juga layanan yang sama bagi pihak Polis, ahli-ahli Pasukan Keselamatan yang lain, pegawai-pegawai Kerajaan serta kakitangan Kerajaan. Pembangunan yang lebih menyeluruh, lebih hebat lagi bagi rakyat di luar bandar, di kampung-kampung baru dan rayat yang kurang berada dalam bandar.

Perajurit, Polis, Pegawai Kerajaan serta rakyat apabila mereka puas hati dengan Kerajaan dan mereka pada umumnya menyokong Kerajaan, mereka akan terus menyokong bahkan akan meningkatkan lagi sokongan mereka terhadap Kerajaan dan kecintaan mereka atau patriotism mereka akan bertambah.

Tuan Pengerusi, apa yang amat penting lagi ialah layanan yang menarik semasa dalam dan selepas persaraan dari Government Service, dengan izin, atau Perkhidmatan Kerajaan baik Tentera, Polis atau Civil Servants, dengan izin, akan menggalakkan pemuda-pemudi kita dan membuat mereka terutamanya yang berpotensi, dengan izin, atau yang berkebolehan dari segi kepimpinan; mereka yang berkaliber akan lebih berminat lagi untuk menyertai Angkatan Bersenjata Negara, baik Tentera Udara, Laut, Komando ataupun Tentera Darat.

Tuan Pengerusi, di bawah 1.1.25 Perkhidmatan Logistik, muka surat 490, kita harus memperbaiki lagi Perkhidmatan Logistik Angkatan Bersenjata kita dengan peralatan-peralatan dan pembekalan-pembekalan yang termoden dan sophisticated sesuai dengan tuntutan

zaman. Kita juga harus memperluaskan dan mempertingkatkan Penasihat-penasihat Atase Tentera kita di seberang laut, terutamanya di negara-negara ASEAN. Sekarang kita mempunyai 17 Pejabat Penasihat Tentera di seberang laut.

Saya suka mencadangkan agar kita juga memikirkan keperluannya untuk mengadakan Penasihat-penasihat Tentera di Cairo, di Riyad, di Fiji, di Teheran dan di Baghdad. Saya sungguh harian kenapa kita tidak ada Penasihat Tentera di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam. Saya fikir seorang Penasihat Tentera di Pesuruhannya Tinggi kita di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam amat berguna bagi kita dan bagi persefahaman yang erat di antara kedua negara beraja ini.

Dalam 1.1.19 muka surat 485 saya menggesa walaupun ia belum berbuat lagi, tetapi saya yakin dia sudah pun berbuat demikian dan terus cuba lagi hingga berjaya. Sekarang juga kepada Panglima Angkatan Tentera menyakinkan kepada Menteri Pertahanan dan Menteri Pertahanan kepada Jemaah Menteri dan Perdana Menteri kepada rakyat tentang amat perlunya, bagi keselamatan dan kesejahteraan negara dan bangsa kita di masa depan, kebolehan, kecekapan Angkatan Bersenjata kita diperkuat dan dipergagahkan lagi, dengan izin, it is in our absolute interest to have a strong defence capability kerana tanpa capability yang kuat kita seolah-olah menjemput musuh mencerooboh negara kita. Dengan izin, apa yang saya maksud ialah a weak Malaysia invites aggression and increases the danger of war. Kita harus ada, dengan izin, an excellent fighting Force. Saya yakin kita sudah ada, tetapi kita harus membuat fighting force kita ini par excellent.

Tuan Pengerusi, kita harus kerana saya yakin ada negara-negara di dalam dunia ini yang tidak suka kepada kita

dan mereka mempunyai niat yang tidak baik. Maka amatlah penting bagi kita, bahkan wajib bagi negara kita mempertingkatkan lagi dengan izin, defence dan fighting capability kita bagi mempertahankan negara tercinta ini, bukan untuk mencero boh siapa-siapa, dan jika perlu bagi melaksanakan dasar-dasar kita, dengan izin, kita mesti possess military strength for our defence and to support, if necessary, all our major policy decisions.

Tuan Pengerusi, adalah amat tidak wajar, tidak arif, tidak bijak kalau kita tidak peka atau kita lupa bahawa keamanan, dengan izin, atau peace atau detente, ada hadnya, ada limitnya yang keamanan atau detente boleh capai. Juga amat penting sekali kita mengenali musuh-musuh kita dan cara-cara bagi menentang mereka dan melumpuhkan mereka sebelum musuh-musuh itu menghapuskan kita. Saya amat sukacita melihat adanya kerjasama yang erat antara Angkatan Bersenjata kita dengan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI), Angkatan Bersenjata Singapura dan bala Tentera Thailand. Saya ingin melihat kerjasama yang serupa dengan Angkatan Tentera Di-Raja Brunei dan Republik Filipina. Bukan sahaja dikekalkan apa yang wujud sekarang, bahkan dipertingkatkan lagi dalam konteks keperluan berbuat demikian.

Tuan Pengerusi, dengan adanya defence capability yang kuat, ekonomi yang berkembang, harmoni, perpaduan dan solidariti yang padu dan bulat di kalangan rakyat Malaysia negara kita ini akan maju, akan makmur dan akan menjadi sebuah negara yang gagah,

Tuan Pengerusi, dengan izin, there is nothing our enemies would respect tidak satu pun yang lebih dari kegagahan kita yang musuh kita amat takuti dan hormati.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Besut.

4.03 ptg.

Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk menyentuh P.25 di bawah tajuk III, Tentera Udara, muka surat 118, Butiran 00500 Pembinaan yang diminta peruntukan secara langsung sebanyak \$54,224,000.

Tuan Pengerusi, saya mula menjadi ahli backbencher dan di dalam ucapan 1974 dan saya duduk di Blok F sebagai ahli backbencher dan di dalam ucapan sulung saya, saya telah memperkenalkan satu tempat yang bernama Lapanganterbang Gong Kedak. Pada masa itu tidak ramai pegawai-pegawai di Kementerian Pertahanan yang mengetahui adanya sebuah landasan terbang yang baik yang telah dibina oleh kuasa asing secara rahsia dan tertutup di dalam semak samun. Saya telah mengingatkan bahawa landasan itu mungkin dapat dipergunakan oleh Tentera Udara Di-Raja kita sekarang kerana pada masa itu oleh sebab keadaan suasana pergolakan politik dan peperangan di Asia Tenggara telah berkurangan, kuasa-kuasa asing yang berkenaan yang telah membelanja berjuta-juta ringgit membina landasan terbang atau Lapanganterbang Gong Kedak itu telah meninggalkan landasan itu.

Tuan Pengerusi, selepas itu, Kerajaan lelah membuat penyelidikan dan telah membuat keputusan untuk memhangun semula Lapanganterbang Gong Kedak itu sebagai pengkalan latihan Tentera Udara Di-Raja. Saya difahamkan lebihkurang 30,000 keluarga anggota TUDM akan ditempatkan di sekitar kawasan Gong Kedak. Langkah segera telah diambil oleh pihak Kerajaan. Kawasan-kawasan di sekitar lapangan terbang itu

yang termasuk di dalam dua daerah iaitu satu daerah di negeri Kelantan, Pasir Puteh dan daerah Besut dalam negeri Terengganu telah dibekukan, Kampung-kampung telah dipindahkan satu kawasan industri di sekitarnya telah dibekukan dan sebuah bukit berhampiran dengan lapangan terbang itu juga telah dibekukan. Saya difahamkan Kerajaan telah membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membayar pampasan mengambil balik tanah kepunyaan orang ramai di sekitar kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, Kementerian-kementerian lain dan agensi-agensi lain serta pihak awam dan swasta juga telah memainkan peranan mengikuti perkembangan itu. Saya difahamkan alignment Lebuh raya Timur-Barat yang menyambung Pulau Pinang dan kawasan utara Semenanjung Malaysia dengan negeri Kelantan dan sekarang ini berakhir di Bukit Yong yang juga menuju ke kawasan Gong Kedah itu, Dan alignment Lebuh raya itu juga sekarang ini bersambung dengan Lebuh raya Gua Musang, Kuala Lipis dan terus ke Kuala Lumpur. Orang-orang awam menyahut seruan pertama sekali Dasar Ekonomi Baru, orang-orang bumiputera yang belum berniaga telah berhasrat untuk memulakan perniagaan. Ada yang meminta bukit untuk dijadikan kawasan quarry batu untuk menyediakan bagi keperluan pembinaan ataupun pemulihan lapangan terbang itu. Ada yang mengambil tanah untuk pembinaan rumah-rumah kediaman, rumah-rumah kedai, ada yang meminta lesen menjual pasir dan mengorek pasir dari tebing-tebing sungai. Boleh dikatakan harapan begitu cerah pada masa itu bagi dua daerah yang bersempadan di negeri Kelantan dan Terengganu itu. Tetapi dukacita, beberapa tahun kemudian entah apa sebabnya projek itu telah terhenti. Sama ada ianya dihentikan atau ditangguhkan, saya tidak pasti, tetapi keadaannya pada

masa ini dalam kedudukan yang tergantung.

Satu kawasan industri yang bernama Kawasan Industri Beris Pak Abu yang disediakan oleh Kerajaan negeri Terengganu sekarang ini terbengkalai, ditumbuhi oleh semak-samun dan hutan rimba. Satu perkampungan yang sepatutnya dipindah kerana tanahmilik mereka telah diambil balik oleh Kerajaan, sekarang ini terbengkalai. Sebuah masjid telah hampir roboh walaupun masih ada penghuni-penghuni yang menggunakannya. Dan begitulah keadaannya, ahli-ahli perniagaan yang cuba membeli tanah untuk membina bangunan-bangunan perumahan, sekarang ini terhutang dengan bank. Peniaga-peniaga, pengusaha-pengusaha yang cuba hendak memulakan perniagaan di dalam berbagai-bagai perusahaan termasuk bekalan pasir, batu dan sebagainya juga sekarang ini terhutang dengan bank dan mereka tidak tahu bagaimanakah masa hadapan yang sebenarnya.

Saya pohon izin, Tuan Pengerusi, untuk bertanya secara rasmi di Dewan ini dan sekiranya pihak Kementerian tidak dapat memberi penjelasan secara butir-butir terperinci, saya bersedia untuk menerimanya secara jawapan bertulis. Satu daripadanya yang pertama soalan:

- (1) Berapa banyakkah peruntukan asal yang telah dicadangkan oleh Kerajaan untuk membangun semula Gong Kedah itu?
- (2) Berapa banyakkah perbelanjaan yang telah digunakan untuk membayar pampasan bagi pengambilan balik tanah-tanah kepunyaan orang ramai khusus untuk tujuan tersebut dan juga untuk perbelanjaan kerja-kerja lain yang bersangkutan dengannya.

- (3) Bagaimanakah kedudukan sebenar projek Gong Kedak pada masa ini; sama ada ianya dibatalkan terus atau ditangguhkan buat sementara.
- (4) Apa akan jadi kepada tanah kepunyaan orang kampung yang telah diambil balik itu yang sekarang ini mula semula dirintah secara haram oleh penduduk-penduduk yang berkenaan yang berdekatan.
- (5) Apa akan jadi kepada kawasan sekitar yang dibekukan termasuklah sebagaimana yang saya sebutkan tadi sebuah bukit bernama Bukit Putri, satu kawasan industri iaitu Industri Berus Pak Abu, dan lain-lain kawasan yang berdekatan dengannya.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga mengambil peluang mencadangkan supaya pihak Kerajaan khususnya Kementerian Pertahanan mempertimbangkan semula projek ini kerana sebab yang pertama, belanja telah banyak digunakan, dan yang kedua kerana ramai orang yang pada masa ini merana dengan sebab pembatalan atau pembekuan projek tersebut. Yang ketiga kerana pembatalan projek tersebut telah menimbulkan anggapan yang tidak sihat di kalangan orang ramai. Ada rata-rata rakyat di negeri Terengganu dan Kelantan yang berminat terhadap projek itu, yang mengharapkan projek itu boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi, kegiatan ekonomi di sekitar kawasan tersebut, merasai bahawa pembatalan projek itu ada kaitan dengan politik. Saya sendiri tidak percaya demikian, tetapi saya sukalah mengambil peluang ini untuk mencadangkan supaya projek itu dikaji semula. Alasan yang keempat yang saya boleh beri, saya percaya pihak TUDM pada masa ini memerlukan suatu tempat latihan yang sesuai yang mempunyai peralatan yang lengkap

khusus untuk melatih anggota-anggotanya.

Tuan Pengerusi, akhir sekali oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya suka menggulung dan mencadangkan sekali lagi kepada pihak Kerajaan supaya hendaklah setiap masa memberi perhatian yang lebih kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan termasuk anggota-anggota tentera. Anggota tentera daripada setinggi-tinggi pangkat sampai ke serendah-rendahnya sepatutnya diberi layanan yang baik dan kalau boleh lebih baik daripada kumputan rakyat yang lain di negara kita ini. Janganlah kita biarkan anggota-anggota tentera terutama sekali yang berpangkat rendah dan berpendapatan kecil tinggal di negara kita ini sebagai menumpang sahaja di negara mereka sendiri yang mana mereka pula ditugaskan untuk mempertahankannya.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

5.54 ptg.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad (Pengkalan Chepa); Tuan Pengerusi, saya bangun sekali lagi untuk membangkitkan satu perkara baru dalam Kepala B.25, Butiran 020000 Perkhidmatan Tentera, muka surat 117.

Tuan Pengerusi, saya mengalulkan langkah memajukan Perkhidmatan Tentera dengan memberikan perhatian kepada aspek keislaman. Seorang yang berkelulusan Universiti AI-Azhar telah dilantik untuk menjadi seorang pegawai tentera berpangkat Kolonel. Lantikan ini tentulah untuk memberikan penekanan kepada tentera betapa mereka tidak boleh memisahkan diri dengan Islam. Saya berharap

mengadakan seorang Kolonel berkelulusan tinggi Islam tidaklah sekadar untuk menjadikannya sebagai penasihat mengenai agama dan mengenai Islam, tetapi ialah untuk memastikan bahawa sesuatu yang bertentangan dengan Islam hendaklah dihindarkan dan dicegah.

Tradisi tentera yang mendapat latihan di Maktab Sandhurst di England serta pengambilan pengalaman tentera-tentera Eropah tentunya banyak mengikut kehendak asing. Dari segi latihan, suaikenal dan gaya serta pembawaan hendaklah dirubah dan hendaklah disederhanakan mengikut kemahuan Islam. Langkah meletakkan orang berkelulusan agama bagi menjadikan pegawai tentera tidak sekadar untuk Tentera Darat tetapi hendaklah juga ada di dalam TUDM dan TLDM. Ia janganlah sekadar seorang pegawai sahaja dalam satu angkatan yang kerjanya untuk menasihati tentang hal ehwal agama, tetapi biarlah mereka menjadi tentera profesional, bilangannya hendaklah ditambah. Peluang hendaklah diberi kepada mereka untuk memegang berbagai-bagai kedudukan dalam tentera, hatta berjawatan paling atas sekiranya mereka berkecayaan.

Bagaimanapun, saya ingin mengingatkan bahawa satu dari cara meningkatkan mutu tentera selain dari latihan ketenteraan dan akademik yang baik serta ketekunan dan dedikasi tentera itu, pengetahuan dan semangat beragama yang ada pada tiap-tiap orang boleh menjadikan ia bertambah perkasa. Saya percaya tentera-tentera di kebanyakan negara di dunia tidak mempunyai strategi dan kecekapan tentera yang tidak banyak berbeza disebabkan oleh kemajuan dunia dan teknologi. Masing-masing boleh saling tiru-meniru dan ilmu ketenteraan juga untuk mengambil style orang lain. Tetapi yang jelas semangat Islam tidak ada tentera lain kecuali negara yang

meletakkan Islam sebagai ideologi, Islam itu dinamis dan maju. Ia boleh menjadi satu rahsia yang khusus untuk tentera.

Justeru itu, mustahaklah Kementerian Pertahanan meletakkan Islam sebagai satu strategi pertahanan. Semangat Islam dicampur dengan kualiti-kualiti lain dalam bidang ketenteraan boleh menjadi benteng. Cuba kita perhatikan, Tuan Pengerusi, kepada sejarah tentera Soviet Union melanda Hungary di pertengahan Tahun 1950. Dalam masa dua minggu, Buhapest dan seluruh Hungary dikuasai oleh Russia. Demikian juga bila Soviet masuk ke Czechoslovakia pada tahun 1968, dalam masa seminggu Russia menguasai Czechoslovakia. Bila Vietnam masuk ke Kemboja 10 tahun lalu, seminggu sahaja Rejim Pol Pot jatuh, tetapi bila Russia melanggar Afghanistan, sudah hampir 10 tahun Soviet Union sebagai kuasa besar masih belum dapat menewaskan Mujahiddin yang serba kekurangan itu. Rahsia kekuatan Mujahiddin Afghanistan ialah kerana berjuang atas nama Islam. Demikian juga dengan Iran, seluruh kuasa Eropah bergabung tenaga dengan Iraq dan lain-lain negara Arab, sudah 7 tahun berperang, Iran belum dikalahkan.

Oleh itu Kerajaan kita mestilah menjadikan Islam sebagai satu benteng pertahanan. Sekiranya Islam dijadikan satu pegangan dan daya pendorong tentera, maka pengorbanan tentera itu akan lebih dinamis. Apabila penyertaan seseorang itu di dalam tentera dapat diterima sebagai seorang tentera yang berjihad, maka ada keinginan tentera itu untuk mati dalam perjuangan atau dalam perkhidmatan yang akan menjadikan motto dan kekuatan tentera itu. Sekiranya itu menjadi orientasi atau latihan tentera kita, maka Pasukan Tentera itu berusaha dengan sendirinya menjauhkan segala bentuk kerja buruk. Mereka berkorban, mereka

beramal, mereka berjuang untuk menegakkan kalimah Allah dan tidak menjadi anggota tentera kerana makan gaji atau menjadi tentera kerana tidak dapat kerja lain. Disiplin tentera yang sudah sedia ada itu apabila bertambah dengan semangat dan gaya penjuang Islam akan menjadikan Pasukan Tentera kita satu pasukan yang perkasa. Inilah harapan kita untuk mempertahankan negara ini dari ancaman musuh.

Aktiviti Perkhidmatan Tentera yang disebutkan di bahagian (b), Program Pertahanan Negara, muka surat 297 di dalam buku Anggaran Belanjawan Program dan Prestasi 1988 berbunyi:

"Tujuan Memberikan perkhidmatan ketenteraan yang diperlukan untuk menjamin keselamatan dan untuk menentang musuh-musuh negara."

Untuk tujuan itu, belanjawannya adalah separuh dari yang diperuntukkan kepada Kementerian ini iaitu \$1.2 bilion. Walaupun ia alat pertahanan tetapi dalam tujuan peruntukan Perkhidmatan ini soal keselamatan negara ditunjukkan, pertahanan itu terletak dalam keselamatan.

Malaysia adalah sebuah negara yang terus menjadi perhatian di sebelah rantau Asia dan Pasifik sama dengan perhatian yang pernah diberikan sebelum ini, bukan sahaja dari geografi yang kedudukannya yang strategik, tetapi selepas rantau itu mencapai kemerdekaan dari penjajahan barat, suasana banyak berubah.

Sebelum kedatangan penjajah, rantau ini mempunyai banyak negara Islam, tetapi penyatuan politik dan wilayah negara-negara kecil tadi, menjadikan negara yang lebih luas kawasan dan sempadannya. Bilangan

negara Islam selepas merdeka menjadi terhad. Tidak banyak lagi negara Islam di rantau ini.

Walaupun Malaysia aktif dalam diplomasi serantau, tetapi rantau ini menjadi tumpuan semua pihak khususnya kuasa-kuasa besar. Kadang-kadang rebutan pengaruh di antara kuasa-kuasa besar itu menjadi perkara seperti Malaysia tidak selamat. Oleh itu, diplomasi yang tinggi yang direncanakan mengikut ajaran Islam menjamin keselamatan. Islam mengajur umat supaya berpandukan Al-Ouran dan Al-Hadis. Selagi manusia berpegang kepada dua perkara ini, mereka akan selamat. Inilah permula keselamatan yang terbaik. Dengan permula ini, insya Allah, bahaya dadah di kalangan tentera boleh dibanteras.

Sekarang dadah bukan sahaja mengancam pengangguran dan orang yang tidak beruniform, ia sudah mengancam tentera. Dadah menjadi alat pemusnah peribadi individu tentera. Ia juga boleh memusnahkan angkatan tentera, malah ia boleh memusnahkan tamadun manusia. Disiplin biasa tentera belum menjamin dadah tidak menyerang tentera. Tetapi kekebalan iman tentera dan Angkatan Bersenjata menjadikan dadah tidak laku dan tidak dapat ditembusi.

Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan langkah tentera termasuk tentera laut dan udara mulai mengambil wanita untuk dijadikan anggotanya. Sebelum ini ada kita terbaca tentang askar wanita tidak boleh berkahwin dengan askar dari satu pasukan dan berbagai-bagai cerita menarik lagi. Soalan saya cuma, adakah Kementerian ini sudah membincangkan dengan para Mufti tentang penyertaan wanita dalam tentera ini? Bagi menanyakan bila dan pada ketika macam mana wanita boleh dijadikan tentera. Islam ada membuat

ketentuan dalam perkara ini. Bila ketentuan Islam tidak diambil kira dan perhatian, ia akan mengancam keselamatan.

Saya bimbang takut jadi cerita semacam ASN. Masa hendak dibuat, tidak ditanya sedikit pun pada Mufti. Bila sampai ke puncak nanti, ramai orang bertanya, Kerajaan terdesak, maka akhirnya Mufti sendiri tidak berani mengeluarkan fatwa, dan saya pun tidak dibenarkan membangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini beberapa hari lepas, kerana untuk wang Kerajaan, dan ini pula kerana keselamatan negara, maka hukum boleh tidak boleh, tidak usah peduli. Saya kira tidak selamat.

Itulah sahaja yang dapat saya sampaikan mengenai Butiran B.20 Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

6.04 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Pengerusi, saya hendak membincangkan Kementerian Pertahanan yang berjumlah \$2,287,600,000 B.25 muka surat 117, Butiran 020000—Perkhidmatan Tentera; 030000—Perkhidmatan Logistik dan 040000—Latihan. Saya ingin mengambil ketiga-tiga ini dirangkumkan dalam ucapan yang ringkas ini.

Tuan Pengerusi, negara kita telah 30 tahun merdeka. Dalam 30 tahun ini, kita telah pun berusaha untuk membangunkan negara kita di segi laut, darat untuk mendapatkan hasil dan di samping itu juga keselamatan negara kita telah diperbesarkan Tentera Udara, Laut, Polis dan sebagainya. Dalam masalah ini, kita mengharapkan oleh kerana sekarang ini negara kita terbentang luas

dikelilingi oleh laut yang mana kita sentiasa, sungguhpun kita masuk dalam negara-negara yang berkecuali, kita tidak mahu menyebelah mana-mana, tetapi dalam masalah ini kita harus berjaga-jaga, iaitu dalam soal keselamatan negara kita.

Sebagaimana saya sebutkan tadi, negara kita dikelilingi oleh laut dan juga dikelilingi oleh masalah-masalah yang kemungkinan berlaku. Oleh itu sebelum, bak kata pepatah orang Melayu, "sebelum hujan sediakan payung". Dalam masalah ini juga dengan adanya keselamatan dalam negara kita baik, negara-negara luar juga akan sama-sama datang untuk melabur di dalam negara kita. Jikalau keadaan keselamatan tidak terjaga atau tidak terkawal, kemungkinan pelabur-pelabur asing akan takut datang ke negara kita ini, kemungkinan dia takut wang yang dibawa akan hilang begitu sahaja dan usaha-usaha yang dijalankan tidak berjaya.

Oleh yang demikian, kita mengharapkan supaya pihak Kerajaan melebihi lagi peruntukan-peruntukan, kalau dibandingkan peruntukan yang ada \$2 juta ini tidak mencukupi untuk menyediakan kelengkapan untuk tentera-tentera kita dan sebagainya. Tujuan kita bukan untuk berperang, tetapi kita menjaga negara kita daripada ancaman-ancaman. Negara kita kaya dengan hasil lautnya, dengan batu karangnya dan juga dengan minyak di Terengganu dan di lautannya yang lain. Oleh itu, dalam masalah ini kalau kita tidak berjaga-jaga, kemungkinan musuh-musuh akan melihat keadaan ini dan kemungkinan mereka akan memusnahkan ini lebih awal dan selepas itu akan berjangkit ke daratan dan ini akan memudaratkan negara kita.

Itulah saya sebutkan tadi supaya negara kita dapat benar-benar dijaga.

Kalau tidak, 30 tahun negara kita merdeka, dalam satu hari akan hancur lebur. Saya sebutkan begini, Tuan Pengerusi, bukan kita menuduh tetapi ini anggapan atau jawapan daripada negara kita, negara jiran yang baru-baru ini 4 askar telah pun masuk dalam negara kita. Sungguhpun mereka telah mengatakan silap, sesat jalan dan seterusnya, tetapi ini dalam segi ketenteraan, rasa saya, kita tidak boleh menerima dengan begitu sahaja, dengan tinita maaf dan seterusnya. Oleh kerana kita dalam negara ASEAN ini, jiran dalam negara ini, sepatutnya kita menghormati di antara satu negara dengan negara yang lain, tidak curiga mencuriga di antara kita dengan kita sendiri.

Dalam soal yang lain, saya juga mengharapkan supaya dalam masalah tentera ini juga, dari segi latihan, latihan juga harus diperketatkan sebagai tentera-tentera yang lebih awal dahulu kuat dan patuh dengan disiplin mengikut undang-undang tentera. Kita tidak mahu ada terlepas bagaimana yang berlaku baru-baru ini private Adam telahpun mengamuk di Kuala Lumpur dan menjadikan kita huru-hara dan negara luar telahpun mengambil kesempatan mengatakan negara Malaysia ini telah bergaduh dan berlaku pertumpahan darah dan seterusnya, kerana salah perkhabaran yang mereka terima. Ini juga rasa saya adalah latihan dan disiplin yang tidak diberi secukupnya kepada askar-askar kita, kemungkinan trust dan sebagainya di hati mereka, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri yang menyebutkan mereka itu merasa tidak puas hati, bukan dengan Kerajaan, kemungkinan dari pegawai yang ada kerana torture yang begitu kuat, kemungkinan yang berlaku kepada diri mereka. Ini juga saya rasa supaya pihak tentera memberikan latihan dan disiplin yang baik dan di samping itu memberikan semangat kepada askar-askar kita ini

oleh kerana mereka ini berjuang untuk kepentingan negara, tidak tahu masa hujan, panas, dalam hutan dan kadang-kadang masa kita sedap lena tidur, mereka ini berada di dalam hutan pendalaman untuk menjaga keselamatan negara kita. Kalau mereka ini dikerah dengan begitu kuat, dengan tidak ada alasan-alasan dan sebagainya, inilah yang akan menjadikan banyak askar-askar yang merasai rendah din dan sebagainya dan berbagai-bagai masalah seperti, menghisap dadah dan sebagainya akan berlaku. Oleh itu, dalam masalah ini kita mengharapkan supaya latihan-latihan dan sebagainya dapat diselidiki supaya askar-askar kita yang masuk ataupun yang telah berkhidmat itu akan memberikan teladan yang baik kepada negara kita.

Soal yang lain ialah tentang perumahan keluarga mereka. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah menyatakan sekian rumah, bilik dan seterusnya akan disediakan, tetapi bagi menampung perumahan ini saya rasa tidak mencukupi kerana askar-askar ini akan pergi masuk hutan, di pendalaman dan di persempadanan untuk menjaga keselamatan.

Ada mereka ini duduk di kawasan-kawasan setinggian, bercampur Gaul dengan orang-orang awam dan kemungkinan askar-askar yang berjuang pergi masuk ke hutan ini akan memikirkan bagaimana keadaan keselamatan anak mereka yang tinggal di rumah, yang tidak tentu arahnya. Jikalau sekiranya rumah-rumah mereka ini siap, kemungkinan mereka yang masuk ke hutan akan menjalankan tugas yang baik, tidak memikirkan apa yang terjadi kepada keluarga, anak isteri dan juga keluarga-keluarga mereka yang lain dengan adanya keadaan rumah yang selesa.

Sekarang ini apa yang saya dapat tahu elau rumah yang ada hanya lebih kurang \$85 sebulan. Kalau di Kuala Lumpur dengan \$85 ini untuk dapat sebuah rumah setingan pun susah. Oleh itu dalam perkara ini pihak Kerajaan, pihak Kementerian Pertahanan sepatutnya memikirkan bagaimana melebihi elau sedikit, kalau tidak ada perumahan yang disediakan supaya sewa rumah ini dapat dipertingkatkan sedikit bagi kepentingan keluarga-keluarga mereka sendiri.

Soal yang lain banyak juga saya dengar Menteri Pertahanan yang telah dilantik memberikan ucapan-ucapan mengatakan kita siap sedia, telah pun mengadakan pengeluaran alat-alat senjata yang kita sediakan dalam negara kita. Tetapi hingga hari ini rasa saya, saya hendak dapat tahu daripada Menteri yang berkenaan bagaimana ucapan-ucapan itu yang mengatakan kita ada alat itu dan sebagainya kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain, umpamanya negara jiran kita sendiri dalam senyap-senyap mereka itu telah bersiap sedia dengan senjata, alat kelengkapan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Pengerusi, oleh kerana masa tidak mengizinkan, itulah harapan saya serba sedikit supaya dapat pandangan bagi kepentingan kaum tentera dan di samping itu bagi menjaga ketenteraman negara kita ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kota Belud.

6.13ptg.

Tuan Maidom bin Pansai (Kota Belud): Tuan Pengerusi, saya juga ingin turut mengambil bahagian bagi membincang Maksud Bekalan 25,

Kementerian Pertahanan, muka surat 117, Butiran 020000 Perkhidmatan Tentera dan Butiran 040000 Latihan.

Tuan Pengerusi, terdapat \$154,657,600 bagi tujuan latihan diperuntukkan bagi tahun 1988.

Pertama sekali menerusi kesempatan ini saya ingin bertanya kepada Kementerian berkenaan dalam konteks latihan iaitu apakah kriteria yang diambil oleh pihak berkuasa dalam mengenalpasti dan menentukan satu-satu kawasan itu untuk dijadikan kawasan latihan tentera. Persoalan ini saya timbulkan kerana bila saya memerhatikan salah satu kawasan latihan tentera yang terdapat di Kem Paradise, Daerah Kota Belud, Sabah, saya sendiri mendapati ianya tidak sesuai memandangkan kepada kedudukan yang dikelilingi oleh kawasan-kawasan pertanian dan perkampungan menyebabkan para penduduk yang tinggal di kawasan yang berhampiran itu begitu terdedah kepada bahaya peluru-peluru yang mengganas pada musim berlatih. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa kawasan pertanian yang telah terlibat itu telah pun diberikan bayaran pampasan, tetapi wang bayaran pampasan sejumlah itu tidak akan dapat menampung keperluan mereka dari tahun ke tahun seterusnya.

Begitu juga dengan para penduduk perkampungan yang telah terlibat dalam kawasan latihan tentera tersebut yang telah dipindah ke suatu kawasan penempatan tetapi sungguh menyedihkan kawasan penempatan yang baru itu hanya ditumbuhi oleh rumput-lalang sahaja. Lain-lain tumbuhan tidak boleh tumbuh dan tidak menjadi. Yang boleh menjadi ialah hanya api terutama sekali pada musim kemarau. Oleh sebab keadaan demikian maka hingga pada masa ini sudah begitu banyak rumah-rumah di penempatan itu ditinggalkan kerana

mencari kawasan pertanian di mana mereka boleh bergantung hidup. Untuk pengetahuan Menteri berkenaan kini para penduduk berkenaan telah pun kembali mengerjakan kawasan-kawasan pertanian mereka dalam kawasan latihan tentera tersebut walaupun terdapat larangan yang begitu keras daripada pihak tentera dan sedar akan bahayanya, tetapi mereka terpaksa berdegil kerana untuk menyahut teriakan dan tangisan anak-anak yang lapar dan memerlukan makanan untuk terus menikmati hidup seperti orang lain. Dalam hal ini, saya ingin bertanya kepada Menteri berkenaan, apakah Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap mereka ini dan kalau ya, apakah tindakan itu.

Tuan Pengerusi, saya sedar bahawa kejadian seperti ini bukanlah atas perbuatan Kementerian Pertahanan. Kementerian itu tidak boleh dipersalahkan, tidak boleh disesalkan kerana ia hanya tahu berunding dengan pihak Kerajaan Negeri sahaja serta membayar pampasan yang terlibat. Namun begitu, pihak Kementerian Pertahanan boleh membuat sesuatu untuk membantu kepada para penduduk yang terlibat dengan memberi kelonggaran atau tegasnya kebenaran kepada mereka untuk mengerja dan menjalankan kegiatan pertanian dalam kawasan latihan tentera tersebut.

Berdasarkan kepada keadaan yang diterangkan, di sini saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan akan mengkaji kebolehan atau kemungkinan untuk mengadakan kawasan latihan tentera di pulau-pulau yang terdapat di sepanjang Perairan Sabah seperti Pulau Banggik, Pulau Gaya, Pulau Daat ataupun Pulau Belebangan supaya di samping tentera dapat menjalankan latihan, mereka juga dapat berkhidmat kepada negara dengan cara mengawal lanun-

lanun yang kerap kali mengganas di perairan Sabah yang begitu membahayakan kepada para nelayan kita yang mencari rezeki di sepanjang perairan Sabah di samping mengintip dan mengawal para pendatang haram yang menyusup masuk ke negeri Sabah. Pulau-pulau yang dicadangkan tadi itu adalah semuanya menjadi persinggahan lanun-lanun terutama sekali para pendatang haram dan adalah lebih tepat dan kena pada tempatnya untuk dijadikan kawasan latihan tentera ini jika dibandingkan dengan kawasan latihan tentera di Kem Paradise, Kota Belud yang begitu aman dan damai serta jauh daripada gangguan lanun dan para pendatang haram dan sebagainya.

Dalam hal ini, saya sekali lagi mencadangkan supaya kawasan latihan tentera di Kem Paradise, Kota Belud itu dipindah ke pulau-pulau yang disebutkan tadi. Kalau kawasan di kem tersebut tidak dapat ditutup terus, sekurang-kurangnya ia dapat diperkecilkan daripada yang ada sekarang ini. Ini adalah amat mustahak kerana:

- (1) Sebagaimana yang diterangkan tadi tentera-tentera dapat menjalankan latihan sambil berkhidmat kepada negara untuk mengawal perairan Sabah seperti yang diterangkan demi untuk kepentingan bukan sahaja rakyat negeri Sabah, tetapi juga negara Malaysia pada keseluruhannya.
- (2) Dapat membantu para penduduk yang berhampiran di kawasan Kem Paradise, Kota Belud itu supaya mereka dapat menggunakan kawasan tersebut kembali sebagai tempat menjalankan kegiatan pertanian demi untuk terus hidup seperti lam-lain manusia yang terdapat di nusantara dan di seluruh dunia juga.

Tuan Pengerusi, hanya itu pandangan dari saya dan saya menaruh harapan dan keyakinan kiranya pandangan-pandangan yang telah saya utarakan itu akan mendapat pertimbangan positif daripada Menteri berkenaan kerana ini adalah satu-satunya masalah yang dihadapi oleh rakyat di sekitar itu selama ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.18ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan berbagai-bagai perkara serta syor-syor yang baik untuk perhatian dan tindakan Kementerian Pertahanan. Mungkin saya tidak sempat menjawab semua pertanyaan dan perkara yang dibangkitkan itu, tetapi kepada setiap pertanyaan dan syor-syor yang berguna itu akan diteliti dan diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kok Lanis telah membangkitkan berkenaan dengan masalah Penasihat Ketenteraan di beberapa buah negara seperti di Cairo, Fiji, Baghdad, Brunei Darussalam. Hujah-hujah Ahli Yang Berhormat untuk memperbaiki tahap pertahanan kita dan mengadakan kerjasama adalah baik.

Mengenai Penasihat Tentera yang disarankan oleh Yang Berhormat itu, saya suka menyatakan bahawa Kementerian Pertahanan telah pun mengambil langkah untuk mengadakan Penasihat Tentera di Brunei Darussalam. Bagi Negara Egypt dan Saudi, Kementerian saya belum mengadakan Penasihat Tentera kerana tahap kerjasama pertahanan

dengan negara-negara tersebut belum lagi memerlukannya.

Beliau juga menyentuh berkenaan dengan layanan yang diberi oleh KEMENTAH kepada bekas-bekas perajurit.

Tuan Pengerusi, Kerajaan sentiasa memandang berat terhadap kebajikan bekas-bekas perajurit khasnya mereka yang berpangkat rendah dan berusaha untuk mengambil tindakan bagi mengatasi masalah-masalah dan kesulitan mereka. Satu bahagian telah ditubuhkan di Kementerian Pertahanan iaitu Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit untuk mengendalikan segala hal mengenai bakal dan bekas perajurit. Hasrat Kementerian Pertahanan ialah untuk mewujudkan bakal dan bekas perajurit yang dapat berdikari. Untuk mencapai hasrat ini Bahagian Hal Ehwal Bekas Perajurit melalui program pembangunan bakal dan bekas perajurit menumpukan aktiviti-aktiviti kepada usaha-usaha untuk memberi latihan kemahiran, latihan keusahawanan, kemudahan-kemudahan mendaftar pekerjaan dan penyertaan di rancangan-rancangan tanah FELDA.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanis, iaitu beliau meminta Angkatan Tentera Malaysia bekerjasama erat dengan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) dan juga dengan Angkatan Bersenjata Singapura dan Angkatan Bersenjata Thailand dan Brunei Darussalam, saya ingin menegaskan di sini bahawa kerjasama-kerjasama telah wujud beberapa tahun yang lalu di antara negara-negara tersebut. Kita mempunyai latihan bersama ataupun "exercise" di peringkat bukan sahaja di antara Tentera Darat Malaysia dengan Tentera Darat Indonesia, bahkan juga di bawah GBC, kita juga membuat latihan di antara Angkatan Tentera Darat kita dengan Thailand dan juga di

bawah Five Power Defence Arrangement dengan negara-negara anggota iaitu Singapura, Australia, United Kingdom dan New Zealand.

Tuan Pengerusi, selain daripada negara-negara tersebut, kita juga menerusi tentera laut kita membuat latihan tahunan di antara Tentera Laut Di Raja Malaysia dengan Angkatan Bersenjata Negara Brunei-Darussalam, angkatan lautnya di perairan Laut China Selatan.

Tuan Pengerusi, Kementerian Pertahanan mempunyai rancangan jangka panjang bagi melengkapkan angkatan tentera kita dengan segala peralatan yang moden, tetapi disebabkan oleh keadaan ekonomi negara sekarang, rancangan ini terpaksa ditangguhkan terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, langkah-langkah serta usaha-usaha sentiasa dilakukan untuk menggunakan apa sahaja alat kelengkapan yang sedia ada dengan sepenuh-penuhnya bagi meningkatkan keberkesannya. Tumpuan juga diberikan untuk meningkatkan mutu profesionalisme dan semangat ketenteraan yang tinggi di kalangan anggota tentera melalui berbagai latihan sama ada latihan di dalam ataupun di luar negara seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Besut telah mengemukakan beberapa soalan kepada Kementerian saya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Besut, bahawa peruntukan awal bagi projek Gong Kedah berjumlah \$500 juta, selakat ini perjalanan yang dibuat adalah sebagai bayaran pampasan bagi tanah yang berjumlah hampir \$40juta. Projek Gong Kedah masih menjadi keperluan Angkatan Tentera Udara Di Raja Malaysia bagi menampung keperluan latihan TUDM. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan bagi projek Gong Kedah,

peruntutannya hanya minima, namun demikian pelancarannya dijangka akan dimulakan selepas Rancangan Malaysia Kelima. Tentang kemungkinan pihak setinggan mengambil alih kawasan tersebut, ingin dimaklumkan, buat masa ini kawasan tersebut masih terkawal. KEMENTAH berhubung rapat dengan penguasa tanah tempatan bagi menentukan kawasan tersebut terselamat dari diduduki oleh setinggan secara kekai. Berkenaan dengan industri di Bukit Kuchai, ini di luar tanggungan KEMENTAH dan sukar bagi KEMENTAH membuat ramalan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai telah menimbulkan masalah kekurangan rumah kediaman anggota tentera. Sebagaimana yang selalu dinyatakan di Dewan yang mulia ini, masalah kekurangan rumah kediaman untuk anggota tentera memang disadari oleh Kementerian Pertahanan. Oleh sebab itulah pada dasarnya penyediaan rumah-rumah kediaman untuk anggota tentera diberi keutamaan yang tinggi. Buat masa ini Kementerian Pertahanan menghadapi kekurangan rumah keluarga sebanyak 56,851 unit mengikut perjawatan (establishment) dengan izin, dan kekurangan sebenar mengikut paras kekuatan semasa adalah sebanyak 80% dari jumlah tersebut iaitu 45,480 unit. 70%-80% dari jumlah itu adalah untuk keperluan anggota-anggota tentera yang berpangkat rendah. Dengan pemotongan peruntukan yang diberikan kepada Kementerian ini masalah kekurangan rumah anggota tentera agak sukar untuk diatasi. Dengan peruntukan yang kecil ini menyebabkan pencapaian dan pelaksanaannya tidak dapat dijalankan dengan sepenuhnya. Tanpa satu rancangan yang raksasa, masalah perumahan tidak akan dapat diatasi dalam jangkamasa yang pendek. Pencapaian program perumahan yang

telah siap dan diambil alih dalam tempoh tahun 1986/1987 ialah sebanyak 486 unit dan menjelang penghujung tahun ini sehingga penghujung tahun hadapan sejumlah lebihkurang 1,730 unit dengan kos \$88.2 juta mungkin dapat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini tertakluk kepada kedudukan kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam peruntukan Belanjawan 1988, Kerajaan telah merancang untuk menambahkan tagi rumah anggota tentera dengan membina dan membeli sejumlah 1,025 unit yang dianggarkan menelan belanja sebanyak \$51.46 juta sebagai langkah untuk menampung kekurangan rumah-rumah tersebut.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, sudah habis?

Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha: Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Kementerian saya.

Tuan Pengerusi: Saya ingat kena esok juga. Masa sudah cukup.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat. Mesyuarat ditangguhkan hingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.